MADINAH
MUNAWWARAH
KELEBIHAN DAN SEJARAH

ABDUL BASIT BIN ABDUL RAHMAN

M.A MADINAH

MADINAH mempunyai keistimewaan dan kelebihan tersendiri seperti yang disebut di dalam hadis-hadis Rasulullah SAW. Dengan kedudukannya yang tinggi di sisi syariat Islam, Madinah telah mendapat tempat yang istimewa di hati umat ini, bermula dengan Rasulullah SAW, para sahabat, tabi'in hingga ke akhirnya.

Buku ini membicarakan kelebihan Madinah, adab-adab ziarah, sejarah Masjid Nabawi, Raudhah, Mimbar, Perkuburan Baqi', Masjid-masjid dan Telaga-telaga bersejarah di Madinah serta sejarah peperangan yang berlaku di Madinah pada zaman Nabi. Pada halaman-halaman terakhir pula di jelaskan tentang kelebihan tamar Madinah.

Buku ini perlu dibaca oleh setiap individu yang ingin mengenali kota suci Rasulullah SAW khususnya pengunjung-pengunjung Madinah Munawwarah.

ردمك: 9960 - 9439 - 4 - 1

MADINAH MUNAWWARAH

KELEBIHAN DAN SEJARAH

ح دار المآثر للنشر والتوزيع ١٤٢٤هـ

فهرسة مكتبة الملك فهد الوطنية أثناء النشر

عبد الرحمن، عبد الباسط حاج

المدينة المنورة فضائلها وتاريخها باللغة الماليزية /

عبد الباسط حاج عبد الرحمن — ط٣ .. المدينة المنورة ١٤٢٤هـ

١٦٠ ص، ١٤×٢٠

ردمك : ١ — ٤ — ٩٤٣٩ - ٩٩٦٠

١ - المدينة المنورة — تاريخ أ. العنوان

ديوي ٩٥٣,١٢٢ ١٤٢٤/٥٦٤٤

رقم الإيداع: ١٤٢٤/٥٦٤٤

ردمك: ١ — ٤ — ٩٤٣٩ - ٩٩٦٠

الطبعة الثالثة

١٤٢٤هـ - ٢٠٠٤م

دار المآثر

المدينة النبوية

DAR AL-MAATHIR

• المدينة النبوية ص . ب ٣٢٦٤ المدينة
سنترال ٨٢٨٢٨٦٤ - ٤ ٠٠٩٦٦
فاكس ٨٢٧٧٣٣٦ - ٤ ٠٠٩٦٦
جوال ٥٦٣٢٢٢٤٥ (٠) ٠٠٩٦٦

• الرياض ص . ب ١٠٢٥٨ الرياض ١١٤٣٣
سنترال ٤٦٠٢٩٠٠ - ١ ٠٠٩٦٦
فاكس ٤٦٠٢٩٢٢ - ١ ٠٠٩٦٦
جوال ٥٦٢٥٧٧١٢ (٠) ٠٠٩٦٦

E mail almaathir@yahoo.com

رقم ٥٥

MADINAH MUNAWWARAH

KELEBIHAN & SEJARAH

PENYUSUN:
ABDUL BASIT BIN ABDUL RAHMAN
M.A Syariah Madinah.

Dar Al-Maathir
Madinah.

MADINAH MUNAWWARAH

KELEBIHAN & SEJARAH.

ABDUL BASIT ABDUL RAHMAN

CETAKAN PERTAMA
(EDISI BARU) : JAN. 2002.
CETAKAN KEDUA : JULAI 2002.
CETAKAN KETIGA : JUN 2003.
CETAKAN KEEMPAT : OGOS 2003.

PENGEDAR :
Dar Al-Maathir For Pub.& Dist.
P.O. Box 3264, Madinah.
Tel: 04-8283864.

تمت مراجعة الكتاب بقسم الترجمة والنشر،
لجنة الدعوة والتعليم بالمدينة المنورة.
ص. ب: ٦٣٠٣.
هاتف: ٠٤-٨١٥٠١٣٣
http://www.alharamainonline.org

KANDUNGAN

MUQADDIMAH 1

1. BAB SATU :
KELEBIHAN KOTA SUCI MADINAH 4

2. BAB DUA :
ADAB MENZIARAHI MADINAH 14

3. BAB TIGA :
MADINAH MENERUSI SEJARAH 18
1- Kedudukan Madinah 18
2- Penduduk Awal Madinah 20
3- Sejarah Hijrah Rasulullah 25

4. BAB EMPAT :
MASJID NABAWI 28
1- Lokasi Masjid Nabawi 29
2- Sempadan Dan Kedudukan Asal Masjid 31
3- Ukuran Masjid Nabawi ekarang 34
4- Pintu-Pintu Masjid Pada Zaman Rasulullah 36
5- Tempat Solat Rasulullah 37
6- Tiang-Tiang Bersejarah Di Dalam Masjid 39
7- Tempat Duduk Ahli Suffah 44
8- Mimbar Rasulullah ﷺ 45

9- *Raudhah Al-Mutahharah* 50
10-*Rumah-Rumah Isteri Rasulullah ﷺ.* 53
11-*Kubur-Kubur Di Dalam Masjid Nabawi* 58
12-*Perubahan-Perubahan Terhadap Makam Rasulullah ﷺ.* 63
13-*Percubaan Mencuri Jasad Rasulullah ﷺ.* 65

5. BAB LIMA :
PERKUBURAN BAQI' 71

6. BAB ENAM :
MASJID-MASJID BERSEJARAH DI MADINAH
1. *Masjid Quba'* 79
2. *Masjid Al-Jumu'ah* 83
3. *Masjid Al-Qiblatain* 84
4. *Masjid Al-Fath* 88
5. *Masjid Tujuh* 90
6. *Masjid Al-Musalla* 91
7. *Masjid Asy-Syajarah* 93
8. *Masjid As-Sajadah* 94
9. *Masjid Al-Ijabah* 96
10. *Masjid As-Sabqa* 97
11. *Masjid Al-Mustarah* 98
12. *Masjid Asy-Syaikhain* 99
13. *Masjid Al-Fadhikh* 100
14. *Masjid Bani Quraizah* 101
15. *Masjid Az-Zubab* 102
16. *Masjid As-Suqya* 103

17. *Masjid Bani Haram* **104**

7. BAB TUJUH :

TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH DI MADINAH

1. *Telaga-Telaga Bersejarah* **106**
   1) *Telaga As-Suqya* **106**
   2) *Telaga Budha'ah* **107**
   3) *Telaga Ha* **107**
   4) *Telaga Aris atau Khatam* **108**
   5) *Telaga Al-Ghars* **110**
   6) *Telaga Ar-Rumah* **110**
2. *Saqifah Bani Sa'idah* **112**
3. *Kota Ka'ab Bin Al-Asyraf* **113**

8. BAB LAPAN :

SEJARAH PEPERANGAN DI MADINAH

1. *Peperangan Bani Qainuqa'* **177**
2. *Peperangan Bani An-Nadhir* **122**
3. *Peperangan Uhud* **127**
4. *Peperangan Ahzab (Khandak)* **140**

9. BAB SEMBILAN :

TAMAR MADINAH **154**

PENUTUP **157**

RUJUKAN **158**

MUQADDIMAH

الحمد لله الذي فاضل بين بقاع الأرض كما فاضل بين خلقه ، نحمده سبحانه وتعالى حمداً يليق بجلاله وعظمته ، ونصلي ونسلم على المختار من خلقه الذي اصطفاه لرسالته ، واختار له مدينته التي انطلق منها موكب الإيمان ليسطع نوره في أرجاء المعمورة ، عليه وعلى آله وصحبه أفضل الصلاة وأتم التسليم.

أما بعد :

Bandar Rasulullah ﷺ kota yang bercahaya, Al-Madinah Al-Munawwarah adalah merupakan sebuah bandar yang bersejarah, menjadi impian setiap muslim untuk mengunjunginya. Setiap inci buminya mempunyai sejarah, lantaran menjadi bumi yang telah dipilih oleh Allah ﷻ sebagai tempat perpindahan dan persemadian Rasul-Nya, serta para sahabat ؓ, juga menjadi tempat tadahan wahyu.

Madinah mempunyai keistimewaan dan kelebihan tersendiri seperti yang disebut di dalam hadis-hadis Rasulullah ﷺ. Dengan kedudukannya yang tinggi di sisi syariat Islam, Madinah telah mendapat tempat yang istimewa di hati umat ini, bermula dengan Rasulullah ﷺ, para sahabat, tabi'in hingga ke akhirnya.

Perasaan untuk mengenali *maalim* (tempat-tempat bersejarah) di bandar Rasulullah ﷺ ini telah lama tertanam di dalam diri penulis semenjak mula mempelajari sirah Rasulullah ﷺ serta membaca buku-buku sejarah yang lain,

lebih-lebih lagi setelah dipilih oleh Allah ﷻ untuk berada di bumi yang bertuah ini.

Lantaran menyedari akan kelebihan mengetahui Madinah dan adab menziarahinya di sisi Islam disamping mengenali tempat-tempat bersejarah dan kesan-kesannya yang masih dapat dikenal pasti di bumi Rasulullah ﷺ pada hari ini maka kami menulis dan menyusun buku ini.

Memandangkan kurangnya buku mengenai tempat-tempat bersejarah di Madinah yang ditulis dalam Bahasa Malaysia, adalah diharapkan kehadiran buku ini dapat memberi manfaat kepada semua, khasnya kepada muslimin dan muslimat yang berkunjung ke Madinah.

Buku ini disusun berdasarkan ceramah oleh syeikh-syeikh yang berpengalaman (seperti Sheikh 'Atiyyah Mohd Salim رحمه الله dan Sheikh Dr. Ab. Aziz Al-Qari), juga melalui pembacaan dan kajian menerusi bahan rujukan mengenai sejarah Madinah serta beberapa tempat yang sempat dilawati untuk memastikan lokasi dan kewujudannya pada hari ini. Sekiranya terdapat perselisihan pendapat dalam menentukan sesuatu tempat, saya akan menyebut pendapat-pendapat tersebut dengan tidak men*tarjih* (menyokong) mana-mana pendapat, kerana ia memerlukan penyelidikan yang mendalam.

Buku ini telah diterbitkan beberapa kali di Madinah dengan nama **"MENGENALI MADINAH MUNAWWARAH MENERUSI KESAN-KESAN SEJARAH"** oleh Perpustakaan Pelajar Malaysia Madinah (PPM).

Juga telah diterbitkan di Malaysia oleh Madrasah Muhammadiah Pondok Sungai Durian sebagai satu usaha dakwah dan mengisi tabung kewangan Madrasah dan

telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pembaca, Alhamdulillah.

Adapun cetakan kali ini dengan nama yang lebih ringkas "**MADINAH MUNAWWARAH: KELEBIHAN DAN SEJARAH**" adalah selepas dibuat semakan, tambahan dan pembetulan yang terperinci dari segi kandungan, nota kaki dan rujukan. Semoga ianya lebih bermanfaat kepada para pembaca.

Di sini saya merakamkan جزاكم الله خيرا kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan penerbitan buku ini sama ada di Madinah ataupun di Malaysia, khasnya kepada isteri saya Ummu Anas yang telah sama-sama menulis dan menterjemahkan beberapa bahagian buku ini, semoga Allah ﷻ menerima amal kalian dan membalasnya dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Akhirnya, apa yang baik itu daripada Allah ﷻ dan segala kekurangan itu adalah daripada kelemahan diri saya sendiri.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه والتابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين.

Akhukum fil Islam,

Abdul Basit bin Abdul Rahman
Abu Anas Madani.
P.O Box 398 Madinah.
E-mail : ainbaa@yahoo.com
Tel: 04-8373455.

26 J. Awal 1422 H.
16 Ogos 2001M.

BAB SATU
KELEBIHAN KOTA SUCI MADINAH

Banyak hadis Rasulullah ﷺ yang menyebut tentang kelebihan Madinah dan buminya, kelebihan tinggal dan beramal di dalamnya, juga larangan-larangan daripada melakukan kejahatan di dalamnya. Di sini akan disebutkan beberapa hadis mengenainya serta beberapa hukum yang berkait dengannya, semoga ia dapat menjadi renungan dan panduan kepada semua.

1. Rasulullah ﷺ menjadikan Madinah sebagai tanah haram dan berdoa untuk keberkatan ahlinya:

(إِنَّ إِبْرَاهِيْمَ حَرَّمَ مَكَّةَ وَدَعَا لَهَا، وَحَرَّمْتُ الْمَدِيْنَةَ كَمَا حَرَّمَ إِبْرَاهِيْمُ مَكَّةَ، وَدَعَوْتُ لَهَا فِيْ مُدِّهَا وَصَاعِهَا مِثْلَ مَا دَعَا إِبْرَاهِيْمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ لِمَكَّةَ).

وفي رواية: (اللهُمَّ اجْعَلْ بِالْمَدِيْنَةِ ضِعْفَيْ مَا جَعَلْتَ بِمَكَّةَ مِنَ الْبَرَكَةِ).

رواه البخاري ومسلم وغيرهما.

Maksudnya: "Sesungguhnya Ibrahim telah mengharamkan Makkah dan berdoa untuknya dan aku mengharamkan Madinah sepertimana Ibrahim mengharamkan Makkah dan aku berdoa untuk (keberkatan) cupak dan gantangnya sepertimana Ibrahim عليه السلام berdoa untuk Makkah".

Menurut riwayat yang lain: "Ya Allah, jadikanlah berkat Madinah dua kali ganda daripada berkat yang Engkau jadikan bagi Makkah"[1].

Hukum Haram Madinah:

Menurut Jumhur (kebanyakan) ulama' (Imam Malik, Syafie dan Ahmad) adalah haram menangkap binatang perburuan dan memotong pokok-pokok yang tumbuh di Madinah. Berdasarkan hadis:

(...وَإِنِّي حَرَّمْتُ الْمَدِينَةَ مَا بَيْنَ لاَبَتَيْهَا، لاَ يُقْطَعُ عِضَاهُهَا،
وَلاَ يُصَادُ صَيْدُهَا) رواه مسلم.

Maksudnya: "...Dan aku mengharamkan Madinah di antara dua tanah hitamnya, jangan dipotong pokoknya dan jangan ditangkap binatang perburuannya"[2].

Sesiapa yang melakukannya hendaklah meminta ampun (beristighfar) dan bertaubat kepada Allah dan tidak dikenakan sebarang denda ke atas mereka.

Namun menurut pendapat Ibnu Abi Zi'b, Ibnu Abi Laila dan Ibnu Al-Munzir; dikenakan denda ke atas mereka seperti denda membunuh perburuan atau memotong pokok di tanah haram Makkah.

Pendapat *qadim* (lama) Imam Syafie dan satu riwayat dari Imam Ahmad pula hukuman ke atas

[1] Sahih Al-Bukhari No. 2129,1885. Sahih Muslim No. 1360,1369.
[2] Sahih Muslim No. 1362.

mereka yang melakukannya ialah *Salab*: diambil semua barang yang ada bersamanya kecuali pakaian yang menutup auratnya sahaja[1].

2. Amaran atau ancaman melakukan kezaliman atau maksiat di Madinah:

عن علي بن أبي طالب ﷺ قال: قال النبي ﷺ: ((الْمَدِيْنَةُ حَرَمٌ مَا بَيْنَ عَيْرٍ إِلَى ثَوْرٍ، فَمَنْ أَحْدَثَ فِيْهَا حَدَثاً، أَوْ آوَى مُحْدِثاً، فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِيْنَ، لاَ يُقْبَلُ مِنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَرْفٌ وَلاَ عَدْلٌ)).

رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Madinah adalah tanah haram, letaknya di antara Bukit E'ir dan Bukit Thur, sesiapa yang melakukan kezaliman (maksiat) atau melindungi orang yang melakukan kezaliman (maksiat) di dalamnya, maka ke atasnya laknat Allah, Malaikat dan manusia seluruhnya dan semua amalan baiknya samada yang wajib atau sunat tidak diterima oleh Allah daripadanya pada Hari Kiamat"[2].

---

[1] Lihat: Imam Nawawi, Syarah Sahih Muslim 9/134-139, Al-Hafiz Ibnu Hajar, Fathul Bari 4/100, Ibnu Qudamah, Al-Mughni 5/193, Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah Al-Muta'alliqah bil Madinah 23-42.

[2] Sahih Al-Bukhari No. 6755,1870, Sahih Muslim No. 1370.
Menurut Jumhur (Kebanyakan) Ulama': 'Sarf: Amalan Fardhu. 'Adl: Amalan Sunat'. Atau Sarf: Taubat. 'Adl: Tebusan'. Kata Qadhi 'Iyadh: 'Maksudnya tidak diterima dengan redha, namun diterima sebagai amalan yang dilakukan'. Lihat: Fathul Bari 4/101-104, Syarah Muslim 9/141, As-Samhudi, Khulasah Al-Wafa' 1/104.

3. Kelebihan bersabar menanggung kesusahan yang dihadapi di Madinah:

(لاَ يَصْبِرُ عَلَى لأْوَاءِ الْمَدِينَةِ وَشِدَّتِهَا أَحَدٌ مِنْ أُمَّتِي إِلاَّ كُنْتُ لَهُ شَفِيعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَوْ شَهِيدًا) رواه مسلم.

Maksudnya: "Mana-mana individu umatku yang bersabar menanggung kesusahan dan kepayahan di Madinah aku akan memberi syafaat kepadanya pada Hari Kiamat, atau aku menjadi saksi kepadanya"[1].

4. Kelebihan mati di Madinah:

(مَنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَمُوْتَ بِالْمَدِيْنَةِ فَلْيَفْعَلْ، فَإِنِّيْ أَشْفَعُ لِمَنْ مَاتَ بِهَا)

رواه أحمد والترمذي وابن ماجه وصححه أحمد شاكر والألباني.

Maksudnya: "Sesiapa yang mampu untuk mati di Madinah hendaklah dilakukannya, sesungguhnya aku akan memberi syafaat kepada mereka yang mati di Madinah"[2].

Mafhum hadis ini, sesiapa yang boleh tinggal di Madinah sampai mati janganlah keluar darinya, demikian juga kalau boleh berdoa biar Allah matikan di Madinah seperti doa Saidina Umar bin Al-Khattab ﷺ:

[1] Sahih Muslim No. 1378.

[2] Lihat: Dr. Ar-Rifa'i, Al-Ahadith Al-Waridah Fi Fadhail Madinah m.s. 264.

(اللَّهُمَّ ارْزُقْنِيْ شَهَادَةً فِيْ سَبِيْلِكَ، وَاجْعَلْ مَوْتِيْ فِيْ بَلَدِ رَسُوْلِكَ ﷺ)

Maksudnya: "Ya Allah rezekikan daku agar mati syahid di jalan Engkau dan jadikan kematianku di negeri rasul Engkau ﷺ"[1].

5. Kelebihan belajar di Masjid Nabawi:

(مَنْ دَخَلَ مَسْجِدَنَا هَذَا يَتَعَلَّمُ خَيْرًا أَوْ يُعَلِّمُهُ كَانَ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّه، وَمَنْ دَخَلَهُ لِغَيْرِ ذَلِكَ كَانَ كَالنَّاظِرِ إِلَى مَا لَيْسَ لَهُ).

رواه ابن أبي شيبة وأحمد وابن ماجة وغيرهم عن أبي هريرة.

Maksudnya: "Sesiapa yang memasuki masjid kami ini untuk mempelajari satu kebaikan atau mengajarnya adalah umpama mujahid di jalan Allah dan sesiapa yang masuk dengan tujuan lain adalah umpama orang yang melihat kecantikan barang orang lain"[2].

6. Madinah terpelihara daripada ancaman Dajjal dan wabak taun:

(عَلَى أَنْقَابِ الْمَدِيْنَةِ مَلاَئِكَةٌ لاَ يَدْخُلُهَا الطَّاعُوْنُ وَلاَ الدَّجَّالُ).

رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Di setiap pintu masuk Madinah terdapat

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1890.

[2] Lihat: Fadhail Madinah m.s. 510, Al-Albani, Sahih Al-Jami' As-Soghir No. 6184, Sahih Sunan Ibnu Majah No. 184.

malaikat yang mengawasi wabak taun dan dajjal daripada menyerang Madinah"[1].

7. Madinah sebagai tapak iman:

(إِنَّ الإِيمَانَ لَيَأْرِزُ إِلَى الْمَدِينَةِ كَمَا تَأْرِزُ الْحَيَّةُ إِلَى جُحْرِهَا).

رواه البخاري مسلم.

Maksudnya: "Sesungguhnya iman akan kembali ke Madinah sebagaimana ular kembali ke lubangnya"[2].

8. Kelebihan bersolat di Masjid Nabawi:

(صَلاَةٌ فِيْ مَسْجِدِيْ هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلاَةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلاَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ) رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Pahala sembahyang di Masjidku ini adalah seribu kali lebih baik daripada sembahyang di lain-lain masjid kecuali di Masjidil Haram"[3].

Jumhur Ulama' berpendapat: Semua bangunan tambahan selepas zaman Rasulullah ﷺ adalah termasuk dalam "Masjidku". Ini bermakna sesiapa yang bersolat di mana-mana bahagian tersebut tetap akan mendapat ganjaran pahala seribu kali ganda[4].

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1880, Sahih Muslim No. 1379.

[2] Sahih Al-Bukhari No. 1876, Sahih Muslim No. 147.

[3] Sahih Al-Bukhari No. 1190, Sahih Muslim No. 1394.

[4] Lihat: Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 11, As-Silsilah Ad-Dhaifah, 2/403. 'Atiyyah Salim, Tafsir (Tatimmah) Adwa' Al-Bayan 8/564. Majmu' Fatawa Ibnu Taimiah 26/146, Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah Al-Muta'alliqah bil Madinah 75-81.

9. Kelebihan bersolat 40 solat di Masjid Nabawi:

(مَنْ صَلَّى فِيْ مَسْجِدِيْ أَرْبَعِيْنَ صَلاَةً لاَ تَفُوْتُهُ صَلاَةٌ كُتِبَتْ لَهُ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ، وَنَجَاةٌ مِنَ الْعَذَابِ، وَبَرِئَ مِنَ النِّفَاقِ). رواه أحمد والطبراني في الأوسط.

Maksudnya: "Sesiapa bersolat 40 waktu solat* di masjidku (secara berterusan) tanpa meninggalkan satu solat pun, maka ditulis untuknya keselamatan daripada api neraka, keselamatan daripada azabnya dan terlepas daripada (bahaya) *nifaq* (munafiq)".

** Mengerjakan solat 5 waktu berjemaah selama 8 hari berturut-turut.*

Hadis ini dipertikaikan kesahihannya kerana salah seorang daripada perawinya 'Nubait bin Umar' dianggap *dhaif* (lemah)[1].

Walaupun begitu, perlu diingatkan kepada sesiapa yang berkesempatan, hendaklah mengerjakan solat di Masjid Nabawi dengan sebanyak mungkin, kerana sebagaimana yang telah disebutkan bahawa satu solat di Masjid Nabawi adalah lebih baik daripada seribu solat di masjid-masjid lain kecuali Masjidil Haram. Solat di Masjidil Haram Makkah menyamai seratus ribu solat.

Syeikh 'Atiyyah رحمه الله berkata: Hadis yang menggalakkan bersolat 40 waktu solat di Masjid Nabawi mungkin -والله أعلم- untuk membiasakan diri dengan solat berjemaah dan beramal soleh yang akan menjadikan dirinya sentiasa terikat dengan masjid.

[1] Sila rujuk: As-Silsilah Ad-Dha'ifah 1/366 No: 364, Fadhail Madinah m.s. 435-436

Lebih-lebih lagi jemaah yang datang dari jauh, semoga selepas pulang ke tempatnya, akan terus beristiqamah dengan ibadat ini. Sekiranya setelah mendapat latihan ini tapi -والعياذ بالله- kembali seperti sebelumnya, tidak menunaikan solat dengan baik atau tidak berjemaah, maka ini adalah satu kerugian yang besar[1].

Sehubung dengan ini Imam Abu Isa At-Tirmizi meriwayatkan hadis dari Anas ﷺ:

(مَنْ صَلَّى لِلهِ أَرْبَعِيْنَ يَوْماً فِيْ جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيْرَةَ الأُوْلَى، كُتِبَتْ لَهُ بَرَاءَتَانِ: بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ، وَبَرَاءَةٌ مِنَ النِّفَاقِ) رواه الترمذي.

Maksudnya: "Sesiapa mengerjakan solat berjemaah selama 40 hari dengan sempat takbir pertama imam (takbiratul ihram), maka ditulis untuknya dua kelepasan: keselamatan daripada api neraka dan terlepas daripada (bahaya) nifaq"[2].

Dan banyak lagi hadis lain yang menceritakan tentang kelebihan Madinah. Untuk penjelasan yang lebih lanjut mengenainya, pembaca disarankan untuk merujuk kitab: (الأحاديث الواردة في فضائل المدينة)[3].

---

[1] Lihat: Tafsir (Tatimmah) Adwa' Al-Bayan 8/574.

[2] Sunan At-Tirmizi 2/7 No. 241, Sahih Sunan At-Tirmizi No. 200, As-Silsilah As-Sahihah No. 1979 Sanadnya: 'Hasan'.

[3] Asalnya thesis Ph.D di UIM oleh Dr. Saleh bin Hamid Ar-Rifa'i dan telah dicetak di Arab Saudi.

Perhatian:

Adapun hadis yang menyebut tentang kelebihan menziarahi makam Rasulullah ﷺ atau kecaman (wa'iid) kepada orang yang meninggalkannya seperti:

- "Sesiapa yang menziarahi kuburku akan mendapat syafaatku".
- "Sesiapa yang mengerjakan haji dan tidak datang menziarahiku sesungguhnya orang itu membenciku".
- "Sesiapa yang mengerjakan haji, kemudian datang menziarahi kuburku adalah seperti mereka yang datang menzirahiku sewaktu hidupku".

Dan seumpamanya, tidak ada yang sahih, sama ada ianya hadis dhaif ataupun maudhu' (palsu)[1].

Syeikh Ibnu Taimiah رحمه الله berkata: "Tidak ada hadis yang boleh dibuat dalil dalam bab ini (ziarah), bahkan semuanya dhaif atau maudhu' (palsu)"[2].

---

[1] Sila Rujuk: Al-Hafiz Ibnu Hajar, At-Talkhis Al-Habir 2/507-509, Fadhail Al-Madinah 583-595, As-Silsilah Ad-Dhaifah 1/61-63, Soleh Sadalan, Tanbih Zair Al-Madinah 16-30.

[2] Majmu' Fatawa Ibnu Taimiah 27/35.

PETA KESAN-KESAN SEJARAH DI SEKITAR MADINAH

BAB DUA
ADAB MENZIARAHI MADINAH

Menziarahi Masjid Nabawi, makam Rasulullah ﷺ dan tempat-tempat bersejarah di Madinah ini ada adab dan peraturannya. Ini adalah agar amalan kita menjadi lebih berkat dan sempurna serta mendapat pahala, tidaklah nanti segala amal itu menjadi sia-sia bahkan menambahkan dosa serta mengurangkan pahala pula. (نعوذ بالله من ذلك).

Di samping itu, suatu ziarah tidaklah terikat dengan tempoh atau masa yang tertentu dan tidak pula terikat dengan solat atau ibadat yang banyak atau sedikit. Tuntutan ziarah itu sebenarnya sudah terlaksana dengan bersolat sunat *tahiyyatul masjid* dua rakaat, memberi salam kepada Rasulullah ﷺ dan kedua-dua sahabatnya kemudian berdoa untuk kebaikan diri kita dan kaum muslimin seluruhnya.

Adapun lawatan ke tempat-tempat bersejarah yang lain tidaklah ***diwajibkan,*** lebih-lebih lagi bagi mereka yang uzur ataupun kesuntukan masa. Tetapi bagi mereka yang berkesempatan, adalah menjadi satu ***kerugian*** jika peluang yang ada itu tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

BEBERAPA ADAB DAN LARANGAN YANG HARUS DIIKUTI SEMASA BERZIARAH

1. **Selawat** dan **salam** kepada Rasulullah ﷺ akan sampai kepada Baginda dari mana saja kita mengucapkannya, **tidak semestinya berdekatan** atau berhadapan dengan makamnya. Khasnya kepada kaum muslimat yang tidak dapat masuk ke bahagian hadapan masjid.

2. Jangan **mengangkat suara** dengan kuat ketika memberi salam kepada Rasulullah ﷺ ataupun ketika berada di dalam Masjid Nabawi sekalipun dengan bacaan Al-Quran. Hendaklah memberi salam sekadar dapat didengari oleh diri sendiri sahaja.

3. Juga jangan sekali-kali **membongkok** ketika memberi salam kepada Rasulullah ﷺ kerana itu adalah perbuatan bid`ah dan jika sampai kepada ruku' seperti di dalam solat boleh membawa kepada **haram.**

4. Di**haram**kan **meminta sesuatu hajat** atau sebarang permintaan untuk melepaskan diri daripada bala atau penyakit daripada makhluk ataupun roh orang yang telah mati meskipun roh Rasulullah ﷺ sendiri kerana perbuatan tersebut akan membawa kepada syirik. Meminta apa-apa hajat atau pertolongan hanyalah kepada Allah ﷻ semata-mata.

5. Masuklah ke dalam masjid dengan mendahului **kaki kanan** dan bacalah doanya. Kemudian hendaklah bersolat sunat *tahiyyatul masjid* dua rakaat sebelum melakukan amalan-amalan lain.

6. Jangan **menyentuh atau mengucup** mana-mana dinding makam atau masjid di mana-mana saja. Juga jangan sekali-kali **melemparkan** sesuatu ke dalam makam seperti yang dilakukan oleh sesetengah pelawat. Perbuatan ini adalah **bid`ah** yang tidak pernah dilakukan oleh para sahabat dan *salafussoleh*.

7. Menghadap ke arah makam Rasulullah ﷺ ataupun *Raudhah* ketika berdoa adalah dilarang sama-sekali kerana **kiblat doa** bagi muslimin adalah **Kaabah.** Jadi hendaklah menghadap kiblat ketika berdoa (lebih-lebih lagi bersolat) di mana saja kita berada.

8. Tidak **bersesak-sesak** dan **berebut-rebut** semasa di makam Rasulullah ﷺ, di *Raudhah* atau di mana-mana mihrab masjid sama ada untuk berdoa atau bersolat. Bagaimana mungkin mendapat pahala yang diinginkan itu jika kita sanggup menyakiti orang lain dan tidak dapat bertolak-ansur dan bersabar?

9. Adab dan larangan dalam **melintasi** orang yang sedang bersolat hendaklah dijaga. Janganlah kita sewenang-wenangnya melintas dan melangkah orang yang sedang bersolat semata-mata untuk mendapatkan saf di hadapan atau untuk keluar dari masjid.

10. Hendaklah kita **memenuhkan** mana-mana saf yang kosong dan jangan memutuskan saf-saf jemaah atau memilih tempat solat berjamaah di celah-celah tiang.

11. Jangan melakukan solat sunat di tengah jalan atau tempat laluan orang, pilihlah tempat yang terlindung

(sutrah), seperti di belakang tiang atau rak-rak Al-Quran.

12. Janganlah duduk di depan pintu masjid sekiranya masih lagi ada ruang di sebelah dalamnya kerana ini akan **menyesak** dan **menyusahkan** jemaah lain untuk masuk.

13. **Perbanyakkan**lah **ibadat** kepada Allah ﷻ dengan solat berjemaah juga solat sunat, membaca Al-Quran, berdoa, bertasbih, berzikir dan bertahmid kepada Allah ﷻ sebanyak mungkin juga bertaubat dari semua kesalahan yang lalu dan berazam tidak akan melakukannya kembali.
14. Jauhilah diri daripada segala perkara yang dilarang oleh Islam sama ada haram atau pun **makruh** seperti merokok dan sebagainya. Hindarilah daripada **berbual-bual kosong** dan lain-lain perbuatan yang boleh menjejaskan pahala ibadat.

15. Bagi kaum **wanita** pula hendaklah **menjaga adab**, jangan memakai pakaian yang mendedahkan aurat, atau berpakaian seperti 'ahli sukan' (berseluar dsb.), juga tidak memakai bau-bauan semasa terdapat lelaki yang bukan mahram, kerana semua ini dilarang oleh Islam. Sempurnakah perasaan cinta kita kepada Rasulullah ﷺ sehingga kita sanggup datang dari tempat yang jauh semata-mata untuk bersolat di masjid Rasulullah ﷺ dan memberi salam kepadanya, tetapi dalam masa yang sama pakaian, kelakuan dan tindakan kita tidak mengikut ajaran Baginda?[1].

---

[1] Lihat: Sheikh 'Atiyyah, Adab Ziarah Al-Masjid An-Nabawi.

BAB TIGA
MADINAH MENERUSI SEJARAH

KEDUDUKAN MADINAH

Madinah terletak di tengah-tengah oasis (lembah) yang subur. Bahagian barat lautnya dilingkungi oleh Jabal (Bukit) *Sila'* (سَلْعٌ), di selatan oleh Jabal *'Eir* dan Wadi (Lembah) *Al-'Aqiq*. Manakala *Jabal Uhud*, *Jabal Thur* dan Wadi *Qanat* pula menjadi sempadan di bahagian utara. Di bahagian timurnya pula disempadani oleh Harrah (kawasan tanah hitam) *Waqim Asy-Syarqiyyah* dan Harrah *Wabrah Al-Gharbiyyah* pula terletak di sebelah baratnya.

Menurut sebahagian ahli sejarah, Tanah Haram Madinah adalah sepanjang 16 km. Ini bertepatan jika diukur jarak *Jabal Thur* dari Masjid Nabawi adalah kira-kira 8 km dan *Jabal 'Eir* ke Masjid Nabawi juga berjarak 8 km, menjadikan panjang Madinah dari utara ke selatan ialah kira-kira 16 km[1]. Dalam satu hadis, Rasulullah ﷺ bersabda:

(الْمَدِينَةُ حَرَمٌ مَا بَيْـــنَ عَيْـــرٍ إِلَى ثَوْرٍ...... الحديث).

رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Tanah haram Madinah itu di antara Bukit *'Eir* dan Bukit *Thur...*".

---

[1] Lihat: Ali Hafiz, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 15-16, Prof. Dr. A. Aziz Al-Qari, Hudud Haram Al-Madinah 75, beliau mengatakan luasnya dalam lingkungan lebih kurang 15 km.

Mengenai lebarnya pula, Rasulullah ﷺ bersabda:

(مَا بَيْـــنَ لاَبَتَيْـــهَا حَرَامٌ). رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Di antara dua tanah hitamnya (Madinah) itu adalah tanah haram".

Manakala jarak Madinah dari Jeddah pula adalah kira-kira 400 km dan dari Makkah adalah 430 km.

Bukit Thur

Bukit 'Eir

CUACA DAN SUHU

Cuaca Madinah boleh disifatkan sebagai sangat panas di musim panas, musim peralihan yang sederhana dan sangat sejuk di musim sejuk.

PENDUDUK AWAL MADINAH

Mengikut rekod sejarah, orang yang pertama membuka Madinah selepas banjir besar di zaman Nabi Nuh عليه السلام ialah Yathrib bin Qaniah bin Mahla Bail bin Iram bin Obail daripada keturunan Nabi Nuh عليه السلام.

Manakala yang mula-mula membuka penempatan dan ladang-ladang pertanian pula ialah 'Amalek Bani

'Imlak daripada keturunan Sam bin Nuh[1].

Sebelum hijrah, Madinah yang dikenali sebagai Yathrib, didiami oleh tiga kaum yang utama iaitu Yahudi, Aus dan Khazraj. Yahudi merupakan golongan yang menguasai sebahagian besar ekonomi Madinah pada masa itu. Ketiga-tiga kaum ini sentiasa berselisih faham dan berperang sesama sendiri sehingga hijrahnya Rasulullah ﷺ yang membawa keamanan dan keadilan.

a) Yahudi:

Beberapa ahli sejarah mengatakan bahawa Abu Ubaidah bin Abdullah bin Ammar bin Yasir telah menceritakan: Ketika Nabi Musa عليه السلام datang untuk mengerjakan haji beliau telah ditemani oleh beberapa orang Bani Israel. Dalam perjalanan pulang mereka melalui Madinah dan mendapatinya adalah menepati sepertimana gambaran di dalam Taurat mengenai bandar yang akan menjadi tempat hijrah Rasul akhir zaman, penutup segala rasul. Sekumpulan daripada mereka lalu menetap di satu kawasan bandar yang dikenali sebagai Suq Bani Qainuqa' (sekarang tempat itu ialah di hujung jambatan But-han sebelah 'Aliyah)[2].

Abu Hurairah berkata: Apabila Bani Israel tidak sanggup lagi menanggung azab dan penyiksaan yang dilakukan oleh Bukhtanassar (586 s.m) mereka berhijrah dan melarikan diri.

---

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 1/517-518, Al-Abbasi, Umdah Al-Akhbar 20.

[2] Lihat: As-Samhudi Wafa' Al-Wafa' 1/157, Khulasah Al-Wafa' 1/519,

Mereka mendapati di dalam kitab Taurat sifat-sifat Nabi Muhammad ﷺ dan beliau akan muncul di satu perkampungan Arab yang terkenal dengan pokok tamar. Apabila mereka meninggalkan Syam (Sekarang ini Jordan, Palestin, Syria dan Lubnan), mereka mencari di setiap kampung di antara Syam dengan Yaman, tempat yang menyamai keterangan tersebut ialah Yathrib, sekumpulan dari mereka menetap di situ, dengan harapan mereka akan bertemu dengan Muhammad ﷺ dan mengikut ajarannya. Generasi yang terawal dari mereka meninggal dunia dengan beriman kepada kedatangan nabi Muhammad Rasulullah ﷺ dan sebelum mati mereka telah berpesan kepada anak-anak mereka supaya beriman dengan Nabi tersebut.

Tetapi mereka yang hidup serta sempat menemui dan menyaksikan kebangkitan Rasulullah ﷺ tidak beriman dengan ajarannya, sebaliknya melakukan pelbagai helah dan tindakan jahat untuk menentang Islam dan membunuh Rasulullah ﷺ. Semuanya disebabkan hasad dengki serta takut akan kehilangan kuasa dan kemewahan yang telah mereka kuasai di Madinah ketika itu[1].

Semua ini masih dilakukan walaupun Rasulullah ﷺ telah menandatangani satu perjanjian damai yang menjamin kebebasan beragama dan menjaga harta benda mereka. Kalaulah mereka tidak mengkhianatinya nescaya mereka akan hidup dengan aman tenteram bersama-sama kaum Muslim di bawah pemerintahan Islam yang adil dan saksama.

---

[1] Lihat: Ibid 1/160-161, 1/523-524, Ibnu An-Najjar, Ad-Durrah Ath-Thaminah 30.

Akan tetapi dengan melakukan pengkhianatan mereka telah menerima hukuman dan padah yang setimpal dengan kejahatan yang dilakukan dari Rasulullah ﷺ dan kaum Muslim. Keterangannya akan disebut di dalam bab 'Peperangan di Madinah' insya'Allah.

b) Kaum Ansar:

Selepas banjir besar (Sail Al-Arm) dengan sebab pecahnya empangan Maarib yang mengakibatkan kemusnahan di negeri Saba' Yaman, di akhir kurun kedua (s.m), 7 kurun sebelum Islam, suku kaum dari Yaman mula berhijrah dan menetap di merata tempat di Semenanjung Tanah Arab.

Kaum Aus dan Khazraj (mereka yang akhirnya dipilih sebagai Al-Ansar yang beriman dan menolong Rasulullah ﷺ) memilih Madinah dan menetap di beberapa kawasan bandar ini. Setengah daripada mereka berjiran dengan Yahudi yang pada masa itu menguasai ekonomi dan perdagangan Madinah. Mereka terpaksa berdamai dan berbaik-baik dengan Yahudi tersebut bagi mengelakkan kejahatan mereka beberapa masa yang lama.

Kemudian Aus dan Khazraj berusaha dan akhirnya berjaya membina kekuasaan dan kekayaan mereka sendiri. Ini sudah pasti menimbulkan irihati dan kebimbangan bagi Yahudi lalu mereka memutuskan hubungan damai tadi. Bimbang akan kejahatan Yahudi, mereka mula bersedia untuk menghadapi ancaman ini mereka mendapatkan bantuan dari Syria dan akhirnya dapat mengalahkan kaum Yahudi.

Orang Yahudi tidak berdiam diri, mereka sentiasa mencari jalan untuk melaga-lagakan Aus dan Khazraj. Tidak lama setelah mereka menguasai Madinah dengan kemewahan dan kesenangan, persaingan dan peperangan sesama sendiri pun mulai meletus. Ini berlarutan selama 120 tahun sehinggalah kedatangan Islam yang menjadikan musuh kelmarin adalah saudara pada hari ini[1].

﴿ وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾ ﴾

[آل عمران: ١٠٣].

Maksudnya: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyyah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayat-Nya"[2].

---

[1] Lihat: Ad-Durrah Ath-Thaminah 32-38, Khulasah Al-Wafa' 1/543, 572.

[2] Surah Aali 'Imran 103.

SEJARAH HIJRAH RASULULLAH ﷺ

Pada waktu itu, bilangan umat Islam di Makkah adalah terlalu kecil. Mereka pula sentiasa tertindas dan teraniaya dengan kezaliman kaum Quraisy yang menentang Islam dan perjuangan Rasullullah ﷺ. Kerana tidak sanggup lagi melihat keadaan ini, Rasulullah ﷺ pun memerintahkan agar mereka berhijrah ke Yathrib. Baginda ﷺ telah bersabda:

(إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ جَعَلَ لَكُمْ إِخْوَانًا وَدَارًا تَأْمَنُوْنَ بِـهَا)

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah menjadikan bagi kamu saudara dan kediaman yang akan memberi keamanan kepada kamu"[1].

Peristiwa hijrah yang bersejarah ini telah berlaku pada tahun 622 M, ekoran daripada perjanjian Rasulullah ﷺ dengan kaum Aus dan Khazraj sewaktu musim haji di Makkah yang terkenal dengan nama *Bai'atul 'Aqabah* (Perjanjian Aqabah). Di dalam perjanjian tersebut, mereka telah bersumpah akan melindungi serta menolong Rasulullah ﷺ dan pengikut-pengikutnya. Janji dan sumpah setia itu terbukti apabila mereka menunjukkan kesanggupan untuk melakukan berbagai-bagai pengorbanan demi mempertahankan Rasulullah ﷺ dan Islam. Mereka inilah yang digelar oleh Rasulullah ﷺ sebagai golongan Ansar (Penolong)[2].

---

[1] Lihat: Al-Hafiz Ibnu Kathir, Al-Bidayah Wa An-Nihayah 3/169.
[2] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 1/590, Al-Mubarakfuri, Ar-Rahiq Al-Makhtum 184.

Setibanya di Madinah, Rasulullah ﷺ terus mengubah nama Yathrib kepada Madinah.

Selain itu ia juga mempunyai 95 nama yang lain. Di antara yang terkenal ialah *Taibah, Thabah, Ad-Dar* dan *Al Iman*[1]. Kini ia lebih dikenali dengan nama 'Al-Madinah Al-Munawwarah' yang bererti 'Kota Yang Bercahaya' atau 'Al-Madinah An-Nabawiyyah' yang bererti 'Bandar Nabi' ﷺ.

Di sinilah umat Islam telah mengalami perubahan yang besar. Kalau dulu di Makkah mereka merupakan golongan minoriti yang tertindas dan terseksa, kini mereka mempunyai kedudukan yang aman dan teguh dengan pertolongan Allah ﷻ juga hasil kecekapan dan kepintaran Rasulullah ﷺ dalam memimpin dan mengatur pentadbiran umatnya.

Madinah kemudiannya menjadi kubu dan pusat penyebaran Islam sehingga cahaya dan kekuasaannya telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Hijrah telah menjadi satu mercu tanda dalam sejarah Madinah dan seluruh alam ini. Perkembangan peradaban manusia dan kemajuan dalam menegakkan keadilan dan keimanan adalah hasil daripada hijrah tersebut. Di samping itu, pengiraan tarikh Islam adalah bermula dari tahun hijrah Rasulullah ﷺ ke Madinah.

Selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, Madinah telah melalui beberapa era pemerintahan di bawah kerajaan-kerajaan Islam sehinggalah berada di bawah pemerintahan Kerajaan Arab Saudi pada hari ini.

---

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 1/19-62, Fadhail Madinah 33.

ZIARAH KE MADINAH

Walaupun ziarah ke Madinah tidak termasuk dalam rukun haji, tetapi sebagai sebuah kota suci yang terdapat di dalamnya Masjid Rasulullah ﷺ yang menjanjikan ganjaran solat yang berganda dan salah sebuah masjid yang dianjurkan agar bermusafir kepadanya, makam Baginda ﷺ, ahli keluarga dan sahabat-sahabat serta para syuhada' yang sunat diziarahi, juga terdapat Masjid Quba' yang menjanjikan fadhilatnya yang tersendiri, di samping peranan Madinah itu sendiri sebagai pusat terawal penyebaran Islam, maka setiap umat Islam adalah digalakkan menziarahinya bagi mengenangi serta menginsafi perjuangan dan penderitaan generasi terdahulu. Semoga dengan melihat sendiri tempat-tempat bersejarah serta mengenang kembali peristiwa-peristiwa itu akan dapat menambahkan lagi keimanan dan ketaqwaan terhadap Allah ﷻ.

BAB EMPAT
MASJID NABAWI

Tempat yang paling utama dan mulia untuk diziarahi di Madinah ini ialah Masjid *Nabawi* atau Masjid Nabi. Rasulullah ﷺ telah bersabda mengenai kelebihan menziarahi masjidnya :

(وَلاَ تُشَدُّ الرِّحَالُ إلاَّ إلَى ثَلاَثَةِ مَسَاجِدَ: مَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ الأَقْصَى وَمَسْجِدِي هَذَا). رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Tidaklah digalakkan (disunatkan) bermusafir melainkan ke tiga buah masjid iaitu: Masjidil Haram, Masjidil Aqsa dan Masjidku ini"[1].

Baginda juga telah bersabda :

(صَلاَةٌ فِيْ مَسْجِدِيْ هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلاَةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إلاَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ). رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Pahala sembahyang di Masjidku ini adalah seribu kali lebih baik daripada sembahyang di lain-lain masjid kecuali di Masjidil Haram"[2].

Hadis-hadis tersebut jelas menunjukkan betapa besarnya pahala dan ganjaran bagi sesiapa yang menziarahi dan bersembahyang di Masjid Nabawi.

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1197, Sahih Muslim No. 1397.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 1190, Sahih Muslim No. 1394.

Masjid Nabawi

LOKASI MASJID NABAWI

Masjid ini terletak 597 m dari aras laut. Kedudukannya di tengah-tengah bandar Madinah menjadikannya seperti bulan purnama dan permata yang bersinar, sesuai dengan peranannya sebagai sumber cahaya dan keindahan Islam.

Tanah tapak masjid ini adalah berasal dari tempat mengeringkan tamar kepunyaan dua orang anak yatim (Suhail dan Sahl) di bawah jagaan As'ad bin Zararah Al-Ansari. Rasulullah ﷺ kemudiannya membeli tanah tersebut. Kawasan tersebut dipenuhi dengan pokok-pokok tamar, kubur-kubur orang bukan Islam dan runtuhan-runtuhan lama yang kemudiannya dibersih dan diratakan untuk didirikan masjid[1].

[1] Lihat: Fusul Min Tarikh Al-Madinah 63.

Kisah bagaimana tanah ini terpilih untuk dijadikan tapak Masjid Nabawi begitu unik sekali. Setelah Rasulullah ﷺ keluar dari *Quba'* menuju ke kota Madinah, orang ramai berebut-rebut mengheret tali unta Rasulullah ﷺ untuk membawa Baginda ﷺ sebagai tetamu ke rumah masing-masing. Namun demikian Rasulullah ﷺ menyerahkan kepada unta Baginda untuk membuat pilihan dan bersabda:

(دَعُوْهَا فَإِنَّـــهَا مَأْمُوْرَةٌ)

Maksudnya: "Lepaskannya, sesungguhnya ia telah diberi arahan (oleh Allah ﷻ)".

Unta itu pun terus berjalan sambil berpaling ke kanan dan ke kiri seolah-olah mencari sesuatu, sehinggalah ia berhenti di tapak masjid yang ada pada hari ini. Selepas ia berhenti, Rasulullah ﷺ bersabda:

(هُنَا الْمَنْزِل إِنْ شَاءَ الله)

Maksudnya: "*InsyaAllah*, di sinilah tempat tinggal".

Setelah itu, bangun pula ketua-ketua kaum Khazraj berebut-rebut menjemput Rasulullah ﷺ ke rumah mereka dengan nada persaudaraan. Dalam pada itu, Abu Ayub Al-Ansari (Khalid bin Zaid ؓ) terus mengambil barang-barang Rasulullah ﷺ dan menuju ke rumahnya. Baginda tersenyum sambil bersabda :

(الْمَرْءُ مَعَ رَحْلِه)

Maksudnya: "Seseorang itu mesti bersama barangnya".

Rumah Abu Ayyub yang bertuah itu letaknya betul-betul di depan masjid sekarang. Rasulullah ﷺ tinggal di situ hampir setahun lamanya[1].

---

[1] Lihat: Fathul Bari 7/288, Khulasah Al-Wafa' 1/607-614.

Masjid Nabawi dibina buat pertama kalinya pada bulan Rabi'ul Awal tahun pertama hijrah (622M) iaitu pada hari kedua setibanya Rasulullah ﷺ di kota Madinah. Keluasan asalnya ketika itu adalah kira-kira 35m x 30m = 1050m persegi dan 2.9m tinggi. Tiangnya diperbuat daripada batang tamar dan atapnya dibuat daripada pelepah-pelepah tamar, disimen dengan tanah liat dan dibuat condong sedikit untuk aliran air hujan. Rasulullah ﷺ sendiri turut serta dalam pembinaan ini. Baginda memikul dan membawa batu-bata. Mereka bekerja sambil membaca :

(اَللّٰهُمَّ إِنَّهُ لاَ خَيْرَ إِلاَّ خَيْرُ الآخِرَةْ – فَانْصُرِ الأَنْصَارَ وَالْمُهَاجِرَةْ)

Maksudnya: "Tidak ada kebaikan yang sebenar melainkan kebaikan akhirat. Ya Allah berilah pertolongan kepada kaum Ansar dan Muhajirin"[1].

Setelah selesai pembinaan masjid itu, barulah Rasulullah ﷺ membina rumahnya bersama Saidatina Aisyah dan isteri-isterinya yang lain رضي الله عنهن [2].

SEMPADAN DAN KEDUDUKAN ASAL MASJID NABAWI

Oleh kerana telah banyak perubahan dan pembesaran yang dilakukan, agak sukar untuk ditentukan kedudukan asal masjid pada hari ini. Tetapi mengikut sumber-sumber sejarah yang dapat dipercayai, kedudukan

---

[1] Sahih Al-Bukhari, No. 3932.

[2] Lihat: Fusul Min Tarikh Al-Madinah 64, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 41.

asal dinding dan temboknya adalah seperti berikut:

1. Dinding selatan (arah kiblat)

Dikatakan terletak di pagar (sempadan *Raudhah*), kira-kira setengah meter dari mihrab (tempat solat) Rasulullah ﷺ.

2. Dinding utara

Dinding asalnya telah disatukan dengan dinding baru yang dibina pada zaman kerajaan Uthmaniyyah. Ia memanjang dari timur ke barat dari pintu masjid yang kini dikenali sebagai '*Bab An-Nisa*'(Pintu Wanita).

3. Dinding timur (sebelah makam Rasulullah ﷺ)

Terletak kira-kira 1.8 m daripada tiang yang kelima dari sebelah kiri mimbar. Kini bahagian tersebut termasuk dalam kawasan pagar makam.

4. Dinding barat

Dinding ini pula dikatakan terletak di tiang kelima yang terdiri dari utara ke selatan yang tertulis di atasnya dalam bahasa Arab:

"حَدُّ مَسْجِدِ النَّبِيِّ عَلَيْهِ السَّلاَمُ"

Yang bererti: 'Sempadan Masjid Nabawi'.

Had ini adalah selepas pembesaran yang dibuat oleh Rasulullah ﷺ pada tahun 7 Hijrah (628M), iaitu selepas Peperangan Khaibar berikutan pertambahan umat Islam ketika itu. Dengan pembesaran ini keluasannya bertambah menjadi 50m x 50m = 2500m persegi.

Begitulah antara sempadan-sempadan Masjid Nabawi sebagaimana yang dibina pada zaman Rasulullah ﷺ[1].

Jumhur Ulama' berpendapat semua bangunan tambahan selepas zaman Nabi ﷺ adalah dikira sebagai Masjid Nabawi, pahala dan ganjaran solat sama dengan bangunan asal.

Mengikut beberapa hadis, seluruh masjid itu adalah Masjid Nabawi walau seluas mana ia ditambah. Ibnu Syabbah dan Yahya Ad-Dailami meriwayatkan daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda yang maksudnya : "Jika masjidku ini dibesarkan sehingga ke San'aa (Yaman) ia masih tetap menjadi masjidku"[2].

Satu peristiwa aneh berlaku selepas pertukaran kiblat ke Makkah. Ketika Rasulullah ﷺ mengarahkan beberapa orang lelaki berdiri di setiap penjuru masjid untuk menentukan arah kiblat, tiba-tiba muncul Jibril عليه السلام lalu menunjukkan arah yang sebenarnya dengan menudingkan tangannya ke arah Kaabah di Makkah, lalu terbelah segala bukit-bukau sehingga Rasulullah ﷺ dapat melihat Kaabah dari kedudukannya. Selepas Rasulullah ﷺ mengenali dan menanda arah kiblat itu, segalanya pun

---

[1] Lihat: Fusul Min Tarikh Al-Madinah 64-65,Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 42.

[2] Lihat: Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 11, As-Silsilah Ad-Dhai'fah 2/402-403 No. 973. Syeikh Al-Albani رحمه الله berkata: Hadis ini sangat dhaif. Tetapi maknanya sahih, berdasarkan amalan para salaf sewaktu pembesaran di zaman Saidina Umar رضي الله عنه dan Usman رضي الله عنه di bahagian kiblat, imam dan para sahabat bersolat di bangunan tambahan.

kembali seperti sebelumnya[1].

UKURAN MASJID NABAWI SEKARANG

Ukuran keluasan masjid selepas pembesaran terakhir oleh *Khadimul Haramain* ialah: Tingkat bawah seluas 98,500 m persegi, boleh menampung seramai 167,000 orang jemaah dan tingkat atas (bumbung) seluas 67,000m persegi, boleh menampung seramai 90,000 jemaah. Jumlah kesemuanya 165,500m persegi dan boleh menampung seramai 257,000 orang jemaah.

Kawasan persekitaran yang dijadikan medan untuk solat pula boleh menampung seramai 250,000 orang. Jadi keseluruhannya Masjid Nabawi dan persekitarannya boleh menampung lebih kurang 700,000 jemaah pada hari-hari biasa. Manakala pada musim haji pula bilangan jemaah boleh melebihi sejuta orang.

Masjid Nabawi pada hari ini mempunyai 23 buah pintu utama, 81 pintu biasa, 10 menara, 27 buah kubah bergerak, 18 tangga biasa dan 6 tangga elektrik[2].

---

[1] Lihat: Ghali Muhammadul Amin Asy-Syanqithi, Ad-Dur Ath-Thamin 21. Fadhail Madinah 516. Namun kesahihan kisah ini dipertikaikan kerana perawinya amat dhaif.

[2] Lihat: Majalah Al-Manhal bil. 499 m/s 41-42, A. Aziz Kaaki, Maalim Al-madinah Al-Munawwarah Baina Al-'Imarah wa At-Tarikh 2/227.

Pembesaran Masjid Nabawi sehingga tahun 1375H.
Gambar kecil:
Pelan Masjid Nabawi sekarang.

PINTU-PINTU MASJID PADA ZAMAN RASULULLAH ﷺ

Ketika Rasulullah ﷺ mula membina masjidnya, solat dilakukan menghadap ke arah utara, iaitu ke arah Masjidil Aqsa. Hanya tiga pintu dibuka ketika itu, iaitu di bahagian timur, barat dan selatan. Apabila kiblat diubah ke arah selatan iaitu menghadap Kaabah di Makkah, pintu baru dibuka di bahagian utara dan pintu di bahagian selatan ditutup.

1. Pintu timur

Ia diberi berbagai-bagai nama. Dinamakan '*Bab Rasulullah* ﷺ' kerana Rasulullah ﷺ selalu menggunakannya. Dinamakan '*Bab Usman*' kerana ia bertentangan dengan rumahnya. Dikenali juga sebagai '*Bab Jibril*' kerana Jibril عليه السلام memasuki melaluinya sewaktu datang mengadap Rasulullah ﷺ.

2. Pintu barat

Pada zaman dahulu ia dikenali sebagai '*Bab 'Atikah*' tetapi sekarang dinamakan '*Bab Rahmah*'.

3. Pintu selatan

Pintu ini dikenali sebagai '*Bab Al Umar*' (باب آل عمر) dan terletak di bahagian timur dinding selatan di antara mihrab Rasulullah ﷺ dan makam. Pintu ini ditutup selepas pertukaran arah kiblat.

4. Pintu utara

Pintu ini dibuka oleh Rasulullah ﷺ di dinding utara sebagai ganti terhadap pintu selatan yang ditutup akibat pertukaran kiblat tadi[1].

Catatan: ***Bab As-Salam*** yang selalu dicari oleh kebanyakan jemaah, nama asalnya ialah '*Bab Marwan*', kerana ia berdekatan dengan rumah Marwan bin Al-Hakam. Pintu ini tidak termasuk dalam masjid yang dibina oleh Rasulullah ﷺ, sebaliknya ia termasuk dalam binaan tambahan yang dibuat oleh Saidina Umar bin Al-Khattab ؓ pada tahun 17H (638M) dan seterusnya tambahan Saidina Usman ؓ dan Al-Walid hingga dikekalkan ke hari ini. Sebab dinamakan 'Bab As-Salam' kerana ia bertentangan dengan tempat orang memberi salam kepada Rasulullah ﷺ , dikenali juga dengan nama 'Bab Al-Khasyiah' dan 'Bab Al-Khusyu'[2].

TEMPAT SOLAT RASULULLAH ﷺ

Tempat Rasulullah ﷺ selalu bersolat setelah berkiblatkan Kaabah ialah sebelah barat (kanan) lubang mihrab yang ada sekarang iaitu di sebelah kiri mimbar. Di situlah Rasulullah ﷺ berdiri semasa mengimami solat. Jika mempunyai peluang dan kelapangan eloklah untuk kita bersolat dan berdoa di situ.

Manakala tempat solat Rasulullah ﷺ semasa menghadap ke Masjidil Aqsa selama kira-kira 17 bulan itu

---

[1] Fusul Min Tarikh Al-Madinah 66-67, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 136-143.

[2] Lihat: Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 145.

tidak pula ditanda, tempatnya ialah di akhir masjid dari sebelah utara, jadikan tiang Aishah di belakang anda kemudian anda berjalan ke arah utara hingga sampai kepada tiang kelima yang berbetulan dengan pintu Jibril عليه السلام di sebelah kanan anda[1].

Tempat Solat Rasulullah iaitu bertepatan dengan tiang di sebelah kanan Mihrab . Lihat anak panah.

[1] Lihat: Fusul Min Tarikh Al-Madinah 68, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 104.

TIANG-TIANG BERSEJARAH DI DALAM MASJID NABAWI

Tiang-tiang yang didirikan di bahagian selatan (kiblat) masjid merupakan pembaharuan yang dilakukan oleh **Sultan Abdul Majid Al-Uthmani** bagi menggantikan tiang-tiang lama dan dibina di tempat asal tiang yang dibina daripada batang-batang pokok tamar di zaman Rasulullah ﷺ lagi.

Terdapat lapan batang tiang (أسطوانة) bersejarah yang mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri iaitu:

1. Tiang *Wangi* (الأسطوانة المخلّقة)

Ini adalah tanda tempat Rasulullah ﷺ selalu bersolat dan bermunajat. Iaitu tempat berlakunya peristiwa tangisan batang tamar sewaktu Rasulullah ﷺ berpindah menyampaikan khutbah di atas mimbar. Para sahabat ؓ selalu menyapu minyak wangi di tempat itu sebagai tanda tempat solat Rasulullah ﷺ, kerana itulah ia mendapat namanya.

Imam Malik juga pernah berkata bahawa di antara tempat yang baik untuk bersolat sunat adalah di tiang ini.

Pada hari ini tiang tersebut telah termasuk sebahagian daripadanya ke dalam mihrab yang tertulis padanya (هذا مصلّى رسول الله) yang bererti : "Inilah tempat solat Rasulullah ﷺ" iaitu di bahagian kanan mihrab.

Mihrab kedua yang terletak di sebelah kanan mimbar adalah mihrab yang dibina oleh **Sultan Sulaiman Al-Uthmani** pada tahun 908H atau Toghan Syeikh Al-Ahmadi pada tahun 860H. Mihrab ini dikenali

dengan nama "mihrab Hanafi" iaitu tempat imam mazhab Hanafi bersolat jemaah bersama pengikutnya. Mihrab utama pula menjadi tempat solat imam mazhab Maliki dan Syafie. Peristiwa ini berlaku sewaktu umat Islam terlalu taksub dan fanatik kepada mazhab masing-masing. Alhamdulillah sekarang ini semua muslimin bersolat di belakang seorang imam sahaja.

Sewaktu hayat Rasulullah ﷺ tidak ada mihrab di dalam masjid, sebaliknya ia mula dibina sewaktu pembesaran masjid di zaman Al-Walid, iaitu melalui gabenornya Umar bin Abdul Aziz.

2. Tiang *Saidatina Aisyah* (أسطوانة عائشة)

Tiang ini adalah yang ketiga dari mimbar, yang ketiga dari kubur Rasulullah ﷺ dan yang ketiga juga dari kedudukan kiblat di dalam masjid. Ia juga dikenali sebagai Tiang *Al-Muhajirin,* kerana orang-orang muhajirin selalu berkumpul berdekatan dengan tiang itu.

Nama lainnya ialah *"Tiang Undi"*, kerana menurut *At-Tabarani* di dalam kitabnya *Al-Awsat*[1], Saidatina Aisyah berkata bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Di dalam masjidku ini ada satu tempat yang jika manusia mengetahui tentang kelebihannya nescaya mereka akan berkerumun di situ sehingga terpaksa dicabut undi untuk mendapatkan tempat solat di situ". Dan apabila sahabat-sahabat bertanya tempat tersebut, Saidatina Aisyah keberatan untuk memberitahunya, tetapi dipercayai beliau telah memberitahu anak saudaranya, Abdullah bin Az-Zubair mengenainya.

[1] Al-Mu'jam Al-Awsat No. 866.

Juga dipercayai bahawa Rasulullah ﷺ pernah mengimami solat fardhu di tempat ini selama dua atau tiga bulan sebelum berpindah ke tempat solatnya selepas pertukaran kiblat. Para sahabat seperti Abu Bakar As-Siddiq, Usman bin Affan, Abdullah bin Az-Zubair, 'Amir bin Abdullah ؓ dan lainnya sentiasa dilihat bersolat di tiang tersebut.

3. Tiang *Taubat* (أسطوانة أبي لبابة / التوبة)

Ia adalah yang keempat dari mimbar, yang kedua dari makam Rasulullah ﷺ dan yang ketiga dari kedudukan kiblat. Tiang ini juga dikenali sebagai "Tiang *Abu Lubabah*" kerana di situlah Abu Lubabah ؓ telah mengikat dirinya sendiri sebagai hukuman kerana telah mengkhianati Rasulullah ﷺ kepada Yahudi Bani Quraizah.

Kisahnya, sewaktu beliau dihantar mewakili pihak Islam berunding dengan Bani Quraizah selepas peperangan Ahzab, beliau telah memberi isyarat bahawa mereka akan dibunuh jika berunding dengan Rasulullah ﷺ dengan menunjukkan isyarat ke arah lehernya. Selepas peristiwa itu beliau berasa dukacita dan menyesali perbuatannya lalu terus ke Masjid Nabawi dengan penyesalan yang teramat sangat sehingga hampir hilang pendengaran dan penglihatannya.

Di Masjid Nabawi, beliau terus mengikat dirinya di tiang tersebut tanpa makan dan minum. Beliau bersumpah tidak akan membebaskan dirinya sehinggalah Rasulullah ﷺ sendiri yang melepaskannya. Anak perempuannya pula membukakan ikatannya sekadar untuk beliau bersolat dan menunaikan hajat sahaja.

Akhirnya Rasulullah ﷺ membuka ikatan Abu Lubabah ؓ setelah Allah ﷻ menurunkan wahyu menerima taubatnya yang ikhlas itu. Rasulullah ﷺ selalu mengerjakan solat sunat di tiang ini. Baginda ﷺ juga selalu duduk di situ selepas solat subuh dan berbual-bual dengan golongan miskin dan lemah serta saudara baru Islam sambil menceritakan kepada mereka tentang wahyu yang baru diturunkan kepada Baginda.

Tiang ini juga bertentangan dengan kubur Rasulullah ﷺ dan kepala Baginda yang mulia.

4. Tiang *Katil* (أسطوانة السرير)

Ia adalah tiang yang bersambung dengan pagar besi makam dan bersebelahan dengan Tiang *Taubat* dari sebelah timurnya. Tiang ini mendapat namanya kerana Rasulullah ﷺ mempunyai katil yang dibuat daripada pelepah tamar yang diletakkan berdekatan dengan tiang itu untuk Baginda berehat sewaktu beriktikaf.

5. Tiang *Pengawal* (أسطوانة المحرس)

Tiang ini terletak di sebelah utara Tiang *Katil*, juga dikenali sebagai Tiang *Ali bin Abi Talib* ؓ kerana beliau selalu bersolat dan duduk di bahagiannya yang bersambung dengan rumah Rasulullah ﷺ untuk menjaga Baginda ﷺ sebelum turunnya ayat:

﴿ وَٱللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِ ﴾

Maksudnya: "Allah melindungimu daripada (gangguan) manusia"[1].

[1] Surah Al-Maidah 67

Selepas itu tidak ada lagi sahabat yang duduk mengawal Rasulullah ﷺ.

6. Tiang *Perwakilan* (أسطوانة الوفود)

Terletak di sebelah utara dari belakang Tiang *Pengawal*. Rasulullah ﷺ akan duduk di tiang ini untuk menerima kedatangan perwakilan daripada mana-mana kaum yang ingin berjumpa dengannya. Para sahabat juga akan turut serta bersama Baginda ﷺ.

7. Tiang *Empat Persegi Kubur* (أسطوانة مربّعة القبر)

Tiang ini dikenali dengan nama Tiang *Makam Jibril* iaitu tempat berdirinya Jibril عليه السلام ketika datang berjumpa Rasulullah ﷺ dan terletak di timur *Raudhah*. Kini ia terletak di dalam pagar makam. Menurut ahli sejarah, rumah Saidatina Fatimah رضي الله عنها binti Rasulullah ﷺ adalah berhadapan dengan tiang ini.

8. Tiang *Tahajjud* (أسطوانة التهجد)

Ia terletak di belakang rumah Saidatina Fatimah رضي الله عنها dari sebelah utara. Kini tiang ini berada di dalam pagar makam. Sebagai tanda kepada tiang ini, dibina satu mihrab yang telah ditutup dengan batu dan dijadikan rak Al-Quran. Di bahagian atasnya terdapat lukisan Masjidil Haram. Apabila kita berdiri di depannya, Pintu *Jibril* akan berada di sebelah kiri.

Menurut sejarahnya, Rasulullah ﷺ mempunyai tikar jerami yang akan dibawanya ke belakang rumah Saidatina Fatimah رضي الله عنها pada waktu tengah malam untuk Baginda menunaikan solat tahajjud. Apabila para sahabat

ﷺ mula menyertainya, Baginda kemudiannya masuk ke dalam rumah dan menjelaskan kepada mereka bahawa solat tersebut hanyalah sunat sahaja. Baginda bimbang takut nanti solat malam (tahajjud) difardhukan ke atas umatnya dan mereka pula tidak mampu melaksanakannya. Demikianlah rahmatnya Rasulullah ﷺ ke atas umatnya.

Tiang-tiang tersebut di atas adalah antara yang disebut oleh ahli-ahli sejarah tentang kisah dan kelebihannya, tetapi tiang-tiang lain juga mempunyai kelebihan-kelebihannya tersendiri sebagaimana kata Ibnu An-Najjar: "Semua tiang-tiang di Masjid Nabawi adalah elok untuk bersolat berhampirannya kerana para sahabat ﷺ sentiasa bersolat di mana-mana saja di dalam masjid itu".

Menurut ahli sejarah tiang-tiang tersebut dibina di tempat yang asal semasa pembaharuan binaannya. Wallahu a'lam[1].

TEMPAT DUDUK AHLI SUFFAH

Antara tempat bersejarah lain yang masih ada di dalam Masjid Nabawi itu ialah tempat duduk Ahli Suffah iaitu mereka yang datang dari luar Madinah dan tidak mempunyai kerja atau kediaman khas. Kedatangan mereka semata-mata untuk belajar daripada Rasulullah ﷺ dan menunggu arahan untuk berjihad. Mereka berkumpul di situ sehingga bilangan mereka mencapai 600 orang pada satu-satu masa. Rasulullah ﷺ selalu duduk

[1] Khulasah Al-Wafa' 2/45-70, Ad-Durrah Ath-Thaminah 143-149, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 69-71, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 121-134.

bersama mereka dan para sahabat ﷺ akan bergilir-gilir menjemput mereka bertamu ke rumah. Antara ahli *Suffah* yang masyhur ialah Abu Hurairah ؓ yang begitu banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah ﷺ walaupun beliau lewat memeluk Islam.

Tempat itu kini teletak di belakang *Raudhah* di sebelah kanan bahagian yang agak tinggi berdekatan dengan Pintu *Jibril.* Ia dikenali dengan nama *'Dakkatul Aghawat'* (دَكَّةُ الأَغَوَات) iaitu tempat duduk Khadam Masjid iaitu lelaki yang telah dipotong alat kelaminnya. Mereka berkopiah keras dan memakai bengkung di pinggang. Mereka ini bebas untuk mengawal masjid sama ada di kawasan lelaki atau perempuan (Khadam masjid ini di dalam bahasa Arab disebut '*agha*' ertinya dalam bahasa Turki: Ketua, Tuan atau Sheikh, manakala di kalangan orang melayu Makkah dan Madinah pula dikenali dengan nama '*sepotong*')[1].

MIMBAR RASULULLAH ﷺ

Di dalam sebuah hadis Rasulullah ﷺ telah bersabda :

(مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمِنْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، وَمِنْبَرِي عَلَى حَوْضِي) متفق عليه.

Maksudnya: "Di antara rumahku dan mimbarku adalah satu taman daripada taman-taman syurga dan mimbarku terletak di atas kolamku (pada hari qiamat)"[2].

---

[1] Lihat: M. Ilyas, Buyut As-Sahabah 44-57.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 1196, Sahih Muslim No. 1391.

Jumhur ulama' berpendapat mimbar tempat Nabi ﷺ menyampaikan khutbah itu akan dikembalikan semula dan diletakkan di tepi kolam Nabi ﷺ pada hari qiamat nanti[1].

Rasulullah ﷺ bersabda:

(مَنْ حَلَفَ عَلَى مِنْبَرِيْ آثِماً تَبَوَّأَ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ)

رواه مالك والشافعي وأحمد وأبو داود وغيرهم.

Maksudnya: "Sesiapa yang bersumpah palsu di atas mimbarku maka tempatnya adalah di neraka"[2].

PERTUKARAN MIMBAR

Pada awalnya Rasulullah ﷺ telah menggunakan batang tamar untuk bersandar ketika menyampaikan khutbah. Kemudian pada tahun 8 Hijrah datang seorang perempuan Ansar menawarkan untuk membuat satu tempat yang lebih elok untuk Baginda menggunakannya dan Baginda menyetujuinya.

Perempuan tadi kemudiannya membuat sebuah mimbar daripada kayu yang mempunyai tiga anak tangga. Rasulullah ﷺ mendapatinya selesa dan sesuai untuk diduduki di antara khutbah. Tetapi apabila Baginda mula menggunakan mimbar baru itu, batang tamar tadi menjadi begitu sedih dan menangis teresak-esak seperti tangisan kanak-kanak.

Apabila Rasulullah ﷺ menyedari hal itu, Baginda terus mengambil batang tamar itu dan memeluknya lalu

---

[1] Lihat: Ad-Durrah Ath-Thaminah 131, Fathul Bari 4/120.

[2] Imam Malik, Al-Muwatta' 2/727, Fadhail Madinah 499, Al-Albani, Irwa' Al-Ghalil 8/313 No. 2697 (Sahih)

memberi tawaran sama ada akan kembali hidup dan berbuah semula atau terus mati dan akan dihidupkan dalam taman Syurga nanti. Batang tamar itu memilih tawaran kedua. Baginda kemudiannya bersolat di belakangnya.

Kemudian selepas itu batang tamar itu ditanam di tempat asalnya, ada yang mengatakan ia ditanam di bawah mimbar والله أعلم .

Rasulullah ﷺ sentiasa berdiri di anak tangga yang ketiga mimbar itu ketika meyampaikan khutbah. Apabila Saidina Abu Bakar ؓ menjadi khalifah, beliau berdiri di anak tangga yang kedua, Saidina Umar bin Al-Khattab ؓ pula berdiri di anak tangga pertama dan Saidina Usman bin Affan ؓ berdiri sebagaimana Saidina Umar ؓ selama enam tahun. Selepas itu beliau kembali ke kedudukan asal seperti Rasulullah ﷺ[1].

[1] Lihat: Ad-Durrah Ath-Thaminah 126-133, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 121-124.

MIMBAR YANG ADA PADA HARI INI

Ia adalah mimbar yang dihantar oleh Sultan Murad bin Salim daripada Empayar Uthmaniyyah, Turki pada tahun 998H (1593M). Ia dibuat daripada marmar yang diukir indah dan dihiasi emas.

Mimbar sebelumnya juga diperbuat daripada marmar yang dikirim oleh Al-Asyraf Qaitabai pada tahun 888H (1486M). Kini mimbar ini telah dibawa ke Masjid *Quba'* apabila yang baru dari Turki itu digunakan di Masjid Nabawi.

Mimbar ini masih terletak di tempat asalnya iaitu tempat mimbar Rasulullah ﷺ[1].

Mimbar di Masjid Nabawi

[1] Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 120.

MENARA MASJID NABAWI

Masjid Nabawi yang asal tidak mempunyai menara. Demikian juga pada zaman Khulafa' Ar-Rasyidin. Orang pertama yang membina menara di empat penjuru Masjid Nabawi ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz semasa beliau menjadi Gabenor Madinah (88-91H/708-711M) ketika pemerintahan Khalifah Al-Walid[1]. Manakala kesemua sepuluh menara yang ada pada hari ini pula adalah hasil pembinaan oleh Kerajaan Arab Saudi sekarang .

10 Menara yang terdapat pada Masjid Nabawi

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/115.

RAUDHAH AL-MUTAHHARAH

Raudhah merupakan satu tempat yang sangat mulia di dalam Masjid Nabawi, selain menjadi tempat Rasulullah ﷺ dan para sahabat ؓ beribadat dan tempat turunnya wahyu kepada Rasulullah ﷺ, ia juga merupakan sebuah taman syurga (makna *Raudhah* ialah taman).

Rasulullah ﷺ telah bersabda:

(مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمِنْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، وَمِنْبَرِي عَلَى حَوْضِي)

متفق عليه.

Maksudnya: "Di antara rumahku dan mimbarku adalah satu taman daripada taman-taman syurga. Dan mimbarku terletak di atas kolamku".

Tafsiran mengenai taman syurga:

a) Menurut *Al-Khattabi*: Sesiapa yang sentiasa melakukan ketaatan (ibadah) di tempat ini, ketaatan itu akan membawanya ke taman Syurga.

b) *Ibnu An-Najjar* pula berpendapat: Maksudnya tempat itu sendiri akan menjadi taman Syurga pada hari Akhirat kelak.

c) Kata *Ibnu 'Abdil Bar* pula: Maknanya sahabat-sahabat Rasulullah ﷺ sentiasa bersama Baginda di tempat itu sehingga ia menjadi seperti sebuah taman. Ia dikuatkan oleh hadis Rasulullah ﷺ yang bermaksud: "Apabila kamu melalui salah satu taman Syurga, hendaklah kamu berhenti". Sahabat lalu bertanya apakah taman Syurga itu ? Rasulullah ﷺ menjawab: "Majlis zikir (ilmu)"[1]. والله أعلم

[1] Ad-Durrah Ath-Thaminah 134, Khulasah Al-Wafa' 1/503.

Kedudukan *Raudhah* adalah di antara rumah Rasulullah ﷺ dan Saidatina Aisyah رضي الله عنها dengan mimbarnya. Panjangnya ialah 26 meter jika diukur dari timur bermula dari rumah tersebut hingga ke mimbar di sebelah baratnya. Tapi sekarang tinggal 22m kerana telah disekat dengan pagar makam. Lebarnya pula 15 meter bermula dari *Mihrab* Rasulullah ﷺ di sebelah selatan hingga ke akhir rumah tersebut di sebelah utara mengikut pendapat yang masyhur di kalangan ulama'. Sebagai tanda tempat ini dihampari dengan karpet berwarna putih.

Terdapat sebahagian ulama' seperti Zainuddin Al-Maraghi, As-Samhudi dan Ghali Asy-Syanqithi رحمهم الله mengatakan *Raudhah* itu termasuk semua rumah Rasulullah ﷺ (*hujurat*) yang berbetulan dengan Bab Rahmah, berdasarkan hadis yang diriwayat oleh Imam Ahmad: "Di antara *rumah-rumahku* dengan mimbarku adalah satu taman dari taman-taman syurga"[1]. Pendapat yang kedua ini menjadikan kawasan *Raudhah* lebih luas [2]. والله أعلم.

Raudhah yang ada pada hari ini sebahagian besar daripada ruang di sebelah timurnya telah termasuk ke dalam pagar *hujurat* yang mana sekiranya dibuka boleh memuatkan lebih ramai jemaah.

---

[1] Al-Musnad 4/41, tetapi ulama' hadis berpendapat tambahan lafaz: (*Rumah-rumahku*) lemah tidak boleh dijadikan hujah. Lihat: Fadhail Madinah 462.

[2] Lihat: Fathul Bari 4/120, Khulasah Al-Wafa' 1/508, Al-Maraghi, Tahqiq An-Nusrah 28, Ad-Dur Ath-Thamin 27, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 116.

Pelan Raudhah Mengikut Jumhur Ulama'.

Pelan Raudhah Mengikut Pendapat Lain.

Raudhah Al-Mutahharah

RUMAH-RUMAH ISTERI RASULULLAH ﷺ

Rumah-rumah atau *hujurat* isteri Rasulullah ﷺ berada di sekeliling masjid di bahagian tenggara (sebelah *Bab Baqi'*) dan dari timur ke barat (*Bab An-Nisa'* hingga ke *Bab Ar-Rahmah*) di bahagian belakang masjid. Jumlah kesemuanya ialah sembilan buah, kerana Rasulullah ﷺ mempunyai sembilan orang isteri pada satu masa, satu keistimewaan khusus untuk Baginda ﷺ.

Allah ﷻ telah berfirman :

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَآءِ ٱلْحُجُرَٰتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ۝٤ وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوا۟ حَتَّىٰ تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝٥ ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang memanggil kamu dari luar bilik (*hujurat*) kebanyakannya tidak

mengerti. Dan kalau sekiranya mereka bersabar sehingga kamu keluar menemui mereka sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi mereka dan sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"[1].

Manakala rumah Rasulullah ﷺ yang masih ada kekal sehingga hari ini hanyalah rumah Baginda bersama Saidatina Aisyah رضي الله عنها yang menjadi makam Rasulullah ﷺ dan dua orang sahabatnya, Saidina Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه dan Saidina Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه.

HUJRAH SAIDATINA AISYAH رضي الله عنها

Rasulullah ﷺ hidup sederhana dengan penuh tawadhuk. Baginda tidak membina mahligai untuk didiami. Hanya yang dibina oleh Baginda ialah rumah biasa sebagai tempat berteduh dan melepaskan penat.

Menurut *As-Samhudi*, panjangnya jika diukur dari timur ke barat ialah sepuluh hasta dua pertiga (lebih kurang 5 meter), lebarnya pula jika diukur dari arah kiblat ke utara ialah tujuh hasta setengah (lebih kurang 4 meter)[2].

Hasan Al-Basri رحمه الله berkata: "Saya masuk ke dalam rumah Rasulullah ﷺ sewaktu saya masih remaja, atap rumahnya dapat dicapai dengan tangan".

Rumah ini bersambung dengan rumah Saidatina Fatimah رضي الله عنها di sebelah utaranya dan rumah Ummul

---

[1] Surah Al-Hujurat 4-5

[2] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/137, Buyut As-Sahabah 22. Dalam buku Chapters From The History of Madina m/s 71 panjangnya dari timur ke barat ialah 8 meter, lebarnya pula ialah 5.5 meter.

Mukminin Saidatina Hafsah binti Umar ﷺ di sebelah selatannya.

Tapak rumah Hafsah ﷺ sekarang ialah tempat orang berdiri memberi salam kepada Rasulullah ﷺ. Jarak di antara kedua-dua rumah ini begitu dekat sehingga Saidatina Aisyah ﷺ selalu bercakap-cakap dengan Saidatina Hafsah ﷺ ketika mereka berada di rumah masing-masing. Sementara di sebelah timurnya ialah kawasan Rasulullah ﷺ selalu mengadakan solat jenazah.

Rasulullah ﷺ membina rumahnya menggunakan bahan-bahan yang sama dengan binaan masjidnya iaitu tanah liat, batang dan pelepah tamar. Atapnya boleh dicapai dengan tangan. Ia mempunyai dua pintu, satu di barat iaitu di lorong yang menghala ke masjid dan satu lagi di bahagian utara. Pintu ini dibuat daripada kepingan kayu biasa dan ia tidak mempunyai bingkai mahupun kunci. Di dalam kawasan yang sempit itu Rasulullah ﷺ membuat satu bilik yang ditabiri dengan kain[1].

HUJURAT DIRUNTUHKAN

Rumah kepunyaan *Ummahatul Mukminin* isteri-isteri Rasulullah ﷺ dan Saidatina Fatimah ﷺ telah dimasukkan ke dalam masjid sewaktu pembesaran masjid di zaman Al-Walid.

Sewaktu sampainya surat perintah supaya memasukkan *hujurat* ke dalam binaan masjid, Umar bin Abdul Aziz رحمه الله membacanya di dalam masjid yang

---

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/125-127, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 115-117.

dihadiri oleh penduduk Madinah dan para alim ulama'. Di antara yang hadir ialah *Said bin Al-Musayyib* رحمه الله. Selepas mendengar berita tersebut ramailah yang menangis kerana kesan sejarah yang begitu besar bagi umat Islam akan terhapus.

Kata *Said bin Al-Musayyib,* "Demi Allah aku mengharapkan agar mereka tidak mengubah kedudukan *hujurat*. Semoga penduduk Madinah dan orang yang datang selepas ini dapat melihat cara kehidupan Rasulullah ﷺ sebagai pengajaran kepada mereka". Namun perintah khalifah tetap dilaksanakan setelah Umar bin Abdul Aziz رحمه الله membayar pampasan kepada keluarga isteri-isteri Rasulullah ﷺ[1].

[1] Lihat: M. Ilyas, Buyut As-Sahabah 23.

Kedudukan bilik-bilik (Hujurat) isteri-isteri Rasulullah ﷺ

KUBUR-KUBUR DI DALAM MASJID NABAWI

1. Makam Rasulullah ﷺ

Setelah Rasulullah ﷺ wafat para sahabat ؓ berselisih pendapat di manakah hendak dikebumikan jasad yang mulia itu. Ada yang mengatakan jasad Baginda akan dibawa balik ke Makkah bumi kelahirannya dan ada pula yang berpendapat ia harus dibawa ke Palestin.

Kewafatan Rasulullah ﷺ sungguh menyedihkan para sahabat ؓ, sehingga Saidina Umar ؓ membawa pedangnya sambil memberi amaran: "Sesiapa yang berkata nabi telah wafat akan aku penggal lehernya". Dalam keadaan demikian Saidina Abu Bakar ؓ datang melawat Rasulullah ﷺ dan setelah pasti bahawa Rasulullah ﷺ telah wafat, beliau keluar menemui para sahabat ؓ lalu berkata: "Sesiapa yang menyembah Muhammad maka Muhammad telah mati. Sebaliknya sesiapa yang menyembah Allah sesungguhnya Allah hidup selama-lamanya". Selepas itu beliau terus membaca sepotong ayat Al-Qur'an:

﴿ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ... ﴾ [آل عمران:١٤٤]

Maksudnya: "Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul..."[1].

Setelah mendengar ucapan tersebut barulah

---

[1] Surah Aali 'Imran 144.

keadaan menjadi tenang. Selepas itu Saidina Abu Bakar ﷺ memberitahu beliau pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda maksudnya: "Para Nabi dikebumikan di tempat mereka wafat"[1].

Rasulullah ﷺ telah dimakamkan di dalam bilik di rumahnya. Kepalanya terletak di barat dan kakinya di timur dengan mukanya ke arah kiblat.

2. Makam Saidina Abu Bakar As-Siddiq ﷺ

Apabila Saidina Abu Bakar ﷺ meninggal dunia, beliau juga telah dimakamkan di sisi Rasulullah ﷺ. Saidina Abu Bakar ﷺ yang merupakan sahabat, teman, mertua, pengganti Rasulullah ﷺ dan khalifah yang pertama, telah meminta untuk dimakamkan bersama Rasulullah ﷺ. Saidatina Aisyah ﷺ pun menyetujui permintaan tersebut. Beliau telah dikebumikan di bahagian belakang bahu Rasulullah ﷺ.

3. Makam Saidina Umar bin Al-Khattab ﷺ

Sebelum Saidina Umar ﷺ meninggal dunia, beliau meminta keizinan daripada Saidatina Aisyah ﷺ untuk dikebumikan bersama dengan dua orang sahabatnya. Saidatina Aisyah ﷺ telah memberikan persetujuannya[2].

---

[1] Al-Muwatta' 1/231.
[2] Lihat: Fusul Min Tarikh Al-Madinah 117-118, Buyut As-Sahabah 158-162.

Makam Rasulullah ﷺ,
Saidina Abu Bakar رضي الله عنه dan Saidina Umar رضي الله عنه

Kedudukan Makam.

KEDUDUKAN MAKAM-MAKAM

Menurut riwayat Nafi' bin Abi Nu'aim dan diakui sah oleh jumhur (kebanyakan) ulama': kedudukannya ialah sebagaimana yang tersebut di atas; kubur Rasulullah ﷺ berada di hadapan, kepala Saidina Abu Bakar berada di belakang bahu Rasulullah ﷺ, kepala Saidina Umar bin Al-Khattab ؓ berada di belakang bahu Saidina Abu Bakar ؓ.

Menurut riwayat Al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar As-Siddiq pula: beliau meminta kebenaran daripada Saidatina Aisyah ؓ untuk melihat makam Rasulullah ﷺ. Apabila Saidatina Aisyah ؓ membuka bilik tersebut, beliau melihat tiga kubur terletak di kedudukan berikut :

1. Makam Rasulullah ﷺ terletak di depan sekali menghadap arah kiblat .
2. Kepala Saidina Abu Bakar ؓ terletak di belakang bahu Rasulullah ﷺ.
3. Kepala Saidina Umar bin Al-Khattab ؓ **terletak di kaki Rasulullah** ﷺ .

Pendapat tentang kedudukan ini diakui sah oleh sesetengah ahli sejarah, seperti Sheikh Ali Hafiz dan lainnya. Ada lagi beberapa pendapat lain mengenai kedudukan makam, mungkin sebab berlaku khilaf dalam menentukan kedudukan makam kerana sahabat tidak meletakkan sebarang tanda atau membuat binaan di atas makam Rasulullah ﷺ dan dua sahabat. والله أعلم[1].

[1] Lihat: Ad-Durrah Ath-Thaminah 208-211, Khulasah Al-Wafa' 2/142-144, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 118-121.

Di dalam bilik itu terdapat satu lagi ruang untuk sebuah makam. Pada asalnya Saidatina Aisyah ﵂ mahu dikebumikan bersama Rasulullah ﷺ dan ayahandanya di dalam bilik itu, tetapi akhirnya beliau mengubah fikirannya dan berpesan kepada anak saudaranya Abdullah bin Az-Zubair ﵁ supaya mengebumikannya di Baqi' bersama isteri-isteri Rasulullah ﷺ yang lain.

Diceritakan bahawa Saidatina Aisyah ﵂ pernah menawarkan ruang itu kepada Abdul Rahman bin Auf ﵁ tetapi beliau menolaknya kerana takut menyusahkan Saidatina Aisyah dan menjadikan rumah Rasulullah ﷺ sebagai perkuburan.

Apabila Khalifah Umar bin Abdul Aziz disarankan untuk berhijrah ke Madinah supaya apabila beliau meninggal dunia, mayatnya akan dikebumikan di ruang itu, beliau menolaknya dengan penuh zuhud dan tawadhuk. Alasannya beliau tidak mahu menerima hukuman daripada Allah ﷻ nanti kerana berlagak angkuh dan sombong. Jadi sehingga hari ini ruang itu masih kosong.

Sebahagian ulama' berpendapat bahawa tempat tersebut akan menjadi makam Nabi Isa ﵇ setelah Baginda turun dari langit di akhir zaman nanti. Ini berdasarkan riwayat At-Tirmizi daripada Abdullah bin Salam ﵁: "Telah termaktub dalam kitab Taurat sifat Nabi Muhammad ﷺ dan Nabi Isa ﵇ akan dikebumikan bersama Nabi ﷺ"[1].

---

[1] Sunan At-Tirmizi 5/549 No. 3617. Abu 'Isa berkata: 'Hadis Hasan Gharib'. Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/146-147, Dhaif Sunan At-Tirmizi 483 No. (743-3878), Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 165-167.

PERUBAHAN-PERUBAHAN TERHADAP MAKAM RASULULLAH ﷺ

Saidina Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه adalah orang yang pertama membuat perubahan terhadap rumah yang dibina oleh Rasulullah ﷺ. Beliau menggantikan pelepah tamar dengan dinding batu. Ada juga yang mengatakan dinding yang dibina oleh Saidina Umar رضي الله عنه itu sangat rendah, lalu dibina semula oleh Abdullah bin Az-Zubair رضي الله عنه.

Saidatina Aisyah رضي الله عنها kemudiannya membuat dinding yang membahagikan rumah tersebut kepada dua bahagian. Satu bahagian mengandungi tiga makam itu dan satu bahagian lagi digunakan sebagai kediamannya. Ketika rumah itu mengandungi makam Rasulullah ﷺ dan Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه, beliau selalu masuk menziarahinya tanpa memakai hijab, tetapi apabila Saidina Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه dikebumikan di situ beliau mula menziarahinya dengan memakai hijab (menutup aurat) kerana Saidina Umar رضي الله عنه bukan *mahram*nya, sebagai menghormatinya walaupun selepas wafatnya.

Apabila orang ramai kemudiannya mula mengutip debu-debu dan tanah dari perkuburan itu kononnya untuk mengambil berkat dan keramat, Saidatina Aisyah رضي الله عنها mengarahkan agar satu tembok dibina untuk melindungi makam-makam tersebut sebagai menghalang perbuatan khurafat itu.

Sewaktu pembesaran masjid dan semua *hujurat* termasuk makam dimasukkan ke dalamnya, Umar bin Abdul Aziz رحمه الله telah membina dinding makam itu

dengan menggunakan batu pejal yang warnanya hampir sama dengan warna batu pejal di Kaabah. Bangunan itu didirikan betul-betul di tempat asalnya seperti yang dibina oleh Rasulullah ﷺ. Dinding ini tidak berpintu dan tidak beratap. Tinggi dinding itu ialah 6.5 m.

Umar رحمه الله kemudiannya telah berijtihad menjadikan dinding makam tersebut lima segi dan segi yang kelima itu terletak di bahagian selatan.Tujuannya adalah untuk membezakan bentuk makam itu supaya ia tidak menyerupai bentuk Kaabah apabila orang bersolat di belakangnya[1]. Ini kerana terdapat hadis yang melarang daripada bersolat di belakang kubur:

(لاَ تَجْلِسُوْا عَلَى الْقُبُوْرِ وَلاَتُصَلُّوْا إِلَيْهَا) رواه مسلم.

Maksudnya: "Jangan kamu duduk di atas kubur dan jangan kamu solat menghadap ke arahnya"[2].

Rasulullah ﷺ juga telah berdoa :

(اَللّهُمَّ لاَ تَجْعَلْ قَبْرِيْ وَثَناً يُعْبَدُ، اشْتَدَّ غَضَبُ الله عَلَى قَوْمٍ اتَّخَذُوْا قُبُوْرَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِد) رواه مالك في الموطأ.

Maksudnya: "Ya Allah, janganlah Engkau jadikan kuburku sebagai berhala yang disembah. Allah sangat murka kepada golongan yang menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai tempat ibadat (masjid)"[3].

Seterusnya makam-makam tersebut telah mengalami beberapa perubahan dan pemulihan di bawah beberapa pemerintahan kerajaan Islam seperti

---

[1] lihat: Tatimmah Adwa' Al-Bayan 8/598-606.
[2] Sahih Muslim No. 972.
[3] Al-Muwatta' 1/172

pembinaan kubah di atas *Raudhah* dan kubah di atas makam Rasulullah ﷺ. Ia kemudiannya telah didindingkan semula dengan besi sehingga menjadi seperti sebuah bilik yang kekal sehingga hari ini.

Pada tahun 1253H, Sultan Abdul Hamid telah mengarahkan agar kubah dicat dengan warna hijau dan warna itu kekal hingga sekarang[1].

PERCUBAAN-PERCUBAAN UNTUK MENCURI DAN MEMINDAHKAN JASAD RASULULLAH ﷺ DAN DUA SAHABATNYA

Di bawah ini akan diceritakan tentang beberapa konspirasi jahat untuk mencuri jasad Rasulullah ﷺ yang mulia dan sahabatnya seperti yang diceritakan oleh ahli-ahli sejarah:

Pertama: Percubaan jahat untuk mencuri mayat Rasulullah ﷺ ini telah berlaku pada tahun 557 H (1164 M). Sejarah telah merekodkan bahawa orang Kristian telah merancang untuk memindahkan mayat Rasulullah ﷺ daripada makamnya di Madinah.

Mereka telah mengupah dua orang lelaki Kristian yang menyamar sebagai orang Maghribi yang datang dari Andalusia, Sepanyol. Mereka menyewa sebuah rumah tidak jauh dari *Raudhah*, berhampiran makam Rasulullah ﷺ.

Dua lelaki tersebut cuba mengaburi umum dengan berlagak sebagai orang alim dan beriman dengan sentiasa

---

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/125-136, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 122-125, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 167-173.

bersolat dan melawat di Masjid Nabawi, memberi makan dan sedekah kepada fakir-miskin dan menziarahi perkuburan Baqi'. Lakonan mereka ini berjaya memperdaya orang ramai khasnya penduduk Madinah.

Bermula dari rumah, mereka mula menggali secara rahsia sebuah terowong yang akan berakhir di dalam makam Rasulullah ﷺ. Tanah-tanah dari terowong tersebut dipunggah ke dalam telaga di kediaman mereka dan kadang-kadang diisi ke dalam beg kulit untuk dibuang di perkuburan Baqi'.

Rancangan jahat mereka ini telah berjalan beberapa lama tanpa diketahui umum dan mereka mula menyangka bahawa mereka sudah hampir dengan matlamat yang dirancang. Mereka tidak sedar bahawa Allah ﷻ melihat segala usaha jahat mereka itu.

Tidak lama kemudian segala perbuatan jahat mereka itu terbongkar apabila Sultan Nuruddin Mahmud bin Zinki dari Syria (Syam) telah diilhamkan bermimpi bertemu Rasulullah ﷺ yang menunjukkan kepadanya dua orang lelaki berambut perang sambil berkata: "Wahai Mahmud, selamatkanlah aku daripada mereka!". Sultan Nuruddin pun bangkit daripada tidurnya dengan panik, berdoa dan kembali tidur, tetapi mimpi yang sama berulang lagi sebanyak tiga kali.

Baginda kemudiannya memanggil Perdana Menterinya, Jamaluddin Al-Mausili seorang yang alim dan bijak lalu memberitahunya tentang mimpi Baginda. Seterusnya Baginda mengarahkan menterinya itu membuat persediaan untuk perjalanan ke Madinah.

Baginda dan menterinya memulakan perjalanan ke Madinah bersama 20 orang pengawal dengan membawa

barang-barang yang banyak. Mengikut seorang ahli sejarah, Majduddin Al-Matari, rombongan itu mengandungi 1000 ekor unta. Mereka menyeberangi jarak dari Syria ke Madinah dalam masa 16 hari sahaja yang biasanya memakan masa sebulan perjalanan.

Di Madinah, Baginda terus menuju ke Masjid Nabawi, lalu mengerjakan solat dan termenung di sana. Baginda tidak tahu apa yang harus dilakukannya. Menterinya bertanya adakah Baginda dapat mengecam dua lelaki di dalam mimpinya itu? Apabila Baginda menjawab dengan yakin bahawa Baginda mengenalinya, menterinya pun memanggil seluruh penduduk Madinah yang memerlukan bantuan datang mengadap Baginda.

Walau bagaimanapun, Baginda masih tidak dapat mengecam dua lelaki tersebut di kalangan orang ramai yang datang pada hari itu. Baginda kemudiannya diberitahu bahawa hanya dua orang asing yang tidak datang pada hari itu. Baginda pun mengarahkan agar mereka dibawa ke hadapannya. Apabila kedua-dua orang asing itu dibawa mengadap, Baginda segera mengecam mereka sebagai lelaki yang ditunjukkan oleh Rasulullah ﷺ di dalam mimpinya.

Apabila disoal siasat, mereka mengatakan bahawa mereka adalah orang Maghribi yang datang untuk mengerjakan haji, melawat Masjid Nabawi dan bercadang untuk tinggal di Madinah selama setahun. Sultan Nuruddin kemudiannya meninggalkan lelaki tersebut bersama pengawalnya dan Baginda terus pergi ke tempat kediaman mereka untuk menyiasat. Tetapi di sana Baginda tidak menjumpai apa-apa bukti melainkan sejumlah wang yang amat banyak.

Baginda tidak berpuas hati lantas meneruskan

siasatan. Dengan kehendak Allah ﷻ, Baginda tersepak satu kepingan kayu. Apabila diangkat kepingan kayu itu, terbukalah pintu terowong yang menghala ke arah makam Rasulullah ﷺ. Apabila diselidiki, didapati terowong itu telah pun melepasi tembok dan dinding Masjid Nabawi!

Kedua-dua lelaki tersebut kemudiannya disebat sehingga mereka mengakui jenayah mereka itu. Mereka menceritakan bahawa mereka adalah orang Kristian yang dihantar oleh raja mereka dan menyamar sebagai jemaah haji dari Maghribi. Mereka dibekalkan dengan wang yang banyak dan diarahkan untuk menggunakan segala peluang yang ada untuk mengambil mayat Rasulullah ﷺ dari makamnya dan membawanya pulang bersama mereka.

Mereka kemudiannya dijatuhkan hukuman bunuh dan badan mereka dibakar. Hukuman itu amatlah setimpal dengan rancangan dan perbuatan jenayah mereka yang keji lagi hina itu.

Setelah itu, Sultan Nuruddin mengarahkan supaya digali lubang di sekeliling makam, dalamnya sampai ke air, kemudian dipenuhkan dengan timah sampai ke atas untuk dijadikan pagar bawah tanah bagi melindungi makam itu.

Kedua: Menurut *As-Samhudi* di dalam bukunya, terdapat segolongan *Zindik* yang telah menasihati Sultan Al-'Ubaidi dari Mesir untuk memindahkan jasad Rasulullah ﷺ dan dua orang sahabatnya, Saidina Abu Bakar ؓ dan Saidina Umar Al-Khattab ؓ ke Mesir supaya orang ramai akan datang melawat makam mereka di sana. Al-'Ubaidi terpengaruh dengan hasutan tersebut

dan telah menghantar dengan rahsia seorang lelaki bergelar *Abu Al-Fath* untuk membuat siasatan awal.

Walaubagaimanapun, *Abu Al-Fath* dan pembantunya terpaksa lari pulang ke Mesir, apabila rancangan jahat mereka terbongkar dan penduduk Madinah cuba untuk membunuh mereka.

Menurut ahli-ahli sejarah, *Al-'Ubaidi* adalah pengikut agama Yahudi atau Majusi. Mereka juga dikatakan sebagai *Zanadik* atau orang-orang Atheis yang tidak mempunyai kepercayaan terhadap agama. Mereka juga disifatkan sebagai pemimpin yang kejam dan penindas yang zalim pada zaman itu.

Ketiga: Menurut cerita seorang pengawal Masjid Nabawi yang bernama Shamsuddin Sowab Al-Lamati, beberapa orang dari Bandar Aleppo (Halab), Syria telah datang ke Madinah dan berjumpa dengan gabenor Madinah pada masa itu. Mereka menawarkan kepadanya sejumlah wang yang banyak agar beliau membenarkan mereka membuka makam dan menggali mayat Abu Bakar As-Siddiq ﷺ dan Umar bin Al-Khattab ﷺ untuk dibakar. Tawaran tersebut telah diterima oleh pihak gabenor kerana pada waktu itu golongan Syiah mempunyai kuasa di kawasan Hijaz.

Sebaik sahaja pengawal masjid membuka pintu ke makam, seramai 40 orang memasuki Masjid Nabawi dengan membawa lampu suluh dan pelbagai alat untuk menggali. Namun, belum pun sempat mereka menggali makam dan belum sempat sampai ke mimbar, tanah telah terbelah dan kesemua mereka disedut masuk ke dalamnya. Pengawal masjid menjadi amat terkejut apabila mengetahui niat sebenar mereka. Beliau begitu menyesal

kerana membenarkan penjenayah-penjenayah tersebut melaksanakan rancangan jahat mereka.

Menurut catatan sejarah, penduduk bandar Aleppo (Halab) adalah pengikut Syiah dan Gabenor Madinah ketika itu juga daripada golongan Syiah[1].

Makam di dalam tembok yang dibina oleh Umar bin Abdul Aziz dan Khalifah selepasnya.

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/175-179, Tarikh Al-Masjid An-Nabawi 174-184.

BAB LIMA
PERKUBURAN BAQI'

Baqi' ialah kawasan perkuburan bagi penduduk Madinah dan sesiapa saja yang meninggal dunia di Madinah (termasuk para jemaah haji atau umrah). Rasulullah ﷺ telah bersabda:

(كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ، أَلاَ فَزُوْرُوْهَا فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ بِالآخِرَةِ)

رواه مسلم وأبو داود والترمذي.

Maksudnya: "Aku pernah melarang kamu melawat kubur, tapi kamu dibolehkan melawatnya sekarang kerana ia mengingatkan hari akhirat"[1].

Rasulullah ﷺ seringkali menziarahi perkuburan Baqi'. Baginda mengucapkan salam, berdoa memohon keampunan (istighfar) serta rahmat Allah kepada mereka yang dikebumikan di situ.

Dalam Sahih Muslim, Saidatina Aisyah رضي الله عنها telah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ keluar pada lewat malam untuk melawat perkuburan Baqi' dan memohon keampunan serta kemaafan untuk mereka yang dikuburkan di situ.

At-Tirmizi meriwayatkan bahawa Ibnu Abbas رضي الله عنهما berkata, "Setiap kali Rasulullah ﷺ melalui kawasan perkuburan penduduk Madinah, Baginda akan mengucapkan:

(اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُم يَا أَهْلَ الْقُبُوْرِ وَيَغْفِرُ اللهُ لَنَا وَلَكُمْ ...)

---

[1] Sahih Muslim No. 3051, Sunan At-Tirmizi No.974.

Maksudnya: "Selamat sejahtera ke atas kamu wahai ahli kubur, semoga Allah mengurniakan keampunan-Nya ke atas kami dan ke atas kamu..."[1].

LOKASI DAN KEDUDUKAN BAQI'

Perkuburan Baqi' terletak di sebelah tenggara (kiri) Masjid Nabawi. Kini ia telah dilingkungi oleh pagar yang tinggi. Waktu melawatnya ialah setiap selepas solat subuh dan selepas solat asar. Selain daripada itu, kita juga dibenarkan masuk ke dalamnya sewaktu ada jenazah yang hendak dikebumikan. Walau bagaimanapun hanya kaum lelaki sahaja yang dibenarkan memasukinya.

SAHABAT DAN KELUARGA RASULULLAH ﷺ DI BAQI'

Ahli-ahli sejarah meriwayatkan bahawa ramai daripada kalangan sahabat dan ahli keluarga Rasulullah ﷺ sama ada yang meninggal sebelum atau selepas kewafatan Rasulullah ﷺ telah dikebumikan di situ. Qadhi 'Iyad meriwayatkan bahawa Imam Malik berkata: "Kira-kira 10,000 sahabat yang meninggal dunia di Madinah telah dikebumikan di Baqi'".

Orang pertama daripada golongan Ansar yang dikebumikan di situ ialah As'ad bin Zararah Al-Ansari ﷺ, selepas sembilan bulan Rasulullah ﷺ berhijrah. Manakala daripada golongan Muhajirin pula ialah Usman bin Maz'un ﷺ yang wafat selepas pulang dari peperangan Badar pada tahun ke-2H. Saidatina Aisyah ﷺ

[1] Sunan At-Tirmizi No. 973.

meriwayatkan: "Rasulullah ﷺ telah mengucup dahi Usman ؓ semasa beliau wafat. Baginda menangis sehingga mengalir air matanya".

Tiada nama atau tanda-tanda tertentu yang diletakkan di kubur-kubur tersebut, oleh itu sukar untuk memastikan kubur seseorang. Namun begitu telah diriwayatkan daripada kebanyakan ahli sejarah dan menjadi pengetahuan umum bahawa beberapa kubur tertentu telah dapat dipastikan penghuninya.

Di antara makam-makam yang telah dikenal pasti ialah :

1. Makam *ahlul bait* (keluarga Rasulullah ﷺ) iaitu di sebelah kanan pintu utama. Mereka ialah :
   a) Fatimah ؓ binti Rasulullah ﷺ.
   b) Hasan bin Ali bin Abi Talib ؓ.
   c) Zainal Abidin bin Husain bin Ali bin Abi Talib ؓ.
   d) Abbas bin Abdul Mutalib ؓ.
   e) Muhammad Al-Baqir bin Zainal Abidin ؓ.
   f) Jaa'far As-Sodiq bin Muhammad Al-Baqir.

Menurut *As-Samhudi*, Yazid bin Mu'awiyah menghantar kepala Husain ؓ yang terbunuh kepada Umar bin Saad bin Al-'As (Al-Ashdaq) iaitu Gabenor Madinah ketika itu. Umar kemudiannya membasuh dan mengafankan serta menyemadikannya di perkuburan Baqi' iaitu di sisi pusara bondanya, Fatimah ؓ binti Rasulullah ﷺ والله أعلم[1].

[1] Khulasah Al-Wafa' 2/378. Syeikh Ibnu Taimiah telah mengkaji dengan terperinci masalah ini. Beliau telah memilih dan men*tarjīh* bahawa kepala Husain ؓ dikebumikan di Madinah. Jasadnya pula dikebumikan di Karbala' Iraq. Lihat: Dr. Nasir Al-Judayyi', At-Tabarruk Anwa'uhu Wa Ahkamuhu 391-392, Majmu' Fatawa 27/450-489.

2. Makam puteri-puteri Rasulullah ﷺ iaitu di sebelah kanan makam para isteri Baginda:

   a) Ruqayyah رضي الله عنها .
   b) Ummu Kalsum رضي الله عنها .
   c) Zainab رضي الله عنها.

3. Makam isteri- isteri Rasulullah ﷺ:

   a) 'Aisyah binti Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنها.
   b) Saudah binti Zam'ah Al-Amiriah رضي الله عنها.
   c) Hafsah binti Umar bin Al-Khattab رضي الله عنها.
   d) Zainab binti Khuzaimah Al-Hilaliyyah رضي الله عنها.
   e) Ummu Salamah binti Abu Umayyah Al-Makhzumiyyah رضي الله عنها.
   f) Juwairiyyah binti Al-Haris Al-Mustaliqiyah رضي الله عنها.
   g) Ummu Habibah, Ramlah binti Abu Sufyan رضي الله عنها.
   h) Safiyah binti Huyai bin Akhtab رضي الله عنها.
   i) Zainab binti Jahsy رضي الله عنها.

Manakala Ummul Mukminin Khadijah binti Khuwailid رضي الله عنها pula meninggal dunia di Makkah dan disemadikan di perkuburan *Ma'la*, Makkah. Ummul Mukminin Maimunah binti Al-Haris Al-Hilaliyyah رضي الله عنها pula disemadikan di *Sarif*, Makkah. Kini *Sarif* dikenali sebagai *Nawariyyah* dan terletak kira-kira 18 km dari Makkah.

4. Makam-makam berikut pula terletak di sebelah kiri pintu utama:

   a) 'Aqil bin Abi Talib.
   b) Abu Sufian bin Al-Haris.
   c) Abdullah bin Ja'afar At-Toyyar.

5. Dua makam yang terletak ke arah belakang dari makam 'Aqil ialah :
   a) Imam Malik bin Anas, pengasas Mazhab Maliki.
   b) Nafi', Maula (khadam) Ibnu Umar dan guru Imam Malik.

6. Makam-makam yang terletak di belakang makam Imam Malik ialah:
   a) Usman bin Maz'un رضي الله عنه, Muhajirin pertama yang dikebumikan di Baqi'.
   b) Ibrahim bin Rasulullah ﷺ[1].
   c) Abdul Rahman bin Auf رضي الله عنه.
   d) As'ad bin Zararah رضي الله عنه.
   e) Saad bin Abi Waqqas رضي الله عنه.
   f) Khunais bin Huzafah As-Sahmi رضي الله عنه.
   g) Fatimah binti Asad رضي الله عنها (bonda kepada Saidina Ali bin Abi Talib رضي الله عنه).

8. Kawasan pengkebumian syuhada' *Al-Harrrah*: Terletak di lorong kiri dan belakang dari makam Saidina Ibrahim. Syuhada' *Al-Harrah Asy-Syarqiyah* ialah mereka yang gugur syahid ketika mempertahankan kampung halaman dan harta-benda semasa pemerintahan Yazid bin Muawiyah.

---

[1] Ibunya ialah Mariah Al-Qibtiyyah. Beliau dilahirkan pada bulan Zulhijjah 8H dan meninggal dunia ketika berusia 18 bulan mengikut pendapat yang lebih kuat. Ketika hendak dikebumikan, Rasulullah ﷺ mengarahkan agar jasadnya disemadikan di sisi Usman bin Maz'un رضي الله عنه. Lihat: Fathul Bari 3/208, Al-Madinah...Al-Maalim 78.

9. Makam Saidina Usman bin Affan ﷺ :
   Terletak di tengah-tengah perkuburan Baqi', iaitu di belakang kawasan syuhada' *Harrah*.

10. Dua buah makam yang terletak di kiri makam Saidina Usman bin Affan ﷺ ialah:
    a) Abu Said Al-Khudri ﷺ
    b) Sa'ad bin Muaz Al-Ansari ﷺ[1]
    Menurut pendapat sebahagian ahli sejarah, makam ini adalah kepunyaan Fatimah binti Asad ﷺ iaitu bonda Saidina Ali ﷺ.

11. Di hujung sebelah kiri pintu utama Baqi' pula terdapat makam emak saudara Rasulullah ﷺ :
    a) Safiyah binti Abdul Mutalib ﷺ
    b) 'Atikah, saudara perempuan Safiyah.

Di antara para sahabat yang diakui dikebumikan di Baqi', tetapi tidak dapat dikenalpasti kubur mereka ialah Abdullah bin Mas'ud ﷺ .

Juga terdapat para sahabat dan ahli keluarga Rasulullah ﷺ yang tidak dikebumikan di perkuburan Baqi'. Mereka ini meninggal dunia sama ada sebelum hijrah atau pun gugur syahid di medan jihad.

---

[1] Seorang sahabat yang begitu hebat sejarah hidupnya di mana di saat-saat kematiannya pada tahun kelima (5H) iaitu selepas peperangan Ahzab, Jibril ﷺ telah turun dari langit bertanyakan kepada Rasulullah ﷺ apakah dunia akan kiamat kerana tiang 'Arasy' di langit sedang bergoncang dengan kuatnya. Rasulullah ﷺ memberitahu bahawa itu bukanlah tanda kiamat, tapi salah seorang sahabatnya iaitu Saad bin Muaz ﷺ sedang menyahut panggilan Allah ﷻ. Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 3802, Al-Isabah 3/70.

Sementara itu, Abdullah, bapa kepada Rasulullah ﷺ yang meninggal dunia sewaktu Rasulullah ﷺ masih di dalam kandungan ibunya juga disemadikan Madinah. Kuburnya diketahui oleh penduduk Madinah suatu ketika dahulu, namun kini tiada siapa yang dapat memastikan lokasinya[1].

[1] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/355-396, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 165-171, Al-Wakeel, Al-Madinah Al-Munawwarah Maalim Wa Hadharah 73-143.

Abu Sa'id Al-Khudri.

Sa'ad b. Muaz Al-Ansari.

Usman b. Affan.

Para Syuhada' Harrah

1. Safiah.
2. 'Atikah.

1. Ibnu Maz'un.
2. Ibrahim b. Rasulullah ﷺ

1. Ibnu Auf.
2. Ibnu Abi Waqqas.
3. As'ad b. Zararah.
4. Khunais.
5. Fatimah bt. Asad.

1. Malik.
2. Nafi'.

1. 'Aqil.
2. Abu Sufian.
3. Abdullah b. Ja'afar.

Isteri-Isteri Rasulullah ﷺ

KAWASAN PERKUBURAN BAQI'

Pintu Utama

Puteri-puteri Rasulullah ﷺ
1. Ummu Kalsum.
2. Ruqayyah.
3. Zainab.

Keluarga Rasulullah ﷺ
1. Al-Abbas.
2. Hasan b. Ali.
3. Fatimah bt Muhammad ﷺ
4. Zainal Abidin.
5. Ja'afar As-Sodiq.
6. Kepala Saidina Husain.

BAB ENAM
MASJID-MASJID BERSEJARAH DI MADINAH

Di Madinah, terdapat banyak masjid yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Di sini disebutkan beberapa masjid bersejarah yang masih wujud dan patut diziarahi oleh pengunjung Madinah khasnya Masjid Quba' yang mempunyai kelebihan tersendiri selain daripada tiga masjid utama.

Masjid Quba'

1. Masjid *Quba'* (مسجد قباء)

Masjid ini merupakan masjid pertama yang dibina dalam sejarah Islam yang diasaskan atas dasar taqwa dan

iman yang padu. Allah ﷻ telah mengakuinya sebagaimana firman-Nya di dalam Al-Quran:

﴿ لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى ٱلتَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِ ﴾ [التوبة:١٠٨]

Maksudnya: "Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar taqwa sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya..."[1].

Menurut pendapat kebanyakan ulama', sebab turunnya ayat ini adalah ditujukan kepada masjid *Quba'*. Ada juga pendapat yang mengatakan ayat ini turun ditujukan kepada Masjid Nabawi dan kedua-dua pendapat ini tidak bercanggah kerana kedua buah masjid ini dibina atas dasar taqwa, namun akhir ayat tersebut menguatkan pendapat *jumhur*.

Imam Al-Bukhari meriwayatkan daripada Ibnu Umar رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ selalu pergi ke Masjid *Quba'* pada tiap-tiap hari Sabtu sama ada dengan menaiki unta atau berjalan kaki. Adakalanya Rasulullah ﷺ pergi pada hari Isnin dan Khamis[2].

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

(مَنْ تَطَهَّرَ فِيْ بَيْتِهِ ثُمَّ أَتَى مَسْجِدَ قُبَاءٍ فَصَلَّى فِيْهِ صَلاَةً كَانَ لَهُ كَأَجْرِ عُمْرَةٍ)

رواه ابن ماجة وابن شبَّه بسند جيد.

Maksudnya: "Sesiapa yang berwudhuk di rumahnya, kemudian pergi ke Masjid *Quba'* untuk bersolat, akan diberi ganjaran pahala seperti pahala menunaikan

---

[1] Surah At-Taubah 108.
[2] Lihat: Sahih Al-Bukhari No.1193.

umrah"[1].

Selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, para sahabat sentiasa menziarahi masjid *Quba'* dan bersolat di sana.

Imam Al-Bukhari meriwayatkan bahawa Salim, hamba kepada Abu Huzaifah pernah menjadi Imam bagi golongan awal Muhajirin sebelum kedatangan Rasulullah ﷺ, beliau merupakan salah seorang yang banyak menghafal Al-Quran[2].

Zaid bin Aslam رضي الله عنه berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah mendekatkan kita dengan masjid *Quba'*, sekiranya ia berada di hujung dunia nescaya kami akan bermusafir kepadanya"[3].

Lokasi Masjid

Masjid *Quba'* terletak di perkampungan *Quba'*, kira-kira 3 km dari arah selatan bandar Madinah. Nama *Quba'* diambil daripada nama sebuah telaga yang berada di tempat itu. Masjid ini berbentuk empat persegi dan luas kawasannya kira-kira 5035 m persegi pada masa sekarang.

---

[1] Sunan Ibnu Majah No. 1412. Lihat : Fadhail Madinah 542, Sahih Al-Jami' As-Soghir No. 6154 (Sahih) .
Persoalan: Kenapa disyaratkan berwudhu' di rumah sebelum datang bersolat di Masjid Quba'?
Kata Sheikh 'Atiyyah: Disyaratkan mengambil wudhu' di rumah: 1- Menunjukkan ketinggian kedudukannya. 2- Bertujuan semata-mata untuk ke Quba'. 3- Seolah-olah melakukan niat ihram umrah di tanah halal kemudian masuk ke tanah haram untuk tawaf dan saie. Wallahu A'lam. lihat: Tatimmah Adwa' Al-Bayan 8/556-557.

[2] Lihat: Sahih Al-Bukari No. 692.

[3] Lihat: Khulasah Al-Wafa' 2/267-276.

Sejarah Pembinaan Masjid *Quba'*

Pada hari Isnin 8 Rabi'ul Awwal bersamaan 23 Sep 622M Rasulullah ﷺ telah tiba di perkampungan *Quba'* dalam perjalanan hijrah dari Makkah. Baginda tinggal di sana selama empat hari bersama Bani 'Amru bin Auf di rumah Kalthum bin Al-Hadm[1].

Pada hari pertama tersebut Rasulullah ﷺ terus membina Masjid *Quba'*, iaitu masjid yang pertama dibina dalam sejarah umat ini. Rasulullah ﷺ sendiri turut serta di dalam pembinaan itu dengan mengangkut batu-bata dan pasir-pasir bersama para sahabat.

Asy-Syimus binti An-Nu'man ؓ menceritakan: "Aku melihat Rasulullah ﷺ ketika membina masjid ini. Baginda memikul batu-bata di atas belakangnya sehingga bongkok tubuhnya. Debu-debu dan pasir penuh di tubuh dan bajunya. Apabila salah seorang sahabat meminta untuk mengambil bebanan itu daripadanya, Baginda tidak membenarkannya, sebaliknya menyuruh mereka membawa bebanan lain sepertinya". Diriwayatkan oleh At-Tabarani[2].

Setelah itu Rasulullah ﷺ mengimami solat berjemaah secara terbuka bersama para sahabat di Masjid *Quba'*, berkiblatkan Masjid Al-Aqsa pada waktu itu[3].

---

[1] Tersebut dalam Sahih Al-Bukhari No. 3906 Rasulullah ﷺ tinggal di Quba lebih dari sepuluh hari, tapi kebanyakkan ahli sejarah mengatakan empat hari. Lihat; Fathul Bari 7/287, Ar-Rahiq Al-Makhtum 201-203.

[2] Lihat: Al-Mu'jam Al-Kabir 24/318, Majma' Az-Zawaid 4/11.

[3] Lihat: Al-Masajid Al-Athariyyah 25, Al-Madinah...Al-Maalim 27.

Masiid Al-Jumu'ah

2. Masjid *Al-Jumu'ah* (مسجد الجمعة)

Ia terletak di tengah-tengah kebun tamar di Wadi (Lembah) Ranauna di perkampungan Bani Salim bin 'Auf. Jaraknya kira-kira setengah (1/2) km dari utara Masjid *Quba'* dan 2.5 km dari bandar Madinah .

Setelah empat hari di *Quba'*, Rasulullah ﷺ keluar dari *Quba'* pada hari Jumaat menuju ke bandar Madinah dan ketika Baginda tiba di Wadi *Ranauna'* iaitu berhampiran perkampungan Bani Salim bin 'Auf, waktu solat Jumaat telah masuk. Baginda pun menunaikan solat Jumaat di tengah-tengah wadi itu. Itulah solat Jumaat pertama yang didirikan oleh Rasulullah ﷺ selepas hijrah secara terang. Walaupun fardhu Jumaat telah diwajibkan di Makkah tetapi oleh kerana tidak ada kekuasaan dan kekuatan maka ia tidak dapat dilaksanakan. Sebuah masjid kemudiannya dibina di tempat tersebut dan dinamakan Masjid *Al-Jumu'ah* bersempena dengan peristiwa tersebut.

Masjid ini terkenal juga dengan nama Masjid *Al-Wadi* dan Masjid *'Atikah*. Sehingga sekarang masjid ini masih kekal dengan binaannya yang indah.

Masjid Al-Qiblatain

3. Masjid *Al-Qiblatain* (مسجد القِبْلَتين)

Terletak di tengah-tengah perkampungan Bani Salamah, iaitu di sebelah barat daya Madinah. Ia dikelilingi oleh kebun-kebun. Manakala *Wadi Al-Aqiq* pula terhampar di sebelahnya.

Allah ﷻ telah berfirman:

﴿ قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي ٱلسَّمَآءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَىٰهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّواْ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْكِتَٰبَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ۝١٤٤ ﴾ [البقرة: ١٤٤].

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami melihat muka kamu sering mendongak ke langit, maka benar-benar Kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram. Dan di mana saja kamu berada palingkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al-Kitab (Taurat dan Injil) memang mengetahui bahawa berpaling ke Masjidil Haram itu adalah kebenaran dari Tuhan mereka dan Allah sekali-kali tidak lengah daripada apa yang mereka kerjakan"[1].

Sewaktu Rasulullah ﷺ tiba di Madinah, Baginda diarahkan supaya menghadap ke arah Baitul Maqdis (kiblat solat) dan ramai di antara penduduk Madinah waktu itu daripada kalangan Yahudi dan memang kiblat mereka ialah Baitul Maqdis. Oleh itu, orang Yahudi sangat gembira dengan perbuatan Rasulullah ﷺ ini, sedangkan Rasulullah ﷺ sebenarnya lebih suka jika kiblat solat ditukar ke arah Baitullah. Rasulullah ﷺ pun berdoa dan memandang ke langit mengharapkan turunnya wahyu mengizinkannya dan para sahabat رضي الله عنهم berpaling ke Baitullah.

Ada riwayat mengatakan bahawa orang-orang Yahudi sentiasa mengejek Rasulullah ﷺ dengan berkata: "Muhammad menentang ajaran kita tetapi solatnya mengikut kiblat kita" . Akhirnya, selepas 16 atau 17 bulan Rasulullah ﷺ menghadap ke Baitul Maqdis, barulah Baginda mendapat perintah untuk berkiblatkan Kaabah.

Namun, setelah turunnya ayat tersebut golongan Yahudi sekali lagi membuat propaganda, kononnya apakah kesudahan orang yang telah mati sedangkan

[1] Surah Al-Baqarah 144.

mereka telah bersolat ke arah Baitul Maqdis, apakah solat mereka diterima? Berbagai-bagai lagi persoalan dikemukakan. Demikianlah sifat jahat orang Yahudi yang tak habis-habis menyakiti dan mengkhianati orang Islam, sehingga Allah menggambarkan mereka dalam Al-Quran (maksudnya): "Telah berkata orang-orang yang bodoh daripada kalangan manusia ..."[1].

Terdapat perselisihan riwayat di manakah Rasulullah ﷺ berada sewaktu turunnya ayat ini dan di masjid manakah bermulanya solat ke arah Kaabah:

Pertama: Ibnu Saad di dalam At-Tabaqat meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ sedang melawat Ummu Bishr bin Al-Bara' bin Ma'rur ؓ di kawasan Bani Salamah. Beliau telah menyediakan jamuan untuk Rasulullah ﷺ dan sahabatnya. Apabila tiba waktu solat zuhur, Baginda bersolat di masjid perkampungan itu. Sedang Baginda berada di rakaat kedua solatnya, turun wahyu daripada Allah ﷻ memerintahkannya agar menukar arah kiblat dari Masjidil Aqsa ke arah Kaabah di Masjidil Haram. Baginda terus berpaling menghadap ke arah Kaabah, ke sudut yang bertentangan dengan *mizab* (saluran emas) dengan pusingan 180 darjah dan menyambung baki solatnya. Begitulah masjid yang bersejarah ini mendapat namanya.

Menurut riwayat daripada Muhammad bin Jabir ؓ pula, setelah ditukarkan kiblat, beberapa orang daripada Bani Salamah sedang bersolat di masjid mereka, tiba-tiba datang berita bahawa kiblat telah bertukar sedang dua rakaat telah pun diselesaikan, lalu mereka pun berpaling menghadap ke arah Kaabah .

---

[1] Surah Al-Baqarah 142.

Kedua: Imam Al-Bukhari meriwayatkan daripada Al-Bara' bin 'Azib ﷺ, bahawa solat pertama Rasulullah ﷺ selepas pertukaran kiblat ialah solat asar.

Ketiga: Imam Al-Bukhari juga meriwayatkan daripada Abdullah bin Umar ﷺ, ketika orang bersolat subuh di masjid *Quba'*, tiba-tiba datang berita mengatakan Rasulullah ﷺ telah diarahkan supaya menghadap ke arah Kaabah, maka mereka pun berpaling ke arah tersebut.

Inilah di antara riwayat yang menceritakan mengenai peristiwa pertukaran kiblat. Berdasarkan kepada hadis-hadis yang sahih, Rasulullah ﷺ bersolat bersama sahabat ﷺ ke arah Kaabah selepas turunnya ayat perintah akan pertukaran kiblat. Selepas itu, ada di kalangan sahabat yang melalui masjid yang jemaahnya sedang mendirikan solat ke arah Baitul Maqdis. Sahabat itu pun memberitahu kepada mereka bahawa beliau telah bersolat bersama Rasulullah ﷺ ke arah Kaabah, lalu jemaah tersebut pun berpaling ke arah Kaabah dan menyempurnakan solat mereka.

Menurut Al-Hafiz Ibnu Hajar: "Adapun *at-tahqiq* (setelah diteliti), solat pertama ke arah Kaabah ialah solat di Bani Salamah (*Qiblatain*), iaitu solat zuhur. Solat pertama mengadap kiblat di Masjid Nabawi pula ialah solat asar. Adapun solat subuh ialah di masjid *Quba'*"[1].

Kini, Masjid *Qiblatain* (Bani Salamah) masih wujud dengan binaan baru dan menjadi salah satu tempat

[1] Fathul Bari 1/120. Lihat: Al-Masajid Al-Athariyyah m/s 185-192. Ust. M. Ilyas حفظه الله telah membawa beberapa riwayat dan pendapat tentang peristiwa ini dan membuat kesimpulan bahawa pertukaran kiblat berlaku di tempat ini والله أعلم.

lawatan di Madinah walaupun ianya tidak mempunyai kelebihan yang khusus (seperti masjid Quba').

Masjid Al-Fath

4. Masjid *Al-Fath* (مسجد الفتح)

Masjid ini terletak di bahagian barat laut Jabal (bukit) Sila' dan menghadap *Wadi But-han* atau sekarang ianya dikenali sebagai *Wadi Abu Jidah* iaitu di sebelah selatan dari bahagian barat Khandak (parit di dalam peperangan Ahzab).

Ia juga mempunyai dua lagi nama lain iaitu masjid *Al-Ahzab* atau masjid *Al-A'la* (yang tinggi). Beberapa buah masjid lain yang dibina di bahagian selatan masjid ini juga dikenali dengan nama masjid *Al-Fath*.

Rasulullah ﷺ berada di tempat ini setelah selesai menggali parit. Di kawasan inilah juga Rasulullah ﷺ

memeriksa tentera muslimin sebelum berdepan dengan tentera kafir. Adapun ketika kerja-kerja menggali parit sedang dijalankan, Rasulullah ﷺ berada di atas bukit *Zubab* - akan disebut nanti.

Menurut satu riwayat daripada Imam Ahmad, Jabir bin Abdullah ﷺ menceritakan: "Pada hari peperangan Ahzab (Khandak) Rasulullah ﷺ telah berdoa sebanyak tiga hari iaitu pada hari Isnin, Selasa dan Rabu, di tempat kedudukan masjid sekarang ini agar Allah ﷻ mengalahkan tentera Ahzab dan Allah ﷻ telah mengabulkan permintaan tersebut pada hari ketiga iaitu pada hari Rabu"[1].

Di antara doa Rasulullah ﷺ ke atas tentera Ahzab ialah:

(اَللّٰهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ سَرِيْعَ الْحِسَابِ. اهْزِمْ الأَحْزَابَ.
اَللّٰهُمَّ اهْزِمْهُمْ وَزَلْزِلْهُمْ) رواه البخاري.

Maksudnya: "Wahai Tuhan yang menurunkan kitab, yang cepat membuat perhitungan. Wahai Tuhan, kalahkan tentera Ahzab. Wahai Tuhan, kalahkan dan goncangkanlah mereka"[2].

Sewaktu Rasulullah ﷺ berdoa dan bersolat tiada masjid yang didirikan di situ. Masjid tersebut hanya dibina selepas itu oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz *rahimahullah*. *Insya'Allah* peristiwa peperangan Khandak atau Ahzab akan disebut di akhir nanti.

---

[1] Imam Ahmad, Al-Musnad 3/332.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 4115.

5. Masjid di sekitar kawasan masjid *Al-Fath* (Masjid Tujuh)

Di sekitar pinggir Jabal Sila' juga terdapat beberapa buah masjid yang dikenali sebagai **Masjid Tujuh**. Namun demikian, masjid yang masih kekal sehingga ke hari ini adalah seperti berikut:

(a) Masjid Salman Al-Farisi ﷺ.
(b) Masjid Umar bin Al-Khattab ﷺ.
(c) Masjid Ali bin Abi Talib ﷺ.
(d) Masjid Sa'ad bin Muaz ﷺ. (Sekarang dikenali dengan nama Masjid Fatimah Az-Zahra ﷺ).
(e) Masjid Abu Bakar As-Siddiq ﷺ.

Pada tahun 1414H, sebuah lagi masjid diruntuhkan, iaitu masjid yang terletak berhampiran dengan jalan. Ia telah dijadikan medan letak kenderaan. Mengikut penulis *Al-Masajid Al-Athariyyah*[1] masjid itu ialah Masjid 'Ali bin Abi Talib. Bukan Masjid Abi Bakar As-Siddiq seperti yang masyhur di kalangan orang awan والله أعلم.

Mengikut sejarahnya, tempat asal kawasan masjid-masjid tersebut merupakan tempat perkhemahan tentera Islam semasa peperangan Ahzab dan nama-nama yang diberikan itu tidak semestinya tepat bahkan tidak ada asas sejarah langsung. Menurut Ibnu An-Najjar, hanya terdapat empat buah masjid sahaja di zamannya.

[1] Al-Masajid Al-Athariyyah 135.

Masjid Al-Musalla

(Di kawasan inilah dilaksanakan hukuman Qisas)

6. Masjid *Al-Musalla* (مسجد المصلى)

Masjid *Al-Musalla* yang dikenali sekarang sebagai Masjid ***Al-Ghamamah*** terletak di sebelah selatan Madinah, iaitu berhadapan dengan Pasar Tamar sekarang. Warnanya adalah kelabu dan berkubah putih.

Ia mendapat namanya sebagai *Al-Musalla* yang bererti tempat solat, kerana Rasulullah ﷺ mengerjakan solat hari raya di sekitar kawasan terbuka di *Al-Manakha* dan kemudiannya menjadikan kawasan masjid ini sebagai tempat khas bagi solat hari raya.

Telah *sabit* riwayat mengatakan bahawa Rasulullah ﷺ telah melakukan solat hari raya di beberapa tempat, sekitar kawasan ini, kemudian Rasulullah ﷺ mengekalkan tempat ini untuk solat hari raya dan juga solat *istisqa'* (minta hujan).

Berhampiran dengan masjid ini, terdapat dua buah masjid yang lain. Masjid Abu Bakar As-Siddiq ﵁ dibina di salah satu tempat *musalla* Rasulullah ﷺ dan dinamakan Masjid Abu Bakar ﵁ kerana beliau telah melakukan solat hari raya di tempat berkenaan semasa pemerintahannya. Sementara sebuah lagi ialah Masjid Ali bin Abi Talib ﵁, juga dibina di salah satu tempat *musalla* Rasulullah ﷺ. Di tempat tersebut, Saidina Ali ﵁ telah menunaikan solat hari raya sewaktu pemerintahan Usman bin Affan ﵁.

Adapun sebab solat hari raya diadakan di luar masjid ialah kerana umat Islam digalakkan membawa bersama mereka semua keluarganya; tua, muda, kecil dan besar sehingga perempuan yang uzur (haid) pun dibawa bersama.

Al-Waqidi berkata: "Solat hari raya yang pertama yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ ialah pada tahun kedua hijrah (624M)" .

Abu Hurairah pula berkata: "Setiap kali Rasulullah ﷺ melalui *Al-Musalla*, Baginda akan menghadap ke arah kiblat dan berdoa".

Perhatian:

1. Dinamakan *Al-Ghamamah* (Awan) kerana diriwayatkan bahawa setiap kali Rasulullah ﷺ bersolat di kawasan tersebut, awan akan sentiasa menaungi Baginda daripada panas terik cahaya matahari.

   Menurut Al-Wakeel[1], nama ini (*Al-Ghamamah*) tidak ada asal usulnya. Mungkin sesetengah orang terkeliru di antara awan yang datang memayungi Rasulullah ﷺ sewaktu berjalan di tengah padang

[1] Al-Madinah...Al-Maalim 48.

pasir, dengan solat di tempat tidak beratap, lalu mereka pun menamakannya sedemikian.

2. Berdekatan dengan Masjid Al-Musalla ada sebuah masjid yang dinamakan Masjid Usman Zi An-Nurain. Masjid ini dibina oleh Syeikh Sadaqah Khasyaqji di awal abad 15H dan tidak termasuk dalam masjid bersejarah.
3. Tidak jauh dari tempat itu ada sebuah lagi masjid yang dinamakan Masjid Bilal. Masjid ini dibina oleh Syeikh Mohd Husin Abu Al-Ula pada awal abad 15H, juga bukan masjid bersejarah.

Masjid Asy-Syajarah (Miqat)

7. Masjid *Asy-Syajarah* (مسجد الشجرة)

Asy-Syajarah dalam bahasa Arab bererti pokok. Sementara pokok yang menjadi sebab penamaan masjid ini ialah pokok *'Samurah'* atau *'Acacia'* di kawasan

Zulhulaifah.

Ibnu Zubalah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ selalu duduk di bawah pokok ini apabila Baginda singgah di situ ketika dalam perjalanan ke Makkah untuk menunaikan haji dan umrah.

Abu Hurairah ؓ pula meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersolat berdekatan dengan tiang di tengah Masjid Asy-Syajarah, yang dibina di tempat asal pokok yang selalu diduduki oleh Baginda di bawahnya.

Sekarang masjid ini dikenali dengan nama Masjid **Miqat Zulhulaifah** atau **Bir Ali**. Ia juga dikenali sebagai Masjid ***Al-Muhrim***, iaitu tempat berniat ihram haji atau umrah bagi penduduk Madinah atau mereka yang datang dari Madinah.

8. Masjid *As-Sajadah* (مسجد السجدة)

Masjid *As-Sajadah* sekarang ini masyhur dengan nama Masjid ***Abi Zar***, letaknya di Jalan Lapangan Terbang dan Jalan Abi Zar iaitu dari belakang Masjid

Nabawi menuju ke Bukit Uhud. Nisbah masjid ini kepada Abi Zar رضي الله عنه, tidak ada ahli sejarah yang menyebut sebabnya.

Sebab dinamakan masjid *As-Sajadah* ialah kerana Abdul Rahman bin Auf meriwayatkan: "Pada suatu hari beliau melihat Rasulullah ﷺ masuk ke dalam taman dan melakukan solat, kemudian Rasulullah ﷺ sujud begitu lama di dalam solatnya itu. Setelah itu aku merasakan Allah telah mengambil nyawa rasul-Nya. Aku merasa dukacita lantas aku menangis. Setelah Rasulullah ﷺ mengangkat kepalanya Baginda memanggilku dan bertanya: "Kenapa kamu menangis? Apa yang mendukacitakan kamu?". Aku menjawab: "Wahai Rasulullah engkau telah sujud begitu lama, aku menyangka Allah telah mencabut rohmu, lalu aku merasa dukacita kerana tidak dapat bersamamu lagi". Rasulullah ﷺ memberitahu sujudnya itu sebagai tanda syukur kepada Allah dan dalam sujudnya Jibril عليه السلام telah datang membawa berita gembira bahawa sesiapa yang berselawat ke atas Baginda, Allah ﷻ akan membalasnya dengan sepuluh kebajikan"[1].

Menurut *As-Samhudi* berkemungkinan masjid ini dibina di tempat Rasulullah ﷺ melakukan sujud yang panjang tersebut.

Masjid ini telah diperbaharui binaannya pada tahun 2000M.

---

[1] Imam Ahmad, Al-Musnad 3/130 No.1664, Al-Hakim, Al-Mustadrak 1/222.

Masjid Al-Ijabah

9. Masjid *Al-Ijabah* (مسجد الإجابة)

Masjid ini dikenali asalnya dengan nama Masjid ***Bani Muawiyah Al-Ausi*** kerana mereka adalah orang yang pertama membinanya. Masjid ini sekarang terletak di Jalan *Sittin* dengan binaan baru yang dibuat pada tahun 1997M, berdekatan dengan Hospital *Dharabatusy Shams* (مستشفى ضربة الشمس).

Pada tahun 1998M hospital ini dinamakan Hospital Al-Ansar (مستشفى الأنصار).

Dinamakan Masjid *Al-Ijabah* yang bererti "Perkenan" kerana menurut Imam Muslim رحمه الله:

"Pada suatu hari, Rasulullah ﷺ melalui masjid ini, lalu singgah bersolat dua rakaat bersama para jemaah di masjid itu. Selepas itu, Baginda ﷺ berdoa panjang di situ,

kemudian berpaling dan bersabda kepada para sahabat ﷺ:"Aku telah memohon kepada Tuhan tiga perkara, Allah ﷻ telah menerima dua daripadanya dan menolak yang ketiganya.

Pertama: aku meminta agar umat ini tidak dibinasakan keseluruhannya dengan kemarau, Allah telah memperkenankan permintaanku itu.

Kedua: aku meminta agar umat ini tidak dibinasakan keseluruhannya dengan banjir (seperti umat Nuh عليه السلام.), Allah telah memperkenankannya.

Ketiga: aku meminta agar umatku tidak bermusuh sesama mereka, tapi permintaan terakhir ini tidak diterima"[1].

Masjid As-Sabqa

10. Masjid *As-Sabqa* (مسجد السبق)

Tapak masjid ini terletak di medan latihan lumba kuda para sahabat ؓ di zaman Rasulullah ﷺ. Nama masjid ini diambil bersempena dengan kegunaan tempat tersebut.

[1] Sahih Muslim No. 2890.

Masjid ini mula dibina pada abad ke 9H oleh Qadhi Muhyiddin Al-Hambali.

Lokasi masjid ini sekarang ialah di permulaan terowong dari Jalan Abu Bakar As-Siddiq, bersebelahan Stesen Bas SAPTCO, Madinah.

Masjid Al-Mustarah

11. Masjid *Al-Mustarah* (مسجد المستراح)

Menurut sejarah, masjid ini dibina di tempat yang dikatakan Rasulullah ﷺ berhenti rehat sewaktu pulang dari Peperangan Uhud.

Masjid ini juga dikenali dengan nama Masjid Bani Harithah kerana ia terletak di perkampungan mereka. Ada riwayat mengatakan bahawa Rasulullah ﷺ bersolat di Masjid Bani Harithah.

Permulaan parit yang digali sewaktu Peperangan Ahzab bermula di kawasan itu.

Masjid ini sekarang terletak di kiri Jalan Sayyid Asy-Syuhada' yang menuju ke Medan Uhud. Ia masih wujud dengan binaan baru yang cantik.

Masjid Asy-Syaikhain

12. Masjid *Asy-Syaikhain* (مسجد الشيخين)

Menurut sejarah, masjid ini dibina di tempat Rasulullah ﷺ berhenti untuk berehat dalam perjalanan menuju medan peperangan Uhud.

Masjid ini terletak di tempat yang bernama *Ajimmati Asy-Syaikhain*. Di sinilah tempat Rasulullah ﷺ berhenti sewaktu dalam perjalanan menuju ke medan Uhud. Rasulullah ﷺ keluar dari Madinah selepas solat Jumaat, kemudian Baginda ﷺ bersama tenteranya mendirikan solat asar, maghrib dan isya', seterusnya tidur di tempat ini. Di sini Rasulullah ﷺ memeriksa tentera Islam, sesiapa yang belum cukup syarat diarah untuk pulang. Dan di sini jugalah Rasulullah ﷺ mengarahkan

orang kafir pulang. Seterusnya, kumpulan munafiqin seramai 300 orang berpatah balik setelah perancangan mereka gagal kerana Rasulullah ﷺ tidak menerima kedatangan orang kafir untuk turut bersama tentera Islam dalam peperangan.

Kedudukan masjid ini ialah 300 meter dari **Masjid Al-Mustarah,** yang terletak di kiri Jalan Sayyid Asy-Syuhada' menuju ke medan Uhud. Syeikh Ghali Asy-Syanqiti berpendapat masjid Mustarah dan Masjid Asy-Syaikhain adalah sama, tetapi kebanyakan ahli sejarah membezakannya[1].

13. Masjid Al-Fadhikh (مسجد الفضيخ)

Sebab dinamakan *Al-Fadhikh* ialah kerana menurut riwayat Ibnu Syabbah daripada Jabir bin Abdullah ؓ bahawa ketika Rasulullah ﷺ dan para sahabat ؓ mengepung Yahudi Bani Nadhir, Baginda mendirikan khemahnya di kawasan masjid ini dan bersolat di situ selama enam malam. Sambil menanti kepungan itu, Abu Ayub Al-Ansari dan beberapa orang sahabat ؓ lagi sedang meminum sejenis arak bernama *Al-Fadikh* dan pada masa itulah turunnya ayat pengharaman arak secara mutlak. Mereka terus meludah dan memuntahkan arak yang sedang diminum itu di tempat yang dikatakan terletaknya masjid *Al-Fadhikh* hari ini. Bersempena dengan peristiwa tersebut, masjid ini diberi nama *Al-Fadhikh* yang bererti 'arak daripada tamar putik'.

Masjid ini juga dikenali dengan nama Masjid *asy-Syams* yang bererti matahari. Menurut ahli sejarah, ia

[1] Lihat Al-Masajid Al-Athariyyah m/s 113. Ghali, Ad-Dur Ath-Thamin m/s 175.

dinamakan demikian kerana masjid ini terletak di sebelah timur masjid *Quba'* dan matahari terbit di atasnya sebelum *Quba'*.

Tapak masjid ini terletak di antara harta Bani Nadhir yang dirampas dalam kepungan tersebut. Kedudukannya pada hari ini, terletak lebih kurang satu kilometer dari Masjid Quba' di sebelah timur iaitu berdekatan dengan simpang empat Qurban – 'Awali.

Namun ada juga ahli sejarah mengatakan tempatnya ialah di Awali, iaitu kira-kira setengah kilometer dari *Madinah National Hospital* dan masih wujud serta dikenali oleh penduduk setempat dan ditulis dengan nama Masjid Al-Fadhikh. Tetapi menurut Ustaz Mohd Ilyas tapak masjid ini sebenarnya ialah masjid *Bani Quraizah dan* bukan seperti yang tertulis. والله أعلم[1].

Masjid Bani Quraizah

[1] Lihat: Al-Masajid Al-Athariah 179. Tarikh Maalim Al-Madinah 125.

14. Masjid *Bani Quraizah* (مسجد بني قريظة)

Nama masjid ini diambil sempena dengan tempat Rasulullah ﷺ menunaikan solat ketika mengepung Bani Quraizah. Kisah pengepungan ini berlaku selepas peperangan Ahzab.

Rasulullah ﷺ mengepung mereka selama 25 hari hingga mereka menyerah dan meminta agar Saad bin Mu'az menjadi hakim. Kemudian Saad menjatuhkan hukuman bunuh ke atas golongan lelaki dan menawan yang lainnya. Cerita secara panjangnya akan disebut dalam bab peperangan di Madinah. Insya' Allah.

Pada tahun 1424H masjid ini telah diruntuhkan.

15. Masjid *Az-Zubab atau Ar-Rayah* (مسجد الذباب/الراية)

Nama masjid ini diambil sempena dengan nama bukit Zubab, di mana ianya didirikan. Bukit Zubab terletak berhampiran bahagian utara *Thaniyyatul Wada'*, iaitu bersebelahan dengan Stesen Minyak *Az-Zughaibi Al-Ahli* yang terletak di Jalan Abu Bakar As-Siddiq (Sultanah) menuju ke Universiti Islam Madinah (UIM).

Rasulullah ﷺ berada di atas bukit ini sewaktu permulaan menggali parit dalam Peperangan Ahzab. Di bahagian utara bukit inilah terdapatnya batu besar yang tidak dapat dipecahkan oleh para sahabat رضي الله عنهم tetapi berjaya dipecahkan oleh Rasulullah ﷺ setelah dipukul sebanyak tiga kali.

Sebab dinamakan *Ar-Rayah* yang bererti: bendera, ialah kerana menurut satu riwayat, Rasulullah ﷺ telah meletakkan bendera di atas bukit ini sewaktu keluar berperang ke Khaibar dan Tabuk. Menurut *As-Samhudi*

pula sebabnya ialah sewaktu peperangan *Harrah* di Madinah, Yazid bin Hurmuz bersama Al-Mawali bertahan di atas bukit ini.

Kini, masjid yang terletak di atas bukit ini terlindung di celah-celah bangunan. Namun, ia masih digunakan untuk solat berjemaah walaupun dengan binaan yang kecil sahaja.

Masjid Ar-Rayah

16. Masjid *As-Suqya* (مسجد السقيا)

Masjid ini diambil namanya daripada telaga *As-Suqya* yang terletak tidak berapa jauh darinya. Kawasan

ini terkenal dengan udaranya yang baik dan airnya yang bersih, sehingga para sahabat ﷺ mengambil airnya untuk minuman Rasulullah ﷺ. Tanah ini merupakan milik Saad bin Abi Waqqas ﷺ.

Menurut sejarahnya, di sinilah Rasulullah ﷺ memeriksa tentera Islam sewaktu keluar berperang ke Badar. *At-Tirmizi* meriwayatkan daripada Ali bin Abi Talib ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ telah berdoa di tempat ini memohon keberkatan untuk ahli Madinah seperti doa nabi Ibrahim ﷺ untuk ahli Makkah[1].

Masjid ini telah terhapus pada peringkat awalnya, sehinggalah As-Samhudi menjumpai kesannya, kemudian ia dibina semula. Sekarang ini, tapaknya terletak dalam pagar Stesen Keretapi Anbariyah, di tepi jalan lama menuju ke Makkah dan Jeddah. Di tempat tersebut didirikan sebuah kubah yang dikenali sebagai kubah *Ar-Rus* yang bererti kepala, kerana pemerintah Kerajaan Uthmaniah telah menimbus kepala perompak yang dibunuh di tempat ini.

Kini masjid ini tidak digunakan lagi. Beberapa tahun yang lalu, tempat ini digunakan sebagai tempat menyambut ketibaan jemaah haji, tapi sekarang ia telah dipindahkan ke Jalan Hijrah yang lebih luas. Dan tempat ini telah dijadikan sebagai muzium Madinah.

17. Masjid *Bani Haram* (مسجد بني حرام)

Dinamakan Masjid Bani Haram kerana ia terletak di perkampungan Bani Haram, berdekatan dengan bukit Sila', iaitu berdekatan dengan rumah Jabir bin Abdullah bin Haram ﷺ. Di sini terjadinya satu mu'jizat Rasulullah

[1] Lihat Sunan At-Tirmizi No. 4006.

ﷺ sewaktu Peperangan Khandak, iaitu makanan yang sedikit menjadi banyak.

Sekarang masjid ini terletak di Jalan Seih berdekatan *Madrasah Thanawiyyah (8) lil Banat*. Ia masih digunakan untuk solat jemaah[1].

Masjid Bani Haram

[1] Untuk keterangan lebih lanjut bab ini sila rujuk: Khulasah Al-Wafa', Al-Masajid Al-Athariah, Al-Madinah...Al-Maalim 27-67.

BAB TUJUH
TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH DI MADINAH

TELAGA-TELAGA BERSEJARAH DI MADINAH

Di Madinah juga terdapat beberapa telaga bersejarah yang mempunyai kaitan dengan Rasulullah ﷺ dan sahabat-sahabat ﷺ. Ada lagi yang masih wujud pada hari ini dan ada yang telah tertimbus atau ditimbus kerana pembangunan.

1. Telaga *As-Suqya* (بئر السقيا)

Seperti yang tersebut di atas, telaga ini terletak di bumi kepunyaan Saad bin Abi Waqqas ؓ, mempunyai air yang jernih lagi bersih, sehingga menjadi minuman Rasulullah ﷺ. Asalnya telaga ini dipunyai oleh Malik bin Anas, bapa kepada Anas bin Malik ؓ, kemudian dibeli oleh Saad ؓ. Tempat ini asalnya dikenali sebagai *Falahan*.

Telaga ini telah pun terhapus. Di atasnya dijadikan jalanraya menuju ke Makkah. Lokasinya sekarang ialah kawasan yang berdekatan dengan Stesen Keretapi Anbariyah.

2. Telaga *Budha'ah* (بئر بُضاعة)

Nama *Budha'ah* telah disebut di dalam beberapa hadis yang sahih. Ibnu Syabbah meriwayatkan Sahal bin Saad berkata bahawa dia mengambil air dari telaga ini dengan tangannya untuk Rasulullah ﷺ minum.

Dia juga memberitahu dengan air telaga inilah Rasulullah ﷺ telah mengeluarkan hukum bahawa air adalah sentiasa suci selagi ia tidak berubah disebabkan benda-benda asing.

Rasulullah ﷺ telah berwudhu' di telaga ini, dan Rasulullah ﷺ juga telah meludah ke dalamnya. Telaga ini terletak di bahagian belakang Masjid Nabawi, di kawasan yang dikenali sebagai *Bab Asy-Syami*. Kini telaga ini telah terhapus akibat pembangunan pesat Madinah[1].

3. Telaga *Ha* (بئر حاء)

Telaga ini adalah kepunyaan seorang Ansar iaitu Abu Thalhah Al-Ansari Al-Khazraji. Rasulullah ﷺ selalu meminum air dari telaga ini. Apabila turun ayat Al-Quran menggalakkan supaya orang-orang kaya memberi nafkah atau sedekah harta yang mereka sayang, beliau datang mengadap Rasulullah ﷺ dan memberitahu bahawa telaga ini adalah di antara harta yang paling disayanginya, dan ianya disedekahkan pada jalan Allah. Rasulullah ﷺ menyarankan agar telaga tersebut diberikan kepada keluarganya yang terdekat[2] .

---

[1] Lihat: Umar bin Syabbah, Tarikh Al-Madinah 1/100.
[2] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 4554.

Kedudukannya terletak berdekatan dengan Masjid Nabawi, di sebelah utara, kawasan *Bab Al-Majidi*, di sebelah timur Telaga *Budha'ah*. Ia juga telah terhapus dan kini termasuk dalam binaan baru Masjid Nabi.

4. Telaga *Aris atau Khatam* (بئر أريس / خاتم)

Aris ialah nama seorang Yahudi yang bererti 'peladang'. Mengikut sebuah hadis riwayatkan oleh Muslim daripada Abu Musa Al- Asy'ari ﷛ : Pada suatu hari beliau berazam untuk mengikuti pergerakan Rasulullah ﷺ . Lantas beliau pergi mencari Baginda di Masjid Nabawi tetapi tidak mendapatinya di situ. Beliau terus mencarinya sehinggalah beliau mendapati Rasulullah ﷺ berada di dalam sebuah kebun, sedang duduk di pinggir telaga dengan kakinya terjuntai ke dalam telaga itu. Beliau pun memberi salam kepada Baginda dan kembali semula ke pintu telaga itu sambil berazam untuk menjadi pengawal kepada Baginda untuk hari itu.

Tiba-tiba pintu telaga ditolak dari luar dan Abu Musa mendapati Saidina Abu Bakar As-Siddiq ﷛ berada di pintu tersebut. Abu Musa pergi memberitahu Rasulullah ﷺ tentang kedatangan Abu Bakar itu. Rasulullah ﷺ menyuruh Abu Musa membenarkannya masuk dan mengkhabarkan berita gembira bahawa dia (Abu Bakar As-Siddiq ﷛) adalah ahli syurga. Abu Musa pun mempersilakan Abu Bakar ﷛ masuk.

Kemudian, Abu Musa terus menunggu di pintu itu sambil mengharapkan agar ada saudaranya yang datang. Tiba-tiba pintu diketuk lagi. Saidina Umar bin Al-Khattab ﷛ pula muncul di muka pintu. Beliau pun pergi memberitahu Rasulullah ﷺ dan Baginda memberi arahan

seperti sebelumnya. Umar bin Al-Khattab ؓ pun masuk dan duduk di sebelah kiri Rasulullah ﷺ. Manakala Abu Bakar ؓ pula duduk di sebelah kanan Rasulullah ﷺ dengan kaki mereka terhulur ke dalam telaga itu.

Abu Musa pun kembali semula ke pintu tersebut dengan perasaan tertunggu-tunggu siapakah lagi orang yang bertuah pada hari itu. Pintu telaga diketuk lagi dan kali ini Saidina Usman bin Affan ؓ pula yang muncul. Abu Musa pergi meminta keizinan Rasulullah ﷺ dan Usman juga dibenarkan masuk. Rasulullah ﷺ juga menjaminkan syurga untuknya dengan sebab musibah dan fitnah yang bakal menimpa dirinya. Apabila Usman mendengarnya beliau pun mengucapkan: (الله المستعان!) Kemudian, apabila Usman ؓ hendak duduk di telaga itu, tempat di sebelah Rasulullah ﷺ telah penuh, lalu beliau pun duduk berhadapan dengan mereka bertiga[1].

Menurut riwayat Al-Bukhari daripada Anas bin Malik ؓ pula, Rasulullah ﷺ mempunyai sebentuk cincin yang kemudiannya diwarisi oleh Abu Bakar As-Siddiq ؓ. Selepas itu diwarisi pula oleh Umar Al-Khattab ؓ dan akhirnya oleh Usman bin Affan ؓ. Pada suatu hari, dalam tahun keenam pemerintahannya, Usman bin Affan ؓ sedang duduk di pinggir telaga itu. Tiba-tiba, cincin yang dipakainya tertanggal daripada jarinya lalu terjatuh ke dalam telaga itu. Usman ؓ mencarinya selama tiga hari tiga malam tetapi hampa. Sejak hari itu telaga tersebut dikenali sebagai telaga *Khatam* (Cincin). Saidina Usman bin Affan ؓ pula terus teringat kata-kata Rasulullah ﷺ. Benarlah sabda Baginda kerana semenjak

[1] Sahih Muslim, Min Fadhail Usman No. 6159. Lihat Sahih Al-Bukari No. 3695.

hari itu bermulalah huru-hara dan fitnah ke atas beliau sehingga berakhir dengan syahidnya beliau di tangan seorang pembunuh.

Hari ini telaga ini telah tiada lagi. Tapaknya juga sudah menjadi jalan raya, iaitu di sebelah barat Masjid *Quba'*.

5. Telaga *Al-Ghars* (بئر الغرس)

Ibnu Majah meriwayatkan daripada Saidina Ali bin Abi Talib ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Apabila aku mati, mandikanlah aku dengan tujuh timba air dari Telaga *Al-Ghars*"[1].

Saidina Ali ﷺ juga menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ selalu minum air dari telaga ini. Telaga ini juga telah tiada tapaknya. Dahulunya ia terletak di timur Masjid *Quba'* dan dikelilingi oleh pohon-pohon tamar.

6. Telaga *Ar-Rumah* (بئر الرومة)

Telaga yang dikenali juga sebagai ***Telaga Usman*** ini asalnya dipunyai oleh seorang Yahudi yang menjual airnya kepada orang muslim. Sewaktu Rasulullah ﷺ sampai di Madinah, tidak ada air yang sedap untuk diminum kecuali dari telaga ini. Memandangkan keadaan ini Rasulullah ﷺ pun bersabda: "Sesiapa yang membeli telaga *Ar-Rumah* ini dan mewakafkan airnya kepada orang-orang muslim, dia akan diberi pahala berdasarkan setiap timba air yang disedekahkan itu dan kelak dia akan meminum air di dalam syurga"[2].

---

[1] Sunan Ibnu Majah No. 1468.
[2] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 2778.

Menurut riwayat Ibnu 'Abdil Bar, Saidina Usman bin Affan ﷺ telah menawarkan diri untuk membeli telaga itu. Tetapi Yahudi tersebut tidak mahu menjual kesemua telaga itu, sebaliknya bersetuju untuk menjual separuh daripadanya sahaja dengan harga sebanyak 12,000 dirham. Giliran untuk mengambil air secara berselang hari juga turut dipersetujui.

Maka pada hari giliran Saidina Usman bin Affan ﷺ, semua orang Islam datang mengambil air percuma itu untuk bekalan selama dua hari supaya mereka tidak perlu membeli air daripada Yahudi itu pada keesokannya. Melihat keadaan ini Yahudi itu menyedari bahawa perniagaannya sudah mulai merosot lalu menawarkan untuk menjual kesemua telaga itu kepada Saidina Usman ﷺ dengan tambahan sebanyak 8,000 dirham lagi, menjadikan keseluruhannya bernilai 20,000 dirham

Telaga ini masih wujud hingga ke hari ini. Ia terletak kira-kira satu km dari Masjid *Al-Qiblatain*, iaitu di Jalan Abu Bakar As-Siddiq. Kini ia diletakkan di bawah jagaan Kementerian Air dan Pertanian Arab Saudi[1].

[1] Sila Rujuk: Ad-Durrah Ath-Thaminah 72-83, Khulasah Al-Wafa' 2/417-456, Al-Madinah...Al-Maalim 143-153.

SAQIFAH BANI SA'IDAH (سقيفة بني ساعدة)

Saqifah Bani Sa'idah

As-Saqifah bermaksud bangunan yang mempunyai tiga dinding dibuat daripada tanah liat dan batu-bata. Dindingnya daripada pelepah tamar ataupun papan dan ia biasanya digunakan sebagai tempat pertemuan dan perbincangan bagi penduduk Madinah.

Saqifah ini mempunyai sejarah tersendiri dalam Islam. Rasulullah ﷺ sendiri pernah datang dan duduk di tempat ini. Di sini berlakunya muktamar pertama di Madinah dalam sejarah Islam setelah kewafatan Rasulullah ﷺ. Perhimpunan yang bersejarah ini telah menyelesaikan satu perbincangan yang hangat siapakah yang berhak mengambil alih tempat Rasulullah ﷺ untuk memimpin umat ini. Ia berakhir dengan seluruh hadirin telah mengangkat sumpah taat setia (bai'ah) kepada Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه.

Tapak *Saqifah* ini sekarang dikatakan terletak di sebuah taman di antara bangunan di belakang Masjid Nabawi iaitu dari *Bab Al-Malik Fahad* terus ke sebelah kanan menuju ke Masjid *Sabqa,* berhampiran dengan Stesen Bas SAPTCO hari ini. Jaraknya 206 meter dari Masjid Nabawi[1].

KOTA (KUBU) KA'AB BIN AL-ASYRAF

Kota ini merupakan salah satu di antara tempat yang bersejarah di Madinah. Ia adalah tempat kediaman Ka'ab bin Al-Asyraf, seorang pemimpin Yahudi yang sangat jahat, dari keturunan ***Bani An-Nadhir*** di sebelah ibunya. Beliau juga seorang sasterawan yang selalu menggubah syair-syair dan sajak-sajak yang mengutuk lagi menghina Islam. Di kota ini jugalah beliau telah menemui ajalnya apabila dibunuh oleh beberapa orang sahabat.

LOKASI DAN KEDUDUKAN KOTA

Terletak di atas sebuah bukit kecil di tenggara Madinah, berdekatan dengan Empangan But-han yang terletak kira-kira 3.8 km dari Masjid *Quba'*. Panjangnya 33 m, lebarnya 33 m dan tingginya ialah 4 m. Manakala tebalnya pula ialah 1m. Dinding-dindingnya masih kekal hingga ke hari ini. Kota yang merupakan satu binaan pertahanan tentera ini, mempunyai satu pintu di sebelah barat, lapan menara kawalan kecil dan sepuluh buah bilik. Ia dibina daripada batu pejal yang panjang setiap satu jongkongnya 140 sm, lebarnya 80 sm dan tebalnya 40

[1] Al-Madinah...Al-Maalim 170-177.

sm[1].

SEBAB-SEBAB PEMBUNUHANNYA

Sepanjang kehidupannya beliau selalu menghina Islam, mengutuk, memperkecilkan kaum muslimat, menghasut orang Yahudi agar mengkhianati perjanjian yang dibuat dengan kaum muslimin, membuat pakatan bersama Quraisy untuk memerangi Rasulullah ﷺ dan menunjukkan rasa simpati kepada tentera musyrikin yang kalah dan gugur dalam peperangan Badar.

Nyata, Rasulullah ﷺ sudah bosan dengan karenahnya itu lalu bersabda kepada para sahabat:

(مَنْ لِكَعْب بن الأَشْرَف ؟ فإنَّهُ قَدْ آذى الله وَرَسُوْله)

Maksudnya: "Siapakah yang sanggup bertindak ke atas Ka'ab bin Al-Asyraf? Sesungguhnya dia telah menyakiti Allah dan Rasul-Nya".

Sebaik sahaja mendengar sabda Rasulullah ﷺ itu, seorang sahabat bernama Muhammad bin Maslamah ﵁ terus menawarkan diri untuk membunuh Ka'ab dan meminta izin daripada Baginda untuk menggunakan helah dalam tindakannya nanti. Rasulullah ﷺ bersetuju dengan caranya itu.

Muhammad bin Maslamah ﵁ pun pergi ke kota kediaman Ka'ab dan mengadu kepada Ka'ab bahawa Rasulullah ﷺ telah meminta sedekah daripada beliau dan kaum muslimin. Ini menyusahkan mereka sehingga dia terpaksa datang meminta berhutang daripada Ka'ab beberapa gantang kurma. Ka'ab bersetuju tetapi mesti ada

---

[1] Lihat: Abdul Quddus Al-Ansari, Aathar Al-Madinah Al-Munawwarah 43.

cagarannya. Dia meminta supaya dicagarkan dengan wanita-wanita kaum muslimin. Muhammad menolaknya dengan berdalih: "Bagaimana kami hendak mencagarkan wanita kami sedangkan kamu adalah orang Arab yang paling kacak?". Ka'ab yang celaka menekan lagi: "Cagarkan saja anak-anak perempuan kamu!". Muhammad berdalih lagi: "Bagaimana kami hendak mencagarkan anak-anak perempuan kami, nanti mereka marah kerana dicagarkan dengan beberapa gantang tamar sahaja. Ini adalah satu keaiban bagi kami. Biarlah kami cagarkan dengan senjata saja". Ka'ab yang tamak itu pun bersetuju dan mereka berjanji untuk berjumpa semula.

Pada sebelah malamnya, datanglah Muhammad bin Maslamah ﷺ bersama Abu Nailah Silkan bin Salamah ﷺ (saudara susuan Ka'ab) dan memanggil Ka'ab supaya turun. Sewaktu Ka'ab hendak turun, isterinya berkata: "Ke manakah kamu hendak pergi di waktu-waktu begini? Aku mendengar semacam ada suara-suara yang mahu menumpahkan darah!". Ka'ab menjawab dengan yakin bahawa yang datang itu bukan orang lain tetapi Muhammad bin Maslamah ﷺ dan saudaranya, Abu Nailah.

Semasa di bawah, Ka'ab diajak berbual-bual dan berjalan-jalan agak jauh dari situ. Abu Nailah kemudiannya berkata: "Aku tidak pernah tercium bau minyak wangi yang lebih harum daripada malam ini. Bolehkah aku mencium kepalamu?" Ka'ab membenarkannya dan Abu Nailah pun menciumnya sebanyak tiga kali. Pada kali yang ketiga, dipegangnya kepala Ka'ab kuat-kuat dan mengarahkan kawan-kawannya bertindak segera. Mereka pun menyerbu keluar dan menetak Ka'ab dengan pedang masing-masing. Tetapi

dalam keadaan gelap dan kelam kabut itu sasaran mereka tidak berapa tepat. Akhirnya Muhammad bin Maslamah ﷺ pun mengeluarkan pisau kecilnya dan berjaya membunuh Ka'ab.

Di antara sahabat yang ikut serta dalam jihad tersebut ialah Abu 'Abas bin Jabar, Al-Haris bin Aus dan 'Abbad bin Bishir ﷺ. Para sahabat itu pun kembali menemui Rasulullah ﷺ dengan membawa berita gembira bahawa musuh Allah, musuh Rasulullah ﷺ dan musuh umat Islam seluruhnya itu telah berjaya dihapuskan.

Peristiwa ini berlaku pada malam 14 Rabi'ul Awwal 3H[1].

Kota (Kubu) Ka'ab bin Al-Asyraf

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 4037, Ar-Rahiq Al-Makhtum 283-287, Dr. Solah Al-Khalidi, Suwar min Jihad As-Sahabah 37-65.

BAB LAPAN
SEJARAH PEPERANGAN DI MADINAH

PEPERANGAN BANI QAINUQA'
Syawal 2 Hijrah.

Setelah Islam bertapak di Madinah di antara perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ adalah menandatangani perjanjian damai dengan kaum Yahudi. Baginda begitu berhati-hati dan memeteraikannya secara bertulis. Kaum muslimin tidak pernah cuba mengkhianati perjanjian ini atau mempertikaikan isi kandungannya. Tetapi Yahudi yang mana sifat asas mereka adalah berkait rapat dengan penipuan, pengkhianatan dan pembelotan tidak dapat lari dari tradisi ini dan mula menimbulkan kekacauan dan huru-hara dengan tujuan untuk menggoyahkan perpaduan umat Islam.

Antara contoh jelas mengenai sifat mereka ini adalah Shas bin Qais, seorang Yahudi yang telah berumur, kafir mutlaq yang begitu membenci kaum muslimin. Beliau telah berjaya menghasut sekumpulan muslimin daripada kaum Aus dan Khazraj dengan semangat perkauman, kebencian dan dendam kesumat iaitu sifat mereka sebelum Islam. Pemuda-pemuda Yahudi dihantar untuk bergaul dan mengingatkan mereka tentang peperangan sesama mereka dahulu dengan tujuan untuk meretak dan memecahkan perpaduan dan persefahaman yang telah dicapai melalui Islam.

Propaganda ini telah berjaya dan dua pihak tadi kembali kepada sifat fanatik perkauman ('asobiyyah) sebelum Islam dahulu dan telah bersiap sedia untuk berperang sesama mereka.

Apabila perkara ini sampai kepada Rasulullah ﷺ, Baginda bersama beberapa orang ketua kaum dengan segera keluar untuk menangani keadaan tersebut. Baginda sebagai seorang rasul dan pemimpin agung, menegur mereka dengan penuh hikmah dan toleransi menjadikan mereka terus menyedari bahawa itu adalah tipu daya syaitan dan rancangan jahat musuh. Mereka mengakui kesilapan dan bermaafan di antara satu sama lain dan kembali ke rumah masing-masing dengan hati yang damai serta penuh ketaatan terhadap Rasulullah ﷺ.

Begitulah amalan Yahudi pengacau, penimbul fitnah, penyebar kepalsuan, berpura beriman di siang hari, kembali kufur di malam hari. Dalam kehidupan harian pula mereka sentiasa cuba menekan kaum muslimin terutamanya dalam urusan kewangan. Sekiranya mereka terhutang dengan seorang muslimin, mereka akan melepaskan diri daripada tanggungjawab itu dengan alasan bahawa beliau telah memeluk agama baru maka perjanjian mereka sebelum ini telah terbatal. Jika sebaliknya pula, mereka tidak akan berdiam diri dan menekannya siang dan malam untuk membayar hutang tersebut. Semua ini adalah antara usaha terakhir mereka untuk menggoyahkan Islam yang mula meluas berkembang dan bertapak dengan kukuhnya.

Selepas berlaku peperangan Badar (Ramadhan 2 Hijrah) yang berpihak kepada Islam, dengan mendapat kemenangan yang besar, pihak Yahudi semakin menampakkan perasaan dengki dan benci kepada Islam

dengan beberapa perbuatan, tapi Rasulullah ﷺ masih bersabar. Mereka mula menjalankan aktiviti jahat dan provokasi terhadap kaum muslimin secara terang-terangan di tempat-tempat awam.

Yahudi Bani Qainuqa' Melanggar Perjanjian.

Yahudi Bani Qainuqa' adalah kumpulan pertama yang membatalkan perjanjian damai dengan Rasulullah ﷺ. Mereka merupakan kumpulan Yahudi yang paling jahat di tanah Arab. Pekerjaan utama mereka adalah tukang emas, tukang besi dan membuat alat-perkakas perumahan, kerana itulah alat-alat senjata banyak tersimpan di rumah mereka.

Mereka kemudiannya berjaya mengumpulkan seramai 700 orang pahlawan dan mula menimbulkan kekacauan dan huru-hara terhadap Muslim juga menakutkan kaum perempuan mereka. Keamanan umum mula tergugat, Rasulullah ﷺ lalu mengumpulkan mereka, memberi amaran dan mengingatkan mereka supaya rasional dan jangan cuba melakukan tindakan yang lebih jauh lagi. Tetapi mereka tidak mengendahkan amaran Baginda dan terus membuat kejahatan.

Mereka merasa yakin jika terlibat dalam peperangan, mereka akan dapat mengalahkan tentera muslimin yang pada anggapan mereka tidak berpengalaman itu, bahkan merekalah pakar perang yang sebenarnya.

Allah ﷻ telah berfirman tentang hal ini:

﴿ قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٢﴾ قَدْ كَانَ لَكُمْ ءَايَةٌ فِى فِئَتَيْنِ ٱلْتَقَتَا فِئَةٌ تُقَٰتِلُ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم

مِّثْلَيْهِمْ رَأْيَ ٱلْعَيْنِ ۚ وَٱللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِۦ مَن يَشَآءُ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُو۟لِى ٱلْأَبْصَٰرِ ﴿١٣﴾ [آل عمران: ١٢-١٣].

Maksudnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir itu: Kamu akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihimpunkan (pada hari kiamat) ke dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat yang disediakan. Sesungguhnya telah ada satu tanda (bukti) bagi kamu pada (peristiwa) dua pasukan yang telah bertemu (di medan perang); satu pasukan (orang-orang Islam) berperang pada jalan Allah (kerana mempertahankan agama Allah) dan yang satu lagi dari golongan kafir musyrik. Mereka (yang kafir itu) melihat orang-orang Islam dengan pandangan mata biasa dua kali ramainya berbanding dengan mereka sendiri dan Allah sentiasa menguatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, dengan memberikan pertolongan-Nya. Sesungguhnya pada peristiwa itu terdapat satu pengajaran yang memberi insaf bagi orang-orang yang berfikiran (yang celik mata hatinya)"[1].

Jawapan kepada perlakuan ini hanyalah dengan mengisytiharkan peperangan. Rasulullah ﷺ menahan kemarahannya dan menasihati kaum muslimin supaya bersabar dahulu dan menunggu apakah yang akan berlaku seterusnya.

Sehinggalah pada suatu hari, seorang perempuan muslimah telah membawa barang jualannya di *Suq* (pasar) Bani Qainuqa' dan duduk berhampiran dengan seorang tukang emas, mereka (Yahudi) menyuruh

---

[1] Surah Aali 'Imran 12-13.

perempuan itu membuka muka tapi beliau enggan, sedang perempuan itu leka salah seorang dari mereka telah mengikat hujung kainnya di belakang dan apabila beliau bangun terdedahlah auratnya, mereka mentertawakannya, perempuan itu menjerit meminta pertolongan, seorang lelaki muslim bangun dan membunuh Yahudi tersebut, Yahudi lain kemudian membunuh muslim tadi. Keluarga lelaki tersebut meminta bantuan kaum muslimin, maka bermulalah peperangan di antara muslimin dan Yahudi.

Pada hari sabtu 15 haribulan Syawal tahun 2 Hijrah, Rasulullah ﷺ dan panglimanya Saidina Hamzah bin Abdul Muttalib serta sekumpulan tentera muslimin mula mengepung kota mereka selama 15 hari.

Allah menjadikan hati mereka kecut dan terhina, menyebabkan mereka akhirnya menyerah diri kepada Rasulullah ﷺ dengan tangan yang terikat dibelakang, untuk dijatuhkan hukuman terhadap nyawa, harta, kaum wanita dan anak-anak mereka.

Pada masa inilah Abdullah bin Ubai si munafik memainkan peranannya sebagai pembela mereka (untuk mengelakkan dari dijatuhkan hukuman bunuh yang sepatutnya). Rasulullah ﷺ menerima permintaannya memandangkan beliau baru sebulan (berpura) menerima Islam. Sebagai hukumannya mereka menyerahkan seluruh harta dan alat-alat peperangan kepada Rasulullah ﷺ yang membahagikan kepada seluruh sahabat setelah mengambil satu perlima daripadanya. Mereka kemudiannya dihalau keluar dari Madinah dan seluruh tanah Arab selama-lamanya[1].

---

[1] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 277-281.

PEPERANGAN BANI AN-NADHIR
Rabi'ul Awwal 4 Hijrah.

Kejahatan Yahudi tidak terhenti setakat itu sahaja. Kerana mereka lemah dalam taktik peperangan, tumpuan mereka adalah konspirasi dan rancangan jahat, dengan segala plot penipuan. Mereka berhati-hati agar ianya tidak menjerumuskan mereka ke dalam peperangan yang terbuka.

Rasulullah ﷺ sangat bersabar dan bertoleransi terhadap mereka, tetapi mereka tidak menghargainya bahkan beberapa percubaan untuk membunuh Baginda telah dirancang.

Pada suatu ketika Rasulullah ﷺ dan beberapa orang sahabat telah pergi berjumpa Bani Nadhir untuk meminta pertolongan dalam mengumpulkan duit *'diyah'* (pampasan) yang harus Baginda bayar kepada Bani Kalb untuk dua orang lelaki yang telah dibunuh oleh Amru bin Umayyah Ad-Damari secara tidak sengaja. Perkara ini bersesuaian dengan perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua pihak. Setelah mendengar cerita ini, mereka menyuruh supaya Rasulullah ﷺ dan para sahabatnya seperti Abu Bakar As-Siddiq, Umar bin Al-Khattab, Ali bin Abu Talib dan lain-lain supaya menunggu di sebalik dinding rumah mereka. Mereka mengadakan perjumpaan tergempar dan merancang untuk membunuh Rasulullah ﷺ.

Amru bin Jahasy, yang paling jahat di antara mereka menawarkan diri untuk memanjat dinding tersebut dan menjatuhkan batu besar ke atas kepala

Baginda. Walaupun salah seorang daripada mereka, Salam bin Mashkam melarang mereka daripada perbuatan tersebut, kerana sudah pasti Allah ﷻ akan menggagalkannya dan perbuatan itu juga akan membuktikan jenayah mereka yang mana akan merosakkan perjanjian yang telah dicapai dengan muslimin.

Dan sebenarnya Jibrail telah datang memberi amaran kepada Rasulullah ﷺ tentang niat jahat Yahudi itu, Baginda bersama para sahabatnya bergegas pulang ke Madinah.

Tidak lama kemudian Rasulullah ﷺ menghantar Muhammad bin Maslamah sebagai wakil untuk memberi mereka amaran terakhir, di mana mereka hendaklah keluar meninggalkan Madinah dalam masa sepuluh hari, jika tidak kesemua mereka akan dibunuh. Ketua munafik Abdullah bin Ubai sekali lagi memainkan peranan busuknya dan mendesak Yahudi supaya jangan mengendahkan arahan Rasulullah ﷺ dan tetap berada di perkampungan mereka. Beliau juga menawarkan akan memberi bantuan sebanyak 2000 orang daripada pengikutnya serta menjamin bahawa bantuan akan datang dari Bani Quraizah dan Bani Ghotafan.

Tentang hal ini Allah ﷻ telah berfirman :

﴿ ... لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا وَإِن قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَـٰذِبُونَ ﴾ [الحشر: ١١]

Maksudnya: "Sesungguhnya, kalau kamu dihalau keluar sudah tentu kami akan keluar bersama-sama kamu dan kami tidak akan tunduk taat kepada sesiapapun untuk menentang

kamu selama-lamanya; dan kalau kamu diperangi, sudah tentu kami akan membela kamu! Padahal Allah mengetahui dan menyaksikan bahawa sebenarnya mereka adalah pendusta"[1].

Kaum Yahudi kembali yakin dan bersedia untuk berlawan. Ketua mereka Huyai bin Akhtab bergantung sepenuhnya dengan janji-janji ketua munafik tadi. Lalu beliau menghantar pesanan kepada Rasulullah ﷺ : *"Kami tidak akan meninggalkan rumah kami. Lakukanlah apa yang kamu mahu"*.

Keadaan ini sebenarnya kurang berpihak kepada muslimin, tetapi mereka tetap yakin dan teguh dengan ketentuan Allah dan Rasul-Nya. Apabila Rasulullah ﷺ menerima jawapan ini Baginda bertakbir: *"Allahu Akbar, Allahu Akbar"* dan para sahabat ikut bertakbir bersama Baginda. Baginda kemudian melantik Ibnu Ummi Maktum sebagai wakil Baginda di Madinah dan keluar bersama para tentera dengan Ali bin Abi Talib sebagai panglimanya. Muslimin mengepung kubu Yahudi selama enam hari (setengah riwayat 15 hari).

Pada awalnya Yahudi mendapat kedudukan strategik dengan ladang tamar yang tebal melindungi kubu-kubu dan istana mereka. Muslimin kemudiannya diarahkan untuk membakar pokok-pokok tersebut dengan firman Allah ﷻ :

﴿ مَا قَطَعْتُم مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَآئِمَةً عَلَىٰٓ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ ٱللَّهِ وَلِيُخْزِيَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٥﴾ ﴾ [الحشر: ٥]

Maksudnya: "Apa saja yang kamu tebang dari pohon

---

[1] Surah Al-Hashr 11.

kurma (milik orang kafir) atau yang kamu biarkan (tumbuh) berdiri di pokoknya maka (semua itu) adalah dengan izin Allah dan kerana Dia hendak menimpakan kehinaan kepada orang-orang yang fasik."[1].

Bani Quraizah tidak berpihak ke mana-mana, manakala si munafik Abdullah bin Ubai dan Bani Ghotafan gagal menunaikan janji mereka. Allah ﷻ juga telah berfirman tentang hal ini :

﴿ كَمَثَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ إِذْ قَالَ لِلْإِنسَٰنِ ٱكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴾ [الحشر: ١٦]

Maksudnya: "(Pujukan orang-orang munafik itu adalah) seperti (pujukan) syaitan ketika dia berkata kepada manusia : "Kafirlah kamu", maka apabila manusia itu telah kafir ia berkata: "Sesungguhnya aku berlepas diri dari kamu...[2]"

Pengepungan ini tidak memakan masa yang lama kerana Allah ﷻ menjadikan hati mereka kecut dan mereka dengan relanya menawarkan diri untuk menyerah diri dan meninggalkan Madinah. Rasulullah ﷺ menerima permintaan mereka dan membenarkan mereka membawa barang setakat yang mampu dibawa oleh unta mereka kecuali alat senjata. Mereka tiada pilihan lain kecuali mengikut arahan Rasulullah ﷺ, lalu mereka membawa semua yang mampu sehinggakan tiang dan bingkai atap rumah. Kafilah mereka ini mengandungi 600 ekor unta termasuk ketua mereka Huyai bin Akhtab dan Salam bin

[1] Surah Al-Hashr 5.
[2] Surah Al-Hashr 16.

Abi Al-Huqaiq yang pergi ke Khaibar manakala yang lain menuju ke Syria. Dua dari mereka iaitu Yamin bin Amru dan Saad bin Wahab memeluk Islam dan harta mereka tidak dirampas.

Rasulullah ﷺ merampas segala senjata, rumah, tanah dan lain-lain harta. Antara rampasan yang berjaya dikumpulkan adalah 50 helai baju besi, 50 topi besi dan 340 bilah senjata. Semua ini sepatutnya menjadi milik peribadi Rasulullah ﷺ kerana tiada peperangan yang terjadi, tetapi Baginda membahagikannya kepada golongan muhajirin yang terawal dan dua orang Ansar iaitu Abu Dujanah dan Suhail bin Hanif.

Peristiwa ini berlaku pada bulan Rabi'ul Awal tahun 4 Hijrah bersamaan Ogos 625. Hampir kesemua ayat di dalam surah *Al-Hashr* (surah ke 59) menceritakan tentang pengusiran Yahudi dan mendedahkan kelakuan jahat munafik. Juga mengandungi ayat-ayat yang menerangkan tentang hukuman harta rampasan perang, hukuman memotong dan membakar tanah dan pokok-pokok kepunyaan musuh atas sebab-sebab peperangan. Di dalam surah ini juga Allah ﷻ memuji kaum Muhajirin dan Ansar, menyuruh hamba-Nya bertaqwa serta beramal soleh dan bersedia untuk kehidupan di negeri akhirat nanti[1].

---

[1] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 346-350.

PEPERANGAN UHUD
Syawal 3 Hijrah.

BUKIT UHUD

Bukit ini adalah salah sebuah bukit terbesar dan terpanjang di Madinah. Letaknya di bahagian utara Madinah iaitu kira-kira 5 km dari pusat bandar. Di tempat inilah berlakunya peperangan sengit di antara tentera Islam dan tentera musyrikin dari Makkah. Peperangan ini berlaku pada bulan Syawal tahun ketiga Hijrah.

Mengenai keistimewaan Bukit Uhud pula, Rasulullah ﷺ telah bersabda:

(هَذَا جَبَلٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّه) رواه البخاري.

Maksudnya: "Bukit ini (Uhud) mencintai kami dan kami mencintainya"[1].

PEPERANGAN UHUD

Selepas kekalahan tentera musyrikin dalam peperangan Badar yang berlaku pada bulan Ramadan tahun kedua Hijrah, mereka merancang untuk membalas dendam di atas kekalahan tersebut. Mereka mula mengumpulkan satu tentera yang besar dan mengeluarkan belanja yang banyak untuk tujuan tersebut. Tentera itu dikatakan mempunyai 3000 orang tentera, 3000 ekor unta, 200 ekor kuda dan 700 perisai pertahanan. Mereka mula berarak dari Makkah sehingga sampai ke Zulhulaifah dan Lembah Qanat iaitu di selatan Bukit Uhud dan di timur Bukit Ar-Rumah (Pemanah) atau nama asalnya Bukit

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3926.

Ainain.

Sebaik sahaja mereka mula bergerak, Abbas bin Abdul Mutalib ﵁, bapa saudara Rasulullah ﷺ menghantar berita kepada Rasulullah ﷺ tentang kekuatan dan kemaraan tentera Quraisy ini. Rasulullah ﷺ pun menghantar beberapa orang perisik untuk menyiasat pergerakan dan persediaan tentera Quraisy itu. Perisik-perisik ini berjaya mendapat banyak berita dan keterangan yang dikehendaki.

Apabila cukup maklumat-maklumat penting tentang tentera musyrikin itu, Rasulullah ﷺ pun bertindak mengumpul para sahabat ﵃ untuk berbincang (syura) tentang tindakan yang akan diambil. Rasulullah ﷺ sendiri berpendapat bahawa tentera muslimin lebih elok mempertahankan diri mereka di bandar Madinah, tetapi ramai sahabat memilih untuk ke luar bandar dan menyekat tentera musyrikin di sana. Baginda pun menerima pendapat majoriti itu walaupun pendapat Baginda untuk bertahan di dalam Madinah adalah lebih logik dan munasabah. Ini adalah kerana tentera musyrikin tidak mungkin dapat menawan Madinah dalam masa yang singkat. Manakala tentera Islam pula akan dapat mengalahkan mereka dengan mudah kerana mereka lebih tahu tentang selok-belok bandar mereka (Madinah).

Rasulullah ﷺ pun mengenakan pakaian perangnya (baju besi). Apabila melihat tindakannya ini para sahabat ﵃ pun mulai berasa gerun dan menyesal kerana mencadangkan untuk keluar bertempur di luar Madinah. Baginda lantas memberitahu mereka: "Apabila Rasulullah ﷺ memakai pakaian perangnya dia tidak akan membuangnya sehinggalah Allah ﷻ membuat hukuman di antaranya dan musuh".

Seterusnya tentera Islam yang terdiri daripada 1000 orang tentera, dua ekor kuda dan 100 perisai pertahanan pun memulakan langkah mereka. Dalam perjalanan keluar dari Madinah, Baginda mendapati ada sekumpulan tentera yang tidak Baginda kenali. Apabila Baginda bertanya, Baginda diberitahu bahawa mereka adalah orang Yahudi yang ada kaitan dengan Abdullah bin Ubai. Rasulullah ﷺ lalu bersabda: "Jangan sesekali meminta pertolongan daripada orang kafir untuk menentang sesama kafir"[1].

Baginda ﷺ pun menyuruh Yahudi itu membuat pilihan sama ada memeluk Islam ataupun keluar daripada pasukan tentera. Ternyata mereka memilih untuk keluar daripada barisan tentera Islam. Rentetan daripada itu golongan munafiqin pengikut kepada Ibnu Ubai juga keluar bersama mereka. Ini kerana perancangan mereka membawa orang kafir tadi adalah sebagai musuh dalam selimut kepada tentera Islam, tetapi rancangan jahat mereka telah gagal dengan penolakan Rasulullah ﷺ terhadap kedatangan orang kafir itu. Pemergian mereka menjadikan bilangan tentera Islam tinggal hanya 700 orang sahaja.

Tentera Islam seterusnya berkhemah di celah antara dua bukit. Bukit Uhud berada di bahagian belakang mereka, Bukit *Ar-Rumah* di bahagian kiri dan bandar Madinah di hadapan mereka.

---

[1] Lihat: Al-Muwatta' 1/231, As-Silsilah As-Sahihah No. 1101.

TENTERA PEMANAH DI BUKIT *AR-RUMAH*

Sebelum bermulanya pertempuran, Rasulullah ﷺ mengarahkan agar 50 orang pemanah mengambil tempatnya di puncak Bukit *Ar-Rumah* untuk melindungi bahagian belakang tentera Islam. Abdullah bin Jubair Al-Ansari ؓ dilantik sebagai ketua. Rasulullah ﷺ mengeluarkan arahan kepada mereka dengan bersabda: "Jika kamu melihat kami beroleh kemenangan jangan sekali-kali turun kepada kami dan jika kamu melihat kami dibunuh pun, jangan cuba turun untuk menolong kami. Jangan tinggalkan tempat kamu itu sekali pun kamu melihat tentera Islam dipatuk (dimakan mayatnya) oleh burung-burung." Baginda juga mengarahkan mereka supaya memanah ke arah pasukan tentera berkuda musyrikin bagi menyekat kemaraan mereka.

Bukit Ar-Rumah

PERTEMPURAN PERTAMA: KEMENANGAN

Rasulullah ﷺ keluar dari bandar Madinah pada hari Jumaat selepas solat Jumaat di Masjid Nabawi dan berhenti di satu tempat yang bernama *Ajimmatu Asy-Syaikhain.* Pada hari Sabtu berikutnya pertempuran pun bermula. Pertempuran pertama berlaku di sebelah barat Bukit Uhud. Di sini tentera muslimin telah menunjukkan keberanian yang begitu mengkagumkan sehingga mereka dapat mengalahkan tentera musyrikin yang jauh lebih ramai bilangannya. Mereka berjaya mengawal keadaan dan mengejar tentera musyrikin keluar tidak jauh dari situ dan kembali semula ke kawasan perkhemahan mereka.

Namun demikian, bapa saudara Rasulullah ﷺ iaitu Saidina Hamzah bin Abdul Mutalib رضي الله عنه telah gugur syahid dalam pertempuran pertama ini.

PERTEMPURAN KEDUA: KESILAPAN DAN KEKALAHAN

Apabila para pemanah melihat tentera musyrikin kalah dan lari meninggalkan medan, sebahagian daripada tentera pemanah telah turun dari tempat mereka untuk mengumpul harta-harta yang ditinggalkan musuh. Cuma yang tinggal hanyalah ketua mereka, Abdullah bin Jubair رضي الله عنه bersama 10 orang tentera lain yang memilih untuk tetap berada di tempat yang telah ditetapkan oleh Rasulullah ﷺ kepada mereka itu.

Ini merupakan kesilapan besar yang membawa kepada kekalahan mereka. Satu lagi kesilapan, mereka tidak mengejar tentera kafir supaya berundur lebih jauh

lagi. Ini adalah kerana tentera kafir ketika itu telah pun mengaku kalah sekali pun mereka hanya kehilangan 22 orang tentera.

Dalam pada itu, Khalid bin Al-Walid dan Ikrimah bin Abu Jahal yang merupakan pemimpin tentera berkuda Quraisy telah mengambil kesempatan untuk menyerang tentera pemanah Islam dari arah belakang. Walaupun mereka tidak ikut bertempur pada awalnya kerana dipanah oleh pemanah dari atas bukit Rumah, namun pada kesempatan ini mereka telah berjaya menggempur tentera Islam dengan membunuh kesemua baki pemanah di situ seorang demi seorang.

Mereka juga sempat memanggil semula tentera yang telah berundur. Mereka datang semula lalu mengepung tentera Islam dari segenap penjuru. Mereka juga menyebarkan khabar angin bahawa Rasulullah ﷺ telah terbunuh. Keadaan tentera Islam di saat itu amat genting dan kacau bilau. Mereka mula berpecah kepada beberapa kumpulan, ada yang kembali ke Madinah, ada yang lari bersembunyi di bukit dan ada juga yang cuba menyerah kalah. Namun begitu, masih ada sekumpulan tentera yang memilih untuk terus bersama-sama Rasulullah ﷺ walaupun ramai yang telah meninggalkan Baginda.

Dalam keadaan yang begitu genting itu, tentera musyrikin telah mengambil peluang untuk menujukan serangan ke atas Rasulullah ﷺ. Mereka cuba sedaya-upaya untuk membunuh Rasulullah ﷺ, namun Baginda tetap teguh seperti gunung yang menjadi pasak bumi. Rasulullah ﷺ bertempur dengan berani dan memanah sehingga patah busur panahnya. Baginda mengalami kecederaan di kepala dan muka, di samping gigi depannya

patah dan bibirnya luka. Darah pun membasahi wajah dan mengaburi pandangannya menyebabkan Baginda terjatuh ke dalam lubang lalu rebah dan luka di lututnya. Baginda juga jatuh pengsan beberapa kali. Namun ini semua tidak sedikit pun melemahkan semangat Baginda.

Sementara itu, orang Ansar yang cuba melindungi Baginda gugur satu demi satu. Mereka telah menggadaikan nyawa dengan membentengi diri mereka demi keselamatan Rasulullah ﷺ. Seramai sebelas orang telah gugur syahid melalui cara ini. Namun, pukulan yang hebat ini tetap tidak menggoncangkan semangat dan fikiran Baginda. Baginda terus bertempur dan mengetuai perjuangan dengan gagah, berani dan sabar sebagaimana yang sepatutnya sebagai seorang rasul dan nabi.

Di dalam keadaan yang begitu genting dan kacau-bilau itu, Rasulullah ﷺ masih sempat menyaksikan 'keperwiraan' sebahagian daripada sahabatnya yang berjuang bermati-matian mempertahankan kesucian Islam. Baginda melihat bagaimana anak panah Saad bin Abi Waqas ؓ menembusi tentera musyrikin. Baginda juga melihat seorang wanita Ansar yang hebat, Nusaibah binti Ka'ab (Ummu Umarah) melindungi Baginda dengan pedangnya. Baginda bersabda tentang keberanian Nusaibah ؓ ini: "Pada hari Uhud setiap kali aku berpaling ke kiri atau ke kanan, aku melihat Nusaibah bertempur dengan beraninya untuk melindungi aku".

Rasulullah ﷺ seterusnya berteriak memanggil tentera-tentera Islam supaya datang kepadanya. Mereka mula menyedari bahawa Rasulullah ﷺ masih hidup dan mula menyerbu ke arahnya di dalam 'hujan' pedang, lembing dan panah tentera musyrikin. Mereka mula melingkungi Baginda seperti tembok yang teguh dan

kukuh. Rasulullah ﷺ memberitahu mereka cara yang terbaik untuk keluar daripada kepungan tentera musyrikin ialah dengan mencari perlindungan di tempat yang tinggi. Lalu, Baginda mengarahkan mereka supaya berundur sehingga sampai ke tempat yang tinggi iaitu di atas Bukit Uhud. Tempat yang strategik ini memberi perlindungan kepada tentera Islam dari tiga arah menyebabkan tentera musyrikin hanya mampu menyerang mereka dari arah selatan sahaja. Tentera Islam bukan saja boleh mempertahankan diri daripada serangan musuh bahkan mampu memaksa mereka berundur.

Tempat perlindungan ini dipanggil '*Al-Maharis*' oleh penduduk Madinah. Tentera musyrikin yang merasa marah dan kecewa kerana tidak dapat mengalahkan tentera Islam mula memotong dan merosakkan mayat para syuhada' sambil berundur pulang ke Makkah. Mereka cuba berpuas-hati dengan apa yang mereka lakukan terhadap tentera Islam.

Tentera Islam kemudiannya menyemadikan jasad para syuhada' yang telah gugur di medan jihad itu. Seramai 70 orang tentera Islam gugur syahid, manakala tentera musyrikin hanya kehilangan 22 orang tenteranya[1].

Pada hari keduanya Rasulullah ﷺ mengumpul semula para sahabat ؓ dan mula mengejar tentera Quraisy yang sedang dalam perjalanan pulang ke Makkah sampai ke satu tempat yang bernama *Hamra' Al-Asad (20 km dari Madinah menuju ke Makkah)*. Baginda mahu menunjukkan kepada semua orang kafir di Madinah dan sekitarnya bahawa tentera muslimin masih mempunyai

[1] Menurut Al-Mubarakfuri bilangan tentera musyrikin yang terbunuh sebenarnya seramai 37 orang. Ar-Rahiq Al-Makhtum 333.

kekuatan dan semangat yang utuh. Setelah tiada tanda-tanda bahawa tentera Quraisy akan datang semula, barulah Baginda kembali ke Madinah .

PENGAJARAN

Di antara pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa peperangan Uhud ialah:

1. Penerimaan pendapat majoriti di dalam majlis syura.
2. Jangan sekali-kali menerima pertolongan daripada orang kafir untuk menentang sesama kafir.
3. Tentera tidak boleh sama sekali melanggar perintah ketuanya.
4. Pimpinan yang bijaksana dan persediaan tentera yang lengkap serta kedudukan strategik adalah di antara faktor-faktor kemenangan.
5. Perempuan yang keluar bersama tentera untuk menyediakan makanan dan perubatan harus menggunakan senjata dan menyertai barisan tentera jika terdesak. Ini berdasarkan kisah Nusaibah ﵁ yang dipuji oleh Rasulullah ﷺ.
6. Para pemanah tidak dihukum di atas kesalahan mereka kerana kesemuanya telah syahid dalam peperangan itu.

(Sudah menjadi kebiasaan bagi muslimin pada masa itu menghukum diri mereka sendiri bagi setiap kesilapan sebelum Rasulullah ﷺ menghukum mereka. Contoh ini telah ditunjukkan oleh Abu Lubabah ﵁)[1].

[1] Ibid 290-333, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 203-214.

Makam Syuhada' Uhud

SAIDINA HAMZAH BIN ABDUL MUTALIB ﷺ: PENGHULU SYUHADA'

Allah ﷻ telah berfirman:

﴿ وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتًۢا ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴾. [آل عمران: ١٦٩].

Maksudnya: "Janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki (daripada-Nya)"[1].

Saidina Hamzah bin Abdul Mutalib ﷺ ialah bapa saudara kepada Rasulullah ﷺ. Beliau digelar dengan nama

[1] Surah Ali 'Imran 169.

'singa Allah dan Rasul-Nya'. Beliau juga dikenali sebagai Sayyid Asy-Syuhada' (Penghulu atau ketua orang yang mati syahid).

Diriwayatkan bahawa Jubair bin Mut'im Al-Qurasyi telah berkata kepada hambanya, Wahsyi: "Jika kamu berjaya membunuh Hamzah, bapa saudara Muhammad yang telah membunuh bapa saudaraku dalam peperangan Badar, kamu akan dimerdekakan".

Wahsyi yang merupakan seorang pelontar lembing yang mahir telah menyahut cabaran tuannya. Dia pun mengikuti tentera Quraisy dengan satu niat utama iaitu untuk membunuh Saidina Hamzah ؓ bagi menjamin kemerdekaannya. Dia mula mengekori Saidina Hamzah ؓ sehingga mendapat peluang untuk melontar lembingnya tepat ke dada Saidina Hamzah ؓ. Wahsyi menceritakan bagaimana dia berjaya membunuh Saidina Hamzah ؓ: "Aku bersembunyi di belakang batu dan apabila Hamzah mendekati aku, aku terus lontarkan lembingku ke arahnya. Ia menembusi tepat di tengah-tengah dadanya manakala hujungnya menembusi belakangnya".

Apabila Rasulullah ﷺ melihat mayat Saidina Hamzah ؓ dan kekejaman serta kejahatan yang dilakukan ke atas mayatnya, Baginda bersabda :

(لَنْ أُصَابَ بِمِثْلِكَ أَبَداً)

Maksudnya: "Tidak akan berlaku lagi kejadian seperti ini selama-lamanya".

Rasulullah ﷺ menanam mayat Saidina Hamzah ؓ di kaki bukit di pinggir *Wadi Qanat* iaitu di selatan Bukit Uhud dan di barat laut *Jabal Rumah*. Anak kepada saudara perempuannya iaitu Abdullah bin Jahshi ditanam

bersamanya.

Pada tahun 46H, sewaktu pemerintahan Muawiyah berlaku banjir di kawasan itu yang menyebabkan terbongkarnya jasad Hamzah. Selepas itu jasadnya dipindahkan ke tempatnya sekarang. Menurut sesetengah ulamak tempat beliau dikebumikan pada mulanya ialah di kawasan *Masjid Syuhada'*.

Manakala para syuhada' lain juga dikebumikan di situ iaitu ke arah utara sedikit dari kubur Saidina Hamzah ﷺ. Menurut pendapat ahli sejarah daripada jumlah 70 orang yang telah gugur syahid itu, 64 daripadanya adalah golongan Ansar dan enam orang selebihnya adalah daripada golongan Muhajirin. Majoritinya ditanam bersama di *Wadi Qanat*. *Wadi Qanat* juga dikenali sebagai *Wadi Saidina Hamzah, Sayyid Syuhada*.

Ibnu Ishaq meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ melewati rumah Bani Abdul Ash-hal dan mendengar keluarganya menangis meratapi mereka yang syahid di medan Uhud. Baginda mendengar dengan perasaan sedih dan berkata:

"Hamzah tidak mempunyai sesiapa untuk menangisi pemergiannya". Saad bin Mu'az ﷺ dan Usaid bin Hudhair ﷺ kemudiannya pergi ke Bani Al-Ash-hal dan menyuruh kaum perempuannya meratapi Hamzah. Apabila Baginda mendengar tangisan mereka itu, Baginda ﷺ mengatakan sudah cukup ratapan mereka itu dan menyuruh mereka berhenti. Baginda kemudiannya melarang muslimin daripada menangisi dan meratapi sebarang kematian. Bahkan ratapan itu dianggap sebagai perbuatan jahiliyyah.

Sabda Nabi ﷺ:

(لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَطَمَ الخُدُوْدَ، وَشَقَّ الجُيُوْبَ، وَدَعَا بِدَعْوَى الجَاهلِيَّةِ). البخاري.

Maksudnya: "Bukan dari kalangan kami orang yang menampar pipi, mengoyak pakaian dan menyeru dengan seruan jahiliyyah (meratap atau melaung semasa ditimpa musibah)"[1].

Ubadah bin As-Somit berkata: Rasulullah ﷺ selalu menziarahi perkuburan syuhada' Uhud dan memberi salam kepada mereka dengan mengucapkan:

(سَلامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّار)

Maksudnya: "Salam sejahtera ke atas kamu di atas kesabaran kamu dan nikmatilah sebaik-baik tempat tinggal (syurga)"[2].

Para jemaah haji atau umrah yang datang ke Madinah adalah digalakkan untuk menziarahi kawasan perkuburan syuhada' Uhud ini bagi mengenang kembali perjuangan Rasulullah ﷺ dan para sahabat ﵃ serta mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku di situ. Bukan hanya untuk bersuka-suka dengan membeli belah dan bergambar sahaja.

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1294.

[2] Lihat: Ibnu Hisyam, As-Sirah An-Nabawiyyah 2/95-99, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 210-211.

PEPERANGAN AHZAB / KHANDAK
Syawal 5 Hijrah.

Peperangan Ahzab yang bererti 'Tentera Bersekutu' atau Khandak yang bererti 'Parit' ini berlaku pada bulan Syawal tahun 5H bersamaan 627 M. Dinamakan `Ahzab' kerana tentera musyrikin terdiri daripada gabungan kafir Quraisy Makkah dengan kaum Yahudi Madinah iaitu Bani Nadhir, Bani Quraizah dan beberapa kaum lain seperti Bani Ghatofan, Bani Asad, Bani Salim, Bani Fazarah, Ashja' dan Murrah.

Peranan utamanya dimainkan oleh ketua Yahudi Bani Nadhir yang diusir keluar dari Madinah setelah mereka mengkhianati satu perjanjian dengan kaum muslimin.

Tentera Ahzab ini terdiri daripada 10,000 orang tentera yang bersenjata lengkap dan mempunyai bekalan yang banyak. Bilangan tentera Quraisy di bawah pimpinan Abu Sufyan bin Harb sahaja terdiri daripada 4,000 orang tentera, 300 ekor kuda dan 1,500 ekor unta.

Apabila Rasulullah ﷺ mendapat tahu tentang berita ini, Baginda pun terus mengumpul para sahabat ؓ untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menghadapi ancaman yang besar ini. Seorang sahabat, Salman Al-Farisi ؓ memberi cadangan supaya menggali parit sebagai kubu mengelilingi bandar Madinah dan pendapat ini telah dipersetujui ramai. Kerana inilah peperangan ini dikenali dengan nama Peperangan Khandak (parit).

Rasulullah ﷺ dan para sahabat ؓ pun memikirkan di bahagian manakah Madinah akan mula

diserang. Mereka mendapati bahagian utara adalah satu-satunya bahagian yang terbuka dan terdedah kepada serangan luar. Ini kerana bahagian timur, barat dan selatan Madinah adalah kawasan berbukit-bukit yang juga dilindungi secara semulajadi oleh bangunan-bangunan dan pokok-pokok. Mereka pun mula menggali parit dari tempat yang dikenali sebagai *Ratij* (bukit yang terletak di Jalan Abu Bakar As-Siddiq) sehingga ke kawasan Bukit *Zubab* di mana Masjid *Ar-Rayah* dibina. Kawasan ini digali oleh kaum Muhajirin. Manakala dari Zubab sehingga ke Jabal Bani Ubaid pula digali oleh orang Ansar. Rasulullah ﷺ turut serta bersama para sahabat ؓ menggali parit ini sehingga seluruh badannya dipenuhi dengan tanah dan debu.

Semasa menggali parit tersebut, terdapat satu batu besar yang tidak dapat dipecahkan atau pun digerakkan. Setelah habis ikhtiar dilakukan, para sahabat ؓ pun menyuruh Salman Al-Farisi ؓ memberitahu Rasulullah ﷺ masalah yang mereka hadapi itu. Baginda pun pergi ke tempat batu itu dengan membawa cangkul lantas memukul batu itu sebanyak tiga kali sehingga ia hancur berkecai. Setiap kali Rasulullah ﷺ memukul batu itu, keluar cahaya kilat yang memancar. Baginda memberitahu para sahabat ؓ bahawa cahaya itu memancar sehingga ke Istana Parsi, Istana Empayar Rom dan Istana San'aa di Yaman. Baginda juga mengatakan bahawa Jibrail عليه السلام telah memberitahu Baginda mengenai kemenangan umat Islam dan kejatuhan empayar-empayar tersebut ke tangan Islam.

Ahli-ahli sejarah berselisih pendapat tentang ukuran parit yang digali itu. Menurut Sheikh Muhammad Ba Syamil panjangnya kira-kira 5,000 hasta, luasnya tidak

kurang daripada 9 hasta dan dalamnya pula kira-kira tidak kurang daripada 7 hasta.

Menurut Syeikh Ghali Asy-Syanqithi pula panjangnya ialah 2,725 m, luasnya 40 hasta dan dalamnya 20 hasta.

Manakala Al-Wakeel pula mengatakan panjangnya lebih daripada 2,000 m, luasnya 5 m dan dalamnya 3 m. والله أعلم[1].

Proses penggalian parit tersebut dijalankan dengan setiap sepuluh orang sahabat diarah menggali parit sepanjang 40 hasta. Dengan mukjizat Rasulullah ﷺ, parit itu siap dalam masa enam hari sahaja dan ada yang mengatakan ia siap dalam masa lima belas hari.

Menurut sirah, tentera Islam berjumlah 3,000 orang. Mereka berkhemah di utara *Jabal Sila'*. Parit yang telah digali memisahkan mereka daripada tentera Ahzab yang berkhemah di *Majmaa' Al-Asyal* (berdekatan telaga *Rumah*). Manakala tentera Ghotafan pula cuba menyeludup masuk melalui barat Bukit Uhud.

PERTEMPURAN

Pertempuran bermula apabila para pemanah mula memanah dengan panah dan batu. Kemudian perlawanan pedang pula bermula apabila beberapa orang kafir iaitu Amru bin Abdu Wudd Al-'Amiri, 'Ikrimah bin Abi Jahal, Dirar bin Al-Khattab, Hubairah bin Abi Wahab dan Naufal bin Abdullah berjaya memasuki kawasan

---

[1] Lihat: Muhd. Ba Syamil, Ghazwah Al-Ahzab 141, Fusul Min Tarikh Al-Madinah 221, Ad-Dur Ath-Thamin 202, Al-Madinah...Al-Maalim 196.

muslimin. Mereka kemudiannya terus disekat dan dicabar oleh Ali bin Abi Talib ﷺ dan para sahabat yang lain. Saidina Ali ﷺ kemudiannya berjaya membunuh Amru dan Az-Zubair bin Awwam ﷺ membunuh Naufal manakala bakinya terus berundur lari.

PENGKHIANATAN BANI QURAIZAH

Seorang pemimpin Yahudi, Huyai bin Akhtab telah menghasut Yahudi Bani Quraizah di Madinah supaya melanggar perjanjiannya dengan Rasulullah ﷺ dan menyertai tentera Ahzab. Tentera muslimin kemudiannya bukan sahaja menghadapi tentera Ahzab tetapi juga pengkhianat Bani Quraizah yang masih lagi berada di Madinah dan berperanan sebagai musuh dalam selimut.

Keadaan tentera Islam pada masa itu menjadi begitu genting, mata mereka mula menjadi kabur dan hati mereka seolah-olah berada di kerongkong. Mereka mula mengatur dan mengemaskinikan barisan tentera. Rasulullah ﷺ membahagikan tentera kepada dua kumpulan seramai 500 orang untuk mempertahankan bandar, sementara yang bakinya pula diarahkan untuk bertahan di kubu atau parit tersebut. Perempuan dan kanak-kanak mula dipindahkan ke tempat yang lebih selamat.

Pengepungan terus berlaku dengan hebatnya. Kaum muslimin tidak berganjak dari tempatnya dan terus berjuang dengan gagahnya. Orang kafir mula menyebarkan khabar angin dan berita palsu untuk melemahkan semangat orang Islam. Tentera Ahzab seterusnya mengerahkan satu kumpulan tentera mereka yang paling kuat diketuai oleh Khalid bin Al-Walid untuk

bertempur dengan Rasulullah ﷺ.

Keadaan tentera Islam yang begitu gawat dan genting itu digambarkan dengan jelas oleh Allah ﷻ di dalam Al-Quran melalui firmanNya:

﴿ إِذْ جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ ٱلْأَبْصَـٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴾ [الأحزاب: ١٠]

Maksudnya: "Ketika mereka datang kepada kamu dari atas dan dari bawahmu dan ketika tidak tetap lagi penglihatan (mu) dan hatimu naik menyesak sampai ke kerongkong dan kamu menyangka kepada Allah dengan bermacam-macam prasangka"[1].

Tentera Islam pada masa itu sebenarnya terpaksa menghadapi lima perkara iaitu tentera Ahzab, Bani Quraizah, kesejukan, kelaparan dan ketakutan. Peperangan itu membawa pengalaman yang hebat kepada kaum muslimin. Namun demikian, ia berakhir dengan kekalahan tentera Ahzab sekaligus menjadikan Islam lebih kuat dan teguh dari sebelumnya. Di dalam peperangan ini tentera muslimin telah menunjukkan satu contoh yang begitu unik dan unggul apabila perwira-perwira mereka lebih rela gugur syahid daripada menyerah kalah kepada pihak musuh.

Dengan kemenangan ini Rasulullah ﷺ telah bersabda:

(الآنَ نَغْزُوْهُمْ وَلاَ يَغْزُوْنَنَا ، نَحْنُ نَسِيْرُ إِلَيْهِم) البخاري.

Maksudnya: "Sekarang kita akan keluar menyerang mereka, sebaliknya mereka tidak akan datang

[1] Surah Al-Ahzab 10.

lagi untuk menyerang kita (Madinah)”[1].

RUNDINGAN DENGAN KAUM GHOTAFAN

Rasulullah ﷺ cuba mengurangkan sedikit tekanan ke atas tentera muslimin dengan menawarkan kepada Uyainah bin Hasnu Al-Fazari (Kaum Ghotafan) sepertiga (1/3) daripada hasil buah-buahan kaum Ansar agar mereka keluar daripada barisan tentera Ahzab. Uyainah menyatakan persetujuan jika mereka diberikan separuh (1/2) daripadanya.

Seterusnya, Rasulullah ﷺ memanggil Saad bin Muaz ؓ dan Saad bin Ubadah daripada golongan Ansar dan memberitahu mereka mengenai tawaran Al-Fazari itu. Mereka pula menjawab jika ia arahan daripada Allah ﷻ mereka akan menerimanya. Rasulullah ﷺ mengatakan bahawa jika ia adalah arahan daripada Allah ﷻ, Baginda tidak akan bertanyakan pendapat mereka, tetapi ia hanyalah pandangan Baginda dan Baginda ingin tahu pendapat mereka pula. Mereka kemudiannya menjawab dengan penuh semangat bahawa mereka tidak akan memberi apa-apa kepada kaum Ghotafan kecuali pedang. Rasulullah ﷺ bersetuju dengan pendapat mereka dan ini telah menguatkan kembali semangat kaum muslimin.

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 4110.

PERANAN NU'AIM BIN MAS'UD

Nama penuh beliau ialah Nu'aim bin Mas'ud bin 'Amir bin Al-Asyja'i ؓ daripada kaum Ghotafan. Beliau adalah seorang yang berkaliber di kalangan kaumnya, juga dihormati oleh Bani Quraizah dan tentera Ahzab.

Nu'aim bin Mas'ud memeluk Islam di saat yang begitu genting dan penting di dalam sejarah. Beliau datang kepada Rasulullah ﷺ ketika kaum muslimin memutuskan rundingan dengan kaum Ghotafan. Kaumnya masih belum tahu akan keIslamannya. Beliau meminta agar Rasulullah ﷺ memberikan apa-apa tugas yang boleh dilakukannya. Rasulullah ﷺ bersetuju dengan permintaannya itu lalu berkata bahawa beliau boleh menolong kaum muslimin dengan mematahkan dan menggagalkan rancangan tentera Ahzab melalui beberapa muslihat yang dirancang dengan bijak.

Bagi tujuan tersebut, Nu'aim pun pergi kepada Bani Quraizah dan menekankan kepada mereka bahawa Quraisy dan kaum Ghotafan bukan penduduk Madinah, oleh itu mereka tidak mempunyai kaum perempuan dan kanak-kanak untuk dibimbangi. Mereka datang untuk menentang Rasulullah ﷺ dan jika kalah mereka akan lari kembali ke negeri mereka. Jika mereka menarik diri, Bani Quraizah terpaksa menghadapi Rasulullah ﷺ bersendirian, yang mana tidak mungkin mereka akan dapat melawan kekuatan kaum muslimin. Beliau juga seterusnya menasihati bahawa mereka tidak harus menentang kaum muslimin kecuali mereka terlebih dahulu mengambil beberapa orang dari kaum Ghotafan dan Quraisy sebagai tebusan. Bani Quraizah terus menyetujui cadangan Nu'aim itu.

Kemudian beliau pergi pula kepada kaum Ghotafan dan Quraisy, lalu memberitahu mereka bahawa Bani Quraizah telah menyesal kerana membatalkan perjanjian mereka dengan Rasulullah ﷺ. Mereka (Bani Quraizah) menawarkan kepada Rasulullah ﷺ beberapa orang tebusan daripada kaum Ghotafan dan Quraisy untuk dihukum dan mereka berjanji akan bersama dengan kaum muslimin untuk menentang tentera Ahzab.

Apabila tentera Ahzab (Quraisy dan kaum Ghotafan) menyuruh Bani Quraizah bersiap-sedia untuk berperang kerana keadaan mereka mula genting dan mereka mahu cepat-cepat mengalahkan Rasulullah ﷺ dan muslimin semuanya. Bani Quraizah pun meminta untuk diberikan kepada mereka beberapa orang tentera sebagai jaminan dan tidak akan turut berperang jika tiada jaminan itu. Keadaan ini terus menimbulkan keraguan tentera Ahzab terhadap Bani Quraizah dan mereka pun mula tuduh-menuduh dan berprasangka sesama mereka.

Begitulah Allah ﷻ telah menggagalkan rancangan jahat Bani Quraizah dan tentera Ahzab. Nu'aim yang telah muncul sebagai `hero' kaum muslimin telah melakukan tugas dengan cemerlang bagi mempercepatkan kekalahan musuh Islam itu.

DOA RASULULLAH ﷺ TERHADAP TENTERA AHZAB

Imam Ahmad telah meriwayatkan bahawa sebelum memulakan solat di Masjid Al-Ahzab (Al-Fath) Rasulullah ﷺ telah berdoa dengan sepenuh hati kepada Allah ﷻ:

(اَللّٰهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ سَرِيْعَ الْحِسَابِ أَهْزِمْ الأَحْزَابَ) البخاري.

Maksudnya: "Ya Allah, ya Tuhanku yang menurunkan kitab dan yang azab-Nya adalah segera, kalahkanlah tentera Ahzab"[1].

Setelah berkubu dan mengepung selama 20 hari lebih tanpa apa-apa tanda kemenangan, tentera Ahzab mula menjadi begitu perit dan tidak mampu bertahan lagi. Mereka telah hilang harapan untuk menentang tentera muslimin secara berdepan. Mereka mula menunjukkan tanda tidak sabar dan tidak berpuas hati. Masalah bekalan dan kelengkapan asas mulai timbul kerana mereka ini tidak biasa dengan peperangan secara berkubu. Keadaan ini menyebabkan mereka mulai berfikir untuk berhenti dan berundur.

KEKALAHAN TENTERA AHZAB

Selepas berbincang dengan tenteranya, Abu Sufyan bin Harb pun mengarahkan supaya tentera Ahzab berundur ke Makkah. Dia memberitahu mereka bahawa Bani Quraizah telah mengkhianati mereka dan berdamai kembali dengan Rasulullah ﷺ. Di saat itu, angin kencang mula bertiup dengan dahsyat dan mengerikan di kawasan itu.

Apabila tentera Islam melihat pergerakan luar biasa di sebelah pihak musuh, Rasulullah ﷺ pun menghantar Huzaifah bin Al-Yaman untuk menyiasat. Ketika Huzaifah mendekati kawasan musuh, dia mendapati angin yang kencang sedang bertiup dan

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 4115.

memusnahkan khemah-khemah dan bekalan musuh. Abu Sufyan sedang berteriak mengarahkan tenteranya supaya berundur. Dia kemudiannya menaiki kudanya dan lari kembali ke Makkah diikuti oleh tenteranya. Pengunduran itu dikawal oleh Khalid bin Al-Walid dan Amru bin Al-'As dengan 200 orang tentera pertahanan.

Huzaifah kembali melaporkan kepada Rasulullah ﷺ tentang pengunduran tentera Ahzab itu. Dengan kehendak Allah ﷻ tentera bersekutu itu telah kalah dan kepungan terhadap kaum muslimin telah berakhir.

Allah ﷻ telah merakamkan peristiwa ini menerusi firman-Nya:

﴿ وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾ ﴾ [الأحزاب: ٢٥]

Maksudnya: "Dan Allah ﷻ telah menghalau orang-orang kafir itu (ke tempat masing-masing) dengan penuh kemarahan (kerana gagal dan hampa), mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan pun. Dan Allah telah selamatkan orang-orang yang beriman daripada bencana menghadapi peperangan itu. Dan Allah adalah Maha Kuat lagi Maha Perkasa"[1].

Di dalam peperangan ini, seramai lapan orang telah gugur syahid dan kesemuanya daripada golongan Ansar. Manakala di pihak lawan seramai empat orang telah terbunuh, kesemuanya daripada golongan Quraisy.[2]

---

[1] Surah Al-Ahzab 25.
[2] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 355-370.

HUKUMAN KE ATAS BANI QURAIZAH

Selepas pengunduran tentera Ahzab, Rasulullah ﷺ menumpukan pula perhatian terhadap pertahanan dalam negeri. Bani Quraizah telah membuat rancangan untuk menentang muslimin. Oleh yang demikian, Rasulullah ﷺ pun bertindak dengan mengarahkan tentera Islam mengepung kawasan Bani Quraizah sehingga mereka menyerah kalah.

Mereka kemudiannya dibawa sebagai tawanan ke Madinah. Kaum Aus yang mempunyai pertalian dengan mereka meminta supaya Rasulullah ﷺ menyerahkan orang-orang Yahudi itu kepada mereka untuk dihukum.

Rasulullah ﷺ kemudiannya melantik Saad bin Mu'az رضي الله عنه (yang kisahnya telah disebut sebelum ini) sebagai hakim untuk menghukum mereka. Saad رضي الله عنه yang mengalami kecederaan akibat peperangan itu telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas kaum lelaki, sementara perempuan dan kanak-kanak dijadikan tawanan. Segala harta-benda mereka turut dirampas. Begitulah hukuman yang setimpal ke atas kaum Yahudi pengkhianat itu.

Jumlah kesemua yang dibunuh adalah di antara 600 hingga 700 orang termasuk Huyai bin Akhtab, seorang pemimpin Yahudi yang terkenal. Sementara harta-harta yang dirampas termasuklah 1,500 bilah pedang, 2,000 bilah lembing, 1,500 buah perisai, 300 pasang baju besi, sejumlah besar unta dan lain-lain binatang ternakan[1].

---

[1] Ibid 371-377.

PENGAJARAN

Di antara pengajaran yang boleh diambil daripada peperangan ini ialah:

1. Kaum muslimin hendaklah **sentiasa berwaspada** dan **bersedia** serta **tidak mendedahkan diri mereka terhadap risiko.** Apabila mengetahui bahawa jumlah tentera Ahzab adalah terlalu ramai dan tidak mungkin dapat dikalahkan secara berdepan, Rasulullah ﷺ bersetuju dengan cadangan Salman ؓ untuk menggali parit sebagai pertahanan.

2. Ketua-ketua pucuk pimpinan Islam perlu mengunakan jalan dan segala usaha yang ada semasa peperangan, termasuk **propaganda** (menyebarkan berita-berita palsu) **untuk mengucar-kacirkan pihak musuh** dan melemahkan semangat mereka. Rasulullah ﷺ telah menunjukkan contoh ini dengan mengarahkan Nu'aim bin Mas'ud untuk menggunakan muslihat bagi memecahkan pihak musuh.
3. Kaum muslimin haruslah **tabah** dan **sabar** dalam menghadapi peperangan, kelaparan, kedinginan dan lain-lain keperitan atau kesusahan bagi mempertahankan keimanan dan agama mereka. Kemenangan akan sentiasa berpihak kepada orang yang teguh imannya.
4. Propaganda yang melemahkan pihak musuh ini adalah pertama kali digunakan oleh tentera muslimin.

KEDUDUKAN KHANDAK (PARIT) HARI INI

Kini, tiada apa-apa kesan runtuhan atau peninggalan daripada bekas parit itu yang boleh menjelaskan kedudukan sebenarnya. Namun demikian, menurut ahli-ahli sejarah seperti *As-Samhudi,* Rasulullah ﷺ pernah menerangkan bahawa kedudukan parit itu bermula dari *Ajimmah Asy-Syaikhain* di hujung *Al-Harrah Asy-Syarqiyyah* (Masjid Al-Mustarah) dan berakhir di *Jabal Bani 'Ubaid* iaitu di barat Masjid *Al-Fath*. Ia merupakan satu garisan lurus memanjang dengan sedikit lengkungan ke arah barat laut.

Walaupun terdapat pendapat yang lain daripada ahli-ahli sejarah lain mengenai kedudukan parit ini, namun menurut Syeikh Ali Hafiz, apa yang dinyatakan di sini adalah pendapat yang paling diyakini daripada segi logiknya kerana beberapa faktor:

a) Garisan parit yang lurus adalah lebih pendek jaraknya.

b) Kawasan tanah di sini adalah rata dan tidak berbukit-bukau.

c) Garisan yang lurus dan lebih pendek akan lebih memudahkan parit itu dikawal[1].

والله أعلم.

---

[1] Lihat: Fusul Min Tarikh Al-Madinah 226.

Peta Kedudukan Peperangan Khandak

BAB SEMBILAN
TAMAR MADINAH

Bumi Madinah memang terkenal dengan kesuburannya dan terdapat banyak kebun tamar di dalamnya. Pohon tamar pula ada berbagai-bagai jenis. Ada yang mengatakan ia mencecah 200 jenis dan hingga sekarang pun masih banyak lagi yang wujud.

Apa yang lebih penting dan akan disebutkan di sini ialah mengenai tamar yang mempunyai kelebihan atau fadhilat seperti yang tersebut dalam hadis, atau yang masyhur di kalangan awam dengan nama *tamar nabi* atau nama sebenarnya *'Ajwah.*

'Ajwah atau tamar Madinah ada disebut dalam hadis mengenai kelebihannya. Saad bin Abi Waqqas ﵁ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda:

(مَنْ تَصَبَّحَ سَبْعَ تَمَرَاتٍ عَجْوَةً لَمْ يَضُرَّهُ ذَلِكَ الْيَوْمِ سُمٌّ وَلا سِحْرٌ). رواه البخاري.

Maksudnya: "Sesiapa makan tujuh biji tamar *'Ajwah* pada waktu pagi, nescaya racun dan sihir tidak akan memudharatkannya pada hari itu"[1].

Dan dalam hadis lain disebut *'Ajwah* atau tamar *'Aliyah* (bahagian selatan Madinah).

[1] Sahih Al-Bukhari No. 5769.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Saad ﷺ sabda Nabi ﷺ:

(مَنْ أَكَلَ سَبْعَ تَمَرَاتٍ مِمَّا بَيْنَ لاَبَتَيْهَا حِينَ يُصْبِحُ لَمْ يَضُرَّهُ سُمٌّ حَتَّى يُمْسِيَ). رواه مسلم.

Maksudnya: "Sesiapa makan tujuh biji tamar yang tumbuh di antara dua tanah hitam (Sempadan Haram Madinah) di waktu pagi, dia tidak akan terkena racun hingga petang"[1].

Menurut Imam Nawawi رحمه الله, hadis-hadis ini menunjukkan fadhilat atau kelebihan tamar dan *'Ajwah* Madinah, juga mengenai kelebihan memakan tujuh biji tamar tersebut di waktu pagi. Hikmah mengapa dikhususkan *'Ajwah* Madinah beserta bilangannya adalah menjadi rahsia syara' yang tidak diketahui oleh sesiapa. Namun demikian, kita wajib beriman dan mempercayai fadhilat dan hikmahnya [2].

Adalah menjadi kebiasaan bagi setiap pengunjung yang datang ke Madinah akan membeli tamar *'Ajwah* Madinah untuk dibawa pulang ke tanah air. Kebanyakan peniaga tamar pula akan menawarkan harga yang begitu tinggi untuk tamar jenis ini.

Sebagai peringatan buat pembaca, bukan semua tamar yang dijual di sini berasal dari bumi Madinah dan mempunyai fadhilat yang tersebut. Sebaliknya kebanyakan tamar tersebut adalah **diimport dari luar!**

---

[1] Sahih Muslim No. 2047.

[2] Syarah Sahih Muslim 14/3 dan Fathul Bari 10/251.

Oleh itu, bagi mereka yang ingin membeli dengan tujuan untuk mendapat fadhilat tersebut perlulah berhati-hati agar tidak tertipu. Namun demikian, semua jenis tamar mempunyai kelebihan dari segi kesihatan, seperti yang tersebut di dalam buku yang ditulis mengenainya[1].

Disamping itu ada sejenis tamar lain yang disebut didalam hadis Rasulullah ﷺ tentang kelebihannya:

(خَيْرُ تَمَرَاتِكُمُ الْبَرْنِي ، يُذْهِبُ الدَّاءَ وَلاَ دَاءَ فِيْهِ).

Maksudnya: "Sebaik-baik tamar kamu ialah *'Al-Barni'*, ia menghilangkan penyakit dan tidak mendatangkan penyakit"[2].

[1] Lihat: Ir. Adib Umar, Tumur Tabah Wa Fawaiduha Al-Mustatobah.
[2] Lihat:Fathul Bari 4/572, Sahih Al-Jami' As-Soghir No. 3303, As-Silsilah As-Sahihah No. 1844. Kata Al-Albani: Hadis Sahih.

PENUTUP

Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya buku **'Madinah Munawwarah; Kelebihan dan Sejarah'** ini dapat disiapkan secara ringkas walaupun mungkin terdapat kelemahan dan kekurangan.

Semoga dengan terbitnya buku ini, ia menjadi satu sumbangan kami kepada muslimin dan muslimat yang mencintai bumi bertuah lagi berkat ini.

Sebenarnya, terdapat beberapa *maalim* lagi yang tidak sempat ditulis dan *insya'Allah* kita akan berusaha memperlengkapkannya dari masa ke semasa.

Oleh kerana *amal basyari* tidak lari daripada kekurangan atau kesilapan, sebagaimana kata Ibnu Rajab رحمه الله dalam muqaddimah "*Qawaid*"nya:

"ويأبى الله العصمة لكتاب غير كتابه،

والمنصف من اغتفر قليل خطأ المرء في كثير صوابه..."[1].

Kepada mana-mana pembaca yang mendapati ada kekurangan atau kesilapan, diharap dapat membetulkannya.

أسأل الله عزَّ وجلّ بأسمائه الحسنى وصفاته العلى أن يتقبل منا جميعاً أعمالنا وأن يرزقنا الإخلاص في العمل، والصلاة والسلام على نبينا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين والحمد لله رب العالمين .

[1] Abdul Rahman bin Rajab, Al-Qawaid 3.

RUJUKAN

1. فتح الباري بشرح صحيح البخاري
   Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar Al-Asqalani.
   Cet. Dar Ar-Rayyan.
2. فصول من تاريخ المدينة المنورة
   Sheikh Ali Hafiz.
3. ***Chapters From The History of Madina***
   Sheikh Ali Hafiz.
4. تاريخ معالم المدينة المنورة قديما وحديثا
   Sayyid Ahmad Yasin Ahmad Al-Khayyari Al-Madani.
5. الدر الثمين في معالم دار الرسول الأمين صلى الله عليه وسلم
   Sheikh Ghali Muhammad Al-Amin Asy-Syanqithi.
6. آثار المدينة المنورة
   Sheikh Abdul Quddus Al-Ansari.
7. الأحاديث الواردة في فضائل المدينة
   Dr. Saleh bin Hamid bin Sa'id Ar-Rifa'i.
8. المسجد النبوي عبر التاريخ
   Sheikh Muhammad As-Sayyid Al-Wakeel.
9. المدينة المنورة معالم وحضارة — المعالم
   Sheikh Muhammad As-Sayyid Al-Wakeel.
10. آداب زيارة المسجد النبوي والسلام على رسول الله صلى الله عليه وسلم
    Sheikh 'Atiyyah Muhammad Salim.
11. حدود حرم المدينة النبوية
    Sheikh Dr. Abdul Aziz Abdul Fattah Al-Qari.
    (Dalam 'Al-Manhal' Bil. 499).

12. تاريخ المسجد النبوي الشريف

Mohd Ilyas Abdul Ghani.

13. المساجد الأثرية في المدينة النبوية

Mohd Ilyas Abdul Ghani.

14. بيوت الصحابة حول المسجد النبوي الشريف

Mohd Ilyas Abdul Ghani.

15. ***Majalah 'AL-MANHAL'***

Bil. 499 (Sep-Okt 1992. Rabie' I-II 1413).

15. الدرة الثمينة في أخبار المدينة

Muhammad bin Mahmud An-Najjar Al-Baghdadi (578-643H).

16. الرحيق المختوم

Safiyyurrahman Al-Mubarakfuri.

17. خلاصة الوفاء بأخبار دار المصطفى

Ali bin Abdullah bin Ahmad Al-Husaini As-Samhudi (844-922H). Tahqiq: Dr. Muhammadul Amin Al-Jakani.

18. الأحكام الفقهية المتعلقة بالمدينة النبوية

Yusuf bin Matar Al-Muhammadi[1].

[1] Catatan: Penulis menyebut di sini beberapa rujukan utama untuk mengetahui sejarah Madinah. Namum banyak lagi kitab rujukan yang digunakan dalam penulisan ini tidak dicatit dan boleh dilihat melalui nota kaki. Sekian.

Pelan Masjid Nabawi

BIODATA
MADRASAH MUHAMMADIAH
PONDOK SUNGAI DURIAN
(Ditubuhkan pada: 10 Safar 1378H / 04 Jun 1958M)

Nama.	: ***Madrasah Muhammadiah.***
Pendaftaran MAIK	: 134 dlm M.A. 365 68 (kertas M.A. 82/60)
Nama lain yang dikenali	: ***PONDOK SUNGAI DURIAN.***
Pengasas	:Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Sulaiman *rahimahullah* (1923-1988).
Pengerusi Pemegang Amanah	: Tuan Guru Haji Ismail bin Sulaiman.
Penasihat Umum	:Haji Ahmed Shukri bin Haji Abdul Rahman (B.A Umm Al-Qura, M.A. Institut Tinggi Imamah & Du'at, Makkah).
Mudir Madrasah	: Haji Abdul Latiff bin Haji Abdul Rahman (M.A. Universiti Al al-Bayt, Jordan).
Alamat	:Madrasah Muhammadiah, Pondok Sungai Durian, 18000 Kuala Krai, Kelantan Darul Naim, Malaysia. Telefon : 09 966 7071 / 09 966 4161. Faks : 09 744 8050.
No. akaun Madrasah	***: 003024-503303 (MayBank Kuala Krai)***
Sistem pengajian	:Gabungan antara dua sistem; pondok (halaqat) & sekolah (kelas).
Sesi pengajian	: Bermula pada 10 Syawal.
Lanjutan pengajian	:Al-Azhar, Madinah, Jordan, Iraq, Syria, Pakistan, Kulliyyah Pondok Darul Naim dll.
Sumber kewangan	:Bantuan dan derma orang ramai, ibu bapa pelajar, zakat dll.
Perancangan	:a.Menaikkan taraf pembangunan infrastruktur, pendidikan dan pengiktirafan pengajian. b.Memberi bantuan kepada pelajar miskin, anak yatim dan penghuni tua miskin